

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)

TAJUK : MENARIK BALIK RANCANGAN MENGAMBIL BALIK SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA MENENGAH YANG DISERAHKAN OLEH JAIS KEPADA KERAJAAN

54. Pada pertengahan September 2008 pihak JAIS mengumumkan pembatalan untuk mengambil balik sekolah-sekolah agama menengah yang diserahkan kepada kerajaan Persekutuan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Tidakkah dibuat kajian sebelum pengumuman mengambil balik dulu diumumkan?
- b) Apakah implikasinya jika pengambilan dibuat?
- c) Dengan tidak mengambil balik, tidakkah menjelaskan polisi pendidikan agama Islam di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Beberapa pertemuan dan perbincangan telah diadakan antara wakil Kerajaan Negeri, JAIS dan Kementerian Pelajaran. JAIS berpandangan ianya tidak perlu diperpanjang sehingga perlu dibuat kajian. Buat masa ini keputusan mengekalkan perjanjian persefahaman menjadikan Sekolah-sekolah Agama Menengah Negeri ini sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang mendapat Bantuan Kerajaan Pusat adalah pilihan terbaik.
- b) Implikasi apabila persetujuan menjadikan Sekolah Agama Negeri menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan Pusat ditarik balik adalah:
 - i. Bantuan-bantuan kewangan dan peralatan yang telah dan akan diberi akan ditarik balik. Kerajaan negeri perlu mewujudkan kembali peruntukan ini yang telah dirancang akan digunakan untuk membangun dan menaik taraf Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). Jumlah peruntukan tambahan yang diperlukan oleh kerajaan negeri adalah sebanyak RM 50.6 juta setahun. Sila rujuk **Lampiran A**.
 - ii. Guru-guru juga telah memilih opsyen untuk menjadi guru kementerian. Agak rumit dan mengambil masa untuk kerajaan negeri mendapat semula jawatan atau mendapatkan semula guru-guru tetap.
 - iii. Hasrat Kerajaan Negeri hendak memberi pendidikan asas agama yang sempurna kepada semua anak-anak Islam di Selangor melalui SRA dan KAFA mungkin tidak kesampaian atau kurang sempurna kerana peruntukan yang ada tidak mencukupi.

- c) JAIS berharap dan berdoa polisi pendidikan Islam di Selangor tidak terjejas kerana Kerajaan Negeri masih diberi tanggungjawab untuk mengurus pengajaran dan pembelajaran Sukatan al-Azhar. Kerajaan negeri juga masih menguruskan pengambilan pelajar. Keputusan-keputusan Kementerian Pelajaran yang tidak selari dengan Kerajaan Negeri masih boleh dibincang melalui Lembaga Pengelola Sekolah di mana pengurus dan urusetianya dilantik oleh Kerajaan Negeri seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 53 (1) Akta Pendidikan 1996(Akta 550).

LAMPIRAN A

BANTUAN KEPADA 23 BUAH SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN) YANG TELAH MENJADI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) PERSEKUTUAN.

JENIS BANTUAN	TAHUN		
	2006	2007	2008 Jun - Mei
<ul style="list-style-type: none"> - Pembangunan - Perkapita Matapelajaran - Utiliti - Baikpulih - Makan Asrama - Aset dan Harta Modal - Peralatan Pendidikan Sains, Matematik & Bahasa Inggeris - Sukan & Kokurikulum - Guru & Kakitangan - Pakaian Seragam - Yuran Khas Sekolah - Keselamatan - Pembersih Kawasan - Kursus-kursus Ikhtisas 	RM 12,864,142.70	RM 44,393,033.25	RM 57,873,755.97

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH PENTERNAKAN BURUNG WALIT

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila senaraikan jumlah pengusaha penternakan Burung Walit yang berlesen dan tidak berlesen mengikut daerah di seluruh Negeri Selangor.
- b) Terdapat banyak percanggahan peraturan yang diguna pakai oleh semua PBT terhadap pengusaha tersebut. Kenapa keadaan sedemikian berlaku dan bilakah suatu garis panduan penyelarasian yang proaktif akan dilaksanakan ?
- c) Apakah tindakan yang bakal diambil terhadap pengusaha yang menghasilkan pencemaran persekitaran dan kacau ganggu bunyi yang kuat ?

JAWAPAN :


- a) Setakat ini Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor telah mengeluarkan lesen premis perusahaan sarang burung walit kepada PBT-PBT yang terlibat dan pecahannya adalah seperti di bawah :

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH PREMIS BERLESEN	JUMLAH PREMIS TANPA LESEN
1.	Majlis Perbandaran Klang	52	-
2.	Majlis Perbandaran Sepang	30	-
3.	Majlis Daerah Hulu Selangor	02	-
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	317	116
	JUMLAH	401	116

- b) Merujuk kepada cabutan Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 19 Oktober 2005 MMKN 25/2005 satu 'Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit' yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dipersetujui bagi menangani masalah industri menternak burung walit di kawasan bandar dan diguna pakai oleh semua pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor. Oleh yang demikian tiada percanggahan peraturan berlaku kerana segala pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan boleh dirujuk di dalam garis panduan yang telah dikeluarkan.

- c) Operasi dan pemantauan berterusan dibuat secara berkala dan berpandukan kepada aduan awam bersama-sama dengan Jabatan Alam Sekitar Negeri. Tindakan kompaun diambil kepada pengusaha yang menimbulkan kacauanggu bunyi atau pencemaran persekitaran.

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN LESEN PREMIS
PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT**



**JABATAN KERAJAAN TEMPATAN
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PREMIS PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit menetapkan syarat-syarat dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pengusaha sebelum sebuah premis boleh diluluskan untuk perusahaan sarang burung walit.

2.0 UNDANG-UNDANG DAN GARIS PANDUAN

Undang-undang dan Garis panduan yang berkaitan dengan permohonan lesen premis untuk perusahaan sarang burung walit adalah seperti berikut:

- a. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);
- b. Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 (Akta 133);
- c. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984; dan
- d. *Good Animal Husbandry Practice For Edible-Nest Swiftlets Aerodermus Species - Ranching And Its Premises* oleh JPH.

3.0 PROSES KELULUSAN LESEN PREMIS

Carta alir seperti di Lampiran 1 menerangkan turutan proses-proses berikut iaitu:

- a. pemohon kemukakan pemohonan lesen premis ke PBT;
- b. PBT rujuk ke agensi teknikal iaitu Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dan Badan Warisan Malaysia (bagi bangunan yang diwarta sebagai warisan) untuk perakuan;
- c. PBT terima perakuan dari agensi teknikal dan semak; dan
- d. PBT memproses dan memaklumkan keputusan (lulus/tolak) kepada pemohon.

4.0 SYARAT-SYARAT PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Syarat-syarat tersebut adalah:

- a. bangunan kediaman sepenuhnya adalah tidak dibenarkan;
- b. tingkat bawah tidak dibenarkan diguna untuk perusahaan ini melainkan kebenaran khas diperolehi dari PBT

- (dibenarkan bagi bangunan yang terbiar pada satu tempoh tertentu sahaja);
- c. facade bangunan hendaklah harmoni dengan persekitaran;
 - d. sebarang pengubahsuaian dalam bangunan yang melibatkan struktur perlu ada pengesahan dari Jurutera Perunding atas kekuahan struktur. Bagi bangunan yang ada penambahan perlu mendapatkan Kelulusan Pelan Bangunan dari PBT;
 - e. corong pembesar suara hendaklah dipasang menghadap langit pada sudut sekurang-kurangnya 60 darjah dari dasar lantai;
 - f. *dari segi kegunaan bangunan, ianya hendaklah dari jenis komersil; dan
 - * Bagi bangunan yang berstatus rumah kedai tempoh dua tahun diberi untuk mematuhi syarat ini.
 - g. **permohonan perlu disertakan dengan sijil kehadiran kursus yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi tempoh yang akan ditetapkan dari masa ke semasa.
 - ** Tarikh penguatkuasaan syarat ini akan dimaklumkan oleh KPKT pada satu masa nanti

**5.0 SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN PREMIS
PERUSAHAAN SARANG BURUNG**

SENARAI SEMAK	
1 Salinan resit cukai taksiran premis	<input type="checkbox"/>
2 Kegunaan bangunan bukan untuk kediaman sepenuhnya	<input type="checkbox"/>
3 Tingkat bawah bukan untuk perusahaan sarang burung melainkan dengan kebenaran khas PBT (salinan kebenaran khas disertakan).	<input type="checkbox"/>
4 Lakaran <i>facade</i> bangunan harmoni dengan persekitaran (lakaran disertakan jika <i>façade</i> asal diubahsuai)	<input type="checkbox"/>
5 Adakah ubahsuai dalaman bangunan melibatkan struktur; Jika ya, sertakan pelan & pengesahan oleh Jurutera Perunding.	<input type="checkbox"/>
6 Adakah bangunan melibatkan penambahan; Jika ya, sertakan kelulusan pelan bangunan dari PBT	<input type="checkbox"/>
7 Adakah sudut corong pembesar suara yang di pasang melebihi sudut 60 darjah dari dasar lantai	<input type="checkbox"/>
8 *Adakah kegunaan bangunan bagi tujuan komersil (tanah pertanian dikecualikan). *Bagi bangunan yang berstatus rumah kedai, tempoh dua tahun diberi untuk mematuhi syarat ini	<input type="checkbox"/>
9 **Sijil kehadiran kursus perusahaan sarang burung **Tarikh penguatkuasa syarat ini akan dimaklumkan oleh KPKT pada satu masa nanti	<input type="checkbox"/>

6.0 AGENSI-AGENSI TEKNIKAL YANG AKAN PBT RUJUK UNTUK PERAKUAN SEBELUM PERMOHONAN DILULUSKAN

Agensi teknikal yang akan dirujuk adalah:

- a. Jabatan Perkhidmatan Haiwan; dan
- b. Badan Warisan Malaysia jika berkenaan (Bangunan yang di warta sebagai warisan)

7.0 KAWALAN OPERASI PERUSAHAAN

Perkara-perkara yang akan dikawalselia ialah:


- a. bunyi dari corong pembesar suara tidak melebihi 40 desibel diukur 6 meter dari dinding bangunan. Corong pembesar suara hendaklah menghadap langit pada sudut sekurang-kurangnya 60 darjah dari dasar lantai, masa untuk penggunaan pembesar suara adalah dihadkan dari 7.00 pagi hingga 7.00 petang setiap hari;
- b. premis hendaklah sentiasa bersih;
- c. premis tidak menimbulkan masalah kacauganggu seperti bau busuk, pembiakan nyamuk, alat dan lain-lain jenis serangga;

- d. air tidak boleh bertakung diatas lantai atau di dalam apa-apa takungan tanpa kawalan. Hanya alat *humidifier* dibenarkan;
- e. dinding luar bangunan hendaklah sentiasa bersih;
- f. lampu dipasang di dinding luar bangunan; dan
- g. najis burung (guano) perlu dikumpul dan dikeluarkan dari premis secara berjadual.

8.0 PENUTUP

Garis panduan ini menetapkan keperluan asas bagi pemohonan lesen premis perusahaan sarang burung. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan sediada

**PROSES KELULUSAN PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT
DI BANGUNAN LAMA**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PENGGUNAAN PAKATAN RAKYAT SAH ATAU TIDAK

56. Kita sedia maklum, Kerajaan Negeri dibentuk hasil daripada kerajaan campuran yang melibatkan parti PKR, DAP dan PAS. Sambutan 100 hari pemerintahan sudah pun dijayakan dengan gemilangnya dengan pelbagai sepanduk, bema, banting, risalah di bina dan diwartawarkan atas nama Pakatan Rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sudahkah Pakatan Rakyat didaftarkan dalam akta pertubuhan dan bilakah diluluskan dan nyatakan pemegang jawatan dalam organisasi berkenaan di peringkat Kerajaan Negeri?
- b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas mana-mana pertubuhan yang tidak berdaftar dengan pendaftar pertubuhan menjalankan operasinya?

JAWAPAN :

- a) Pakatan Rakyat merupakan nama gabungan Parti Keadilan Rakyat, Parti Tindakan Demokratik dan Parti Islam SeMalaysia yang diumumkan berikutan mesyuarat pimpinan ketiga-tiga parti pada 18 Mac 2008. Ketiga-tiga parti merupakan parti politik sah yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan.

Oleh itu, Pakatan Rakyat merupakan gabungan pasca pilihan raya (post election coalition) dan membolehkan Kerajaan-Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor dibentuk berikutan pilihan raya 2008. Pakatan Rakyat terdiri daripada Keadilan, DAP dan PAS dan tidak mempunyai daftar pemilihnya sendiri ataupun mengutip yuran keahlian secara langsung bagi melayakkan Pakatan Rakyat ditakrifkan sebagai pertubuhan di bawah Akta Pertubuhan.

Penyelarasian aktiviti parti-parti yang bergabung di bawah Pakatan Rakyat dibuat di menerusi jawatankuasa di setiap Bahagian, Negeri dan di peringkat tertinggi oleh Majlis Pimpinan dan Sekretariat Bersama. Majlis Pimpinan dipimpin pemimpin Keadilan, DAP dan PAS sementara Sekretariat Bersama dikendalikan secara bersama oleh wakil ketiga-tiga parti.

- b) Tindakan mengawalselia pertubuhan adalah di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, yang merupakan sebahagian daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Oleh itu ia berada di bawah bidangkuasa Kerajaan Persekutuan, bukan Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : LAWATAN KE TEMPAT BENCANA ALAM

57. Isu lawatan Menteri Besar ke tempat bencana alam telah di manipulasi oleh media.

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan pegawai kerajaan negeri yang lazimnya mengiringi YAB Dato Menteri Besar ke lawatan-lawatan di tempat yang dilanda bencana alam untuk menemui mangsa?
- b) Berapakah kos perbelanjaan lawatan-lawatan seumpama itu?
- c) Apakah amalan yang akan dipraktikkan dalam penyampaian bantuan kepada mangsa bencana alam?

JAWAPAN :

a) Pegawai Kerajaan Negeri yang lazimnya mengiringi YAB. Dato' Menteri Besar ke lawatan-lawatan di tempat yang dilanda bencana alam untuk menemui mangsa adalah seperti berikut:-

i. Agenси Penyelaras

- Pegawai Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pegawai Pejabat Perbendaharaan Negeri
- Pegawai Daerah dan Ketua Penolong Pegawai Daerah berkaitan

ii. Agenси Penyelamat

- Polis Diraja Malaysia
- Angkatan Tentera Malaysia
- Jabatan Bomba dan Penyelamat
- Jabatan Kesihatan
- Jabatan Pertahanan Awam

iii. Agenси Sokongan

- Jabatan Penerangan
- Jabatan Penyiaran
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja
- Jabatan Meteorologi
- Jabatan Penerangan Awam
- Jabatan Perhutanan
- Jabatan Pengangkutan Awam
- Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri
- Jabatan Mineral & Geosains
- Datuk Bandar / Yang Dipertua PBT

Sekiranya
perlu

iv. Agenzi Bantuan Pemulihan

- Jabatan Kerja Raya Negeri
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
- RELA
- Tenaga Nasional Berhad
- Telekom Malaysia
- SYABAS

Ini telah diterangkan dalam Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 – Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana yang ditubuhkan disetiap daerah, negeri dan peringkat pusat.

b) Kos Perbelanjaan seumpama ini adalah berdasarkan:-

- i. Kos minyak kereta
- ii. Kos tol (sekiranya ada)
- iii. Pembayaran lebih masa (sekiranya wujud)
- iv. Rekod masa kerja (manhours)

Kos-kos ini akan dibayar melalui peruntukan sedia ada jabatan dan sekiranya jabatan telah kehabisan peruntukan, maka permohonan akan dibuat kepada Perbendaharaan Negeri oleh Jabatan Negeri untuk mendapat tambahan peruntukan.

c) Berdasarkan Garis Panduan Bantuan Bencana Alam Negeri Selangor ialah seperti berikut:-

Perkara	Garis Panduan
Syarat	<ol style="list-style-type: none">1. Warganegara Malaysia;2. Mangsa dikira berdasarkan unit rumah;3. Orang yang tinggal di rumah terlibat sahaja layak dipertimbangkan;4. Pengesahan ketulenan mangsa oleh Ketua Kampung/ JKKK;5. Mangsa dikehendaki melaporkan kejadian kepada pihak polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat

Mangsa terlibat mengikut keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • RM300 sekeluarga daripada Jawatankuasa Pengurusan & Bantuan Bencan Alam • Bantuan susulan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat maksimum RM5,000 sekeluarga berdasarkan jenis kerosakan dan kerosakan yang dinilai • Bantuan MAIS kepada orang Islam sahaja
Mangsa yang meninggal dunia	RM1,000.00 seorang
Rumah kediaman musnah samasekali	RM500.00 sekeluarga
Rumah kediaman musnah sebahagiannya	RM300.00 sekeluarga, tertakluk kepada penilaian Jabatan Kebajikan Masyarakat
Pusat Penempatan	Mangsa akan ditempatkan sementara di Pusat Penempatan sekiranya perlu dan keperluan makan minum dan semasa akan disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat

Setiap Jawatankuasa Pengurusan & Bantuan Bencana Daerah diberi Tabung Pusingan sebanyak RM40,000.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN BUKAN ISLAM

58. Kawasan tanah perkuburan bukan Islam yang disediakan oleh kerajaan semakin berkurangan. Penduduk-penduduk terpaksa mendapatkan tanah swasta untuk pengebumian dan kosnya adalah amat tinggi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Di kawasan Balakong, adakah tapak baru yang sesuai untuk dijadikan kawasan perkuburan bukan Islam?
- b) Jika ada di manakah tempat yang telah diwartakan untuk dijadikan tapak bagi perkuburan bukan Islam?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) belum mempunyai perancangan bagi menempatkan tapak baru untuk kawasan perkuburan bukan Islam di kawasan Balakong. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah memperuntukkan dua (2) tapak perkuburan bukan Islam yang hampir dengan kawasan Balakong iaitu di Bandar Baru Bangi dan Semenyih.
- b) Di dalam Rancangan Tempatan Cheras, Majlis Perbandaran Kajang telah memperuntukkan tapak seluas 73.92 ekar @ 29.91 hektar sebagai tapak Taman Pusara yang merupakan cadangan pelaksanaan tapak perkuburan bersepadu yang menempatkan perkuburan agama Islam, Cina, Hindu dan lain-lain agama. Tapak tersebut terletak bersebelahan dengan Lebuh raya SILK dan taman-taman perumahan iaitu di Taman Bukit Suria dan Kg. Sg. Sekamat, Kajang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(SIJANGKANG)**

TAJUK : KESALAHAN LALU LINTAS PELAJAR BAWAH UMUR

59. Pelajar-pelajar sekolah di bawah umur dan tidak memiliki lesen memandu di Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah kadar kesalahan lalu lintas dan kemalangan jalan raya (termasuk kematian) yang melibatkan pelajar-pelajar tersebut.
- Apakah tindakan secara bersepada Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN :

- JAWAPAN DARIPADA POLIS**

**STATISTIK PELAJAR TERLIBAT KEMALANGAN JALANRAYA
JAN - OGOS 2008 BAGI KONTINJEN SELANGOR**

SELANGOR	MAUT	PARAH	RINGAN	TIADA CEDERA	JUMLAH
HULU SELANGOR	0	4	1	49	54
KUALA LANGAT	0	0	0	3	3
KLANG	11	41	23	913	988
KAJANG	10	2	23	322	357
PETALING JAYA	0	6	17	845	868
GOMBAK	1	6	24	256	287
KUALA SELANGOR	1	0	5	83	89
AMPANG JAYA	2	5	3	453	463
SABAK BERNAM	6	35	12	31	84
SHAH ALAM	10	10	4	702	726
SEPANG	1	1	3	144	149
SUBANG JAYA	0	2	0	463	465
JUMLAH	42	112	115	4264	4533
KADAR PERATUS	0.9	2.5	2.5	94.1	100.0

b) **JAWAPAN DARIPADA JPJ**

PERANAN JPJ ADALAH MENGATASI ISU INI

1. Menjalankan tindakan penguatkuasaan di kawasan yang terdapat aduan daripada orang awam.
 - Seksyen 39 Akta APJ 1987 melarang seseorang yang dibawah umur untuk memandu kenderaan.
2. **Tindakan Pendidikan**
 - Mengadakan aktiviti bertemu rakyat dalam Program JPJ Bersama Rakyat yang diadakan 4 kali setahun. Program dijalankan secara pusingan mengikut daerah dan diadakan di kawasan sekolah.
3. **Bekerjasama Menjayakan Shell Game Anjuran Majlis Keselamatan Jalan Raya**
 - Shell Game merupakan program yang melibatkan pelajar-pelajar Sekolah Rendah dan Menengah dalam mendidik dan memastikan peraturan-peraturan jalan raya di fahami dan dipatuhi.

JAWAPAN DARIPADA MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA

- a) Kadar kesalahan lalu lintas dan kemalangan jalan raya (termasuk kematian) yang melibatkan pelajar-pelajar tersebut ialah tindakan saman akan diambil dan segala kesalahan trafik termasuk yang tiada lesen memandu boleh dikompaun sebanyak RM 300.00 kecuali kes kemalangan di bawah seksyen 43,(1),42(1) dan 41(1) APJ 1986 **TIDAK** boleh dikompaun.
- b) Tindakan secara bersepodu Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini ialah pihak kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi yang terdiri daripada Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga Institusi-institusi Memandu di sekitar Negeri Selangor giat melaksanakan pelbagai kempen seperti Kempen Pemilikan Lesen Menunggang Motosikal kepada para pelajar Sekolah Menengah terutama di daerah Klang, Shah Alam dan Petaling Jaya memandangkan statistik kemalangan yang melibatkan pelajar sekolah di daerah tersebut merupakan paling tinggi setiap tahun dan begitu membimbangkan. Pemilikan lesen tersebut juga akan diberi dengan kadar harga yang istimewa. Program ini adalah untuk memastikan para pelajar yang layak memiliki lesen memandu mampu memiliki lesen yang sah untuk menunggang motosikal. Pada 19 & 20 April 2008, MKJRS dengan pelbagai agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) telah mengadakan Kempen Pemilikan Lesen Menunggang B2 Peringkat Negeri Selangor yang diadakan di dataran Shah Alam dimana sasaran MKJRS ialah pelajar-pelajar sekolah dan sambutan amat menggalakkan.

Selain itu untuk mengurangkan jumlah kemalangan yang melibatkan pelajar sekolah, pelbagai program seperti pameran, ceramah, tayangan dokumentari, pengedaran pamphlet, pertandingan menguji minda berkaitan keselamatan jalan raya banyak diadakan di sekolah-sekolah oleh agensi-agensi berkaitan iaitu pihak PDRM, JPJ, JKJR, MKJRS dan lain-lain. Salah satu kempen yang diadakan ialah seperti 'Kempen Sekolahku Selamat'. Program khidmat masyarakat ini adalah untuk memupuk kesedaran dan memberi pengetahuan tentang keselamatan di jalan raya di samping

membentuk para pelajar mempunyai nilai-nilai moral dan menanamkan nilai-nilai pembelajaran, keselamatan diri dan awam.

Dalam usaha mengubah sikap pemandu di Malaysia untuk menjadi pemandu berhemah, kerajaan telah mula melaksanakan pendidikan keselamatan jalan raya di sekolah rendah bermula dengan murid tahun satu. Pembelajaran ini dilaksanakan secara berperingkat dan akan diteruskan sehingga pelajar tingkatan empat (4).

Bagi mengurangkan risiko pelajar terlibat dengan kemalangan semasa pergi dan balik sekolah, khidmat Warden Trafik Sekolah mula dilaksanakan kembali di sekolah-sekolah. Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (RSE) telah mula di ajar kepada murid-murid tahun Satu (1) di 55 buah Sekolah Rendah dalam daerah Kuala Langat. Ini bagi membantu murid-murid untuk melintas jalan raya dengan selamat semasa pergi dan balik sekolah serta mengelakkan kemalangan.

Selain itu juga, Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Selangor dan Shell mengadakan pertandingan Lalu Lintas Shell/MKJRS di peringkat Sekolah Menengah setiap tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PEMAJU PANGSAPURI KOS RENDAH

60. Banyak aduan telah diterima daripada penghuni rumah-rumah pangsa mengenai unit rumah mereka yang rosak. Pemaju-pemaju yang bertanggungjawab sering memberi alas an bahawa segala kerosakan sudah tidak dalam tanggungjawab mereka. Masalah penduduk rumah panjang sementara di PJS 1 masih belum selesai. Pemaju Peters Brickwork melengah-lengahkan pembinaan pangsapuri Blok F atas alasan tiada kewangan sedangkan pembinaan pusat komersil sedang berjalan dengan pesat di tapak berdekatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Bagaimana para penghuni boleh mendapat pembelaan setiap kali aduan mereka tidak dilayani?
- Apakah tindakan terhadap pemaju yang enggan menunaikan tanggungjawab terhadap pembeli unit pangsapuri?

JAWAPAN :

- Bagi setiap aduan penghuni yang tidak dilayani, mereka boleh mendapat pembelaan dengan mengemukakan aduan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mana KPKT mempunyai bidangkuasa di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] untuk menangani dan menyelesaikan permasalahan berhubung kerosakan unit rumah penghuni yang berkenaan. Subseksyen 11(1)(a) Akta 118 secara jelas memperuntukkan antara lain bahawa bagi maksud melindungi kepentingan pembeli pemaju perumahan berlesen, Menteri boleh mengarahkan pemaju perumahan berlesen yang berkenaan supaya mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk membetulkan apa-apa perkara atau hal keadaan sekiranya Pengawal berpendapat bahawa pemaju perumahan berlesen tersebut tidak dapat memenuhi obligasinya kepada pembelinya. Dalam memberikan arahan tersebut, Menteri boleh menetapkan bahawa apa-apa kos dan perbelanjaan yang ditanggung dalam menjalankan arahan Menteri tersebut hendaklah dibayar daripada Akaun Pemajuan Perumahan atau daripada wang yang kena dibayar kepada Akaun tersebut [Subseksyen (1A) Akta 118].

Selain dari itu, penghuni boleh mengemukakan aduan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang mana, LPHS yang antara lainnya dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembangunan sektor perumahan dan harta tanah di negeri Selangor di bawah Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor 2001 dan bertindak sebagai perantara (mediator), akan mengambil tindakan proaktif dalam mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan penghuni tersebut.

Kerajaan Negeri telah pun sedia maklum berkenaan aduan penghuni rumah panjang PJS 1 berhubung kelewatan pemaju menyiapkan rumah kos rendah bagi penempatan kekal mereka. Isu kelewatan pemaju membangunkan rumah kos rendah Blok E di Taman Petaling Utama adalah disebabkan adanya kes Mahkamah yang melibatkan

bantahan awam ke atas pembangunan rumah kos rendah di atas tapak tersebut. Pemaju iaitu Peter's Brickworks Sdn. Bhd. telah pun diarahkan supaya membangunkan dahulu Bok F (390 unit) di mana tawaran kepada penghuni rumah panjang PJS 1 berserta pembeli yang lain hendaklah ditukarkan kepada blok tersebut. Memandangkan keadaan rumah panjang yang semakin uzur dan sering mengalami kerosakan, maka penduduk telah dicadangkan berpindah ke PPR Taman Putra Damai, Lembah Subang di mana sewa akan ditanggung oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sehingga projek RKR Blok F siap sepenuhnya.

- b) Secara umum, tanggungjawab pemaju terhadap pembeli adalah terakru atau wujud melalui peruntukan-peruntukan di bawah Perjanjian Jual dan Beli yang sempurna ditandatangani oleh kedua-dua pihak pemaju dan pembeli yang mana, bagi perumahan bertingkat seperti pangaspuri, format Perjanjian Jual dan Beli adalah berdasarkan format statutori di **Jadual H, Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989**. Berhubung tanggungjawab pemaju berkenaan kerosakan atau kecacatan unit petak sesebuah bangunan bertingkat, di bawah **Subperaturan 29(1) Peraturan** tersebut, tempoh liabiliti kecacatan terhadap apa-apa kecacatan atau kekurangan lain pada suatu petak atau pada bangunan rumah bertingkat atau pada harta bersama adalah diperuntukkan selama tempoh **dua puluh empat (24) bulan** kalender selepas tarikh pembeli mengambil pemilikan kosong suatu petak. Sekiranya suatu kecacatan berlaku dalam tempoh tersebut, pemaju adalah bertanggungjawab untuk membaiki kecacatan tersebut dengan kos dan perbelanjaannya sendiri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemaju menerima notis bertulis mengenainya daripada pembeli dengan syarat, kecacatan yang berlaku pula hendaklah merupakan kecacatan dari aspek kemahiran kerja atau bahan-bahan atau petak atau bangunan yang berkenaan atau harta bersama tidak dibina mengikut pelan-pelan dan perkara-perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Keempat di bawah Jadual H sebagaimana yang diluluskan atau dipinda oleh Pihak Berkuasa yang berkenaan.

Perlu dinyatakan di sini bahawa kecacatan mestilah berlaku dalam tempoh liabiliti kecacatan seperti mana di atas dan aduan berhubung perkara tersebut perlu dikemukakan kepada pemaju dalam tempoh tersebut. Sekiranya kecacatan berlaku dan aduan dikemukakan kepada pemaju di luar tempoh tersebut, MAKA HAK PEMBELI UNTUK MENUNTUT TERHADAP PEMAJU UNTUK KERJA-KERJA PEMBAIKAN ATAU GANTIRUGI ATAS KECACATAN YANG BERLAKU ADALAH TERHALANG (ESTOPPED) DI SISI UNDANG-UNDANG.

Selanjutnya, di bawah **Subperaturan 29(2) Peraturan** tersebut, pembeli berhak untuk menjalankan kerja-kerja untuk membaiki sendiri kecacatan yang berlaku dan mendapatkan kembali kos memperbaiki kecacatan tersebut daripada pemaju dan pembeli boleh memotong kos itu daripada apa-apa wang yang dipegang oleh peguam cara pemaju sebagai pemegang kepentingan (stakeholder) bagi pihak pemaju di bawah butiran 5 Jadual Ketiga, Jadual H dengan syarat pembeli hendaklah, pada bila-bila masa selepas tamat tempoh tiga puluh (30) hari tersebut, memaklumkan kepada pemaju berkenaan kos memperbaiki kecacatan sebelum bermulanya kerja-kerja pembaikan dan dengan syarat yang berikut :-

- a) pembeli hendaklah memberi peluang kepada pemaju untuk menjalankan kerja-kerja tersebut sendiri dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Pembeli

- memberitahu pemaju mengenai niatnya untuk menjalankan kerja-kerja tersebut; dan
- b) Pembeli hendaklah menjalankan dan memulakan kerja-kerja tersebut seberapa segera yang boleh dilaksanakan selepas pemaju gagal menjalankan kerja-kerja pembaikan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari tersebut.

Dalam keadaan yang sedemikian, peguam cara pemaju hendaklah melepaskan kos yang ditanggung oleh pembeli daripada wang pemegang kepentingan yang dipegang oleh peguam cara pemaju di bawah butiran 5 Jadual Ketiga, Jadual H dalam tempoh empat belas (14) hari dari penerimaan tuntutan bertulis pembeli.

Sekiranya pemaju gagal untuk melaksanakan tanggungjawabnya seperti di atas, pembeli boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pemaju untuk mendapatkan suatu perintah agar pemaju melaksanakan tanggungjawab tersebut. Tindakan undang-undang boleh dimulakan di mana-mana Mahkamah yang mempunyai bidangkuasa. Namun begitu, ia melibatkan kos yang tinggi dan tempoh penyelesaian kes yang lama. Secara alternatif, pembeli boleh memulakan tindakan di Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) untuk menguatkuasakan hak-hak pembeli di bawah Perjanjian Jual dan Beli termasuklah hak untuk pemberian kecacatan unit petak yang didiami yang mana, ia hanya melibatkan kos yang sangat minimum dan tempoh penyelesaian kes yang singkat. Secara ringkasnya, tindakan undang-undang terhadap pemaju boleh dimulakan di TTPR oleh pembeli atas kausa tindakan (cause of action) seperti berikut :-

- a) pampasan bagi penyerahan lewat milikan kosong;
- b) gantirugi akibat ketidaksempurnaan mutu hasil kerja;
- c) tidak melakukan kerja-kerja yang dijanjikan; dan
- d) keengganan atau pengabaian untuk remedii kecacatan atau kerosakan pada bangunan.

Jika award telah dikeluarkan oleh TTPR dan memihak kepada pembeli dan pemaju gagal, enggan, abai atau ingkar dalam mematuhi award tersebut, pembeli boleh menguatkuasakannya di Mahkamah Majistret (sekiranya tuntutan tidak melebihi RM25,000.00) atau Mahkamah Sesyen (sekiranya tuntutan melebihi RM25,000.00). Selain dari itu, kegagalan pemaju untuk mematuhi award yang dibuat oleh Tribunal dalam tempoh yang ditetapkan adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] dan boleh didenda tidak kurang daripada lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya [Subseksyen (1)] dan sekiranya kesalahan tersebut berterusan, denda tidak melebihi satu ribu ringgit dikenakan bagi setiap hari atau sebahagian dari satu hari yang kesalahan tersebut berterusan selepas sabitan.

Pembeli adalah merupakan pihak yang utama dan selayaknya di sisi undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap pemaju atas keengganannya menunaikan tanggungjawab terhadap pembeli memandangkan mereka adalah pihak yang terlibat di dalam Perjanjian Jual dan Beli dan kausa tindakan (cause of action) yang wujud bagi tindakan tersebut adalah berdasarkan kegagalan pemaju untuk menunaikan tanggungjawabnya sebagaimana yang termaktub di bawah Perjanjian Jual dan Beli. Namun begitu, kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) yang bertindak sebagai perantara (mediator), akan berusaha sebaik mungkin untuk menyelesaikan permasalahan pembeli melalui perbincangan bersama pihak-pihak dan wakil jabatan kerajaan yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN

61. Sektor pertanian merupakan salah satu punca pendapatan utama penduduk Sepang dan sebagai sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor sedia memberi baja kepada pekebun kelapa sawit dan pekebun ubi kayu dan ubi keledek di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah peruntukan diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memperbaiki sistem perparitan dan jalan-jalan di kebun-kebun kelapa sawit dan kebun ubi kayu dan keledek di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

a) **JAWAPAN DARIPADA JABATAN PERTANIAN**

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Pertanian tidak menyediakan bantuan baja bagi tanaman kelapa sawit buat masa ini dan hanya menyediakan khidmat nasihat terutama berkaitan serangan musuh perosak. Bagi petani yang mengusahakan tanaman keledek dan ubi kayu, Jabatan Pertanian menyediakan bantuan dalam bentuk pakej amalan teknologi seperti bahan input baja, racun dan juga penyediaan infrastruktur asas.

b) **JAWAPAN DARIPADA JPS**

Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2008 bagi Kerja-kerja pembaikan Sistem Saliran Pertanian jumlah keseluruhannya ialah sebanyak RM 3,450,000.00, untuk daerah Sepang pula diperuntukkan sebanyak RM 550,000.00. Bagi Kerja-kerja Pembaikan Jalan-jalan Ladang jumlah peruntukan keseluruhannya sebanyak RM 1,500,000.00, untuk daerah Sepang diperuntukkan sebanyak RM 300,000.00

MAKLUMAT TAMBAHAN

Kerja-kerja membaikpulih sistem perparitan dan jalan-jalan ladang yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri sepanjang Tahun 2008 adalah :-

1. Membina sebuah kunci air, jalan ladang, benteng sungai, pembentung kekotak dan kerja-kerja lain yang berkaitan di kawasan saliran Tg. Mas/Sg. Pelek, Daerah Sepang
2. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran Kg. Selangor, Dredging, Dengkil.
3. Menaiktaraf tebing kiri parit saliran Kg. Pulau Meranti, Dengkil.
4. Menaiktaraf tebing kanan parit saliran A, Mukim Dengkil.
5. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran utama pasang flap gate, Jenderam Hilir, Dengkil
6. Menaiktaraf saliran membina pembentung bulat di Lot 23, Kg. Sri Tanjung, Dengkil.
7. Menaiktaraf saliran bina pembentung di Lot 27, Kg. Sri Tanjung, Dengkil.
8. Menaiktaraf jambatan kayu No. 4, kawasan saliran, Kg. Sri. Tanjung, Dengkil.
9. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran Kg. Sri Tanjung, Dengkil
10. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran utama Kg. Semarang Bt. 29/30, Dengkil, Sepang.
11. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran utama Revolusi Hijau, Dengkil, Sepang.
12. Kerja-kerja pemberian tebing kanan Sg. Rasau, Kg. Pulau, Meranti, Dengkil.
13. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran Kg. Semarang, Dengkil.
14. Menaiktaraf jambatan kayu No. 8 kawasan saliran Kg. Sri Tanjung, Dengkil.
15. Menaiktaraf saliran Lot 74, Kg, Sg. Buah, Dengkil.
16. Kerja-kerja mengorek dan mencuci borrowpitt Sg. Limau, Sepang.
17. Menaiktaraf saliran Kg. Hulu Chuchuh, Sepang.
18. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran Kg. Hulu Chuchuh, Sepang.
19. Kerja-kerja mengorek dan mencuci saliran Kg. Ulu Teris, Sepang.
20. kerja-kerja mengorek semula parit utama Taman Sepang Putra, Dengkil.
21. Kerja-kerja saliran di kawasan belia tepi Sg. Labu, Sepang.

22. Infrastruktur Pertanian Bukit Bangkong
23. Menurap jalan ladang di Jeti Nelayan Bagan Lalang
24. Menurap jalan ladang di Kg. Sri Tanjung
25. Menurap jalan Ladang di Kg. Jenderam Hilir
26. Menurap jalan ladang di Sg. Belankan
27. Menurap jalan ladang di Tebing Sg. Langat, Bukit Jenok
28. Menurap jalan ladang di Tebing Sg. Langat, Jenderam Hilir

Selain daripada peruntukan kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani juga ada menyalurkan peruntukan yang melibatkan kerja-kerja saliran pertanian dan pembinaan jalan-jalan ladang:-

	Keseluruhan	Sepang
1. Program pembangunan infrastruktur mempelbagai tanaman	1,900,000.00	450,000.00
2. Program Pembangunan Saliran pertanian	800,000.00	200,000.00
3. Program menaiktaraf sistem saliran pertanian	2,000,000.00	1,600,000.00

Antara kerja-kerja yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut :-

1. Menaiktaraf kemudahan infrastruktur pertanian TKPM Hulu Chuchoh, Sepang
2. Menaiktaraf kemudahan infrastruktur pertanian TKPM Sg. Belankan, Sepang
3. Menaiktaraf Kemudahan infrastruktur pertanian MoA Inc. Bkt Bangkong, Sepang
4. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur box culvert dan kerja-kerja yang berkaitan di Agrotek Ulu Chuchoh, Mukim Sepang
5. Kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur jalan ladang di parit E, rancangan tanah Belia Lanjut, Mukim Labu, Sepang
6. Kerja-kerja pembinaan pembentung bulat di Rancangan Tanah Belia Lanjut, Mukim Labu, Sepang
7. Rancangan saliran pertanian kawasan Agroteknologi Sg. Belankan, Daerah Sepang
8. Menaiktaraf sistem saliran di kawasan Agrotek Sg. Belankan, Daerah Sepang
9. Menaiktaraf sistem saliran Kg. Labu Lanjut, Daerah Sepang

10. Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran dan membina sistem pembentung bulat di TKPM Sg.Belangan, Daerah Sepang
11. Kerja-kerja pengorekan parit baru di kawasan pertanian jalan kelapa 1 & 2 Sg. Belangan, Daerah Sepang
12. Menaiktaraf sistem saliran utama di kawasan Agrotek dan TKPM, Daerah Sepang
13. Menaiktaraf infrastruktur saliran pembentung bulat sediada di kawasan pertanian TKPM Sg. Belangan, Daerah Sepang
14. Menaiktaraf infrastruktur saliran pembentung kekotak di kawasan pertanian baru bersempadan hutan simpan Kuala Langat
15. Kerja-kerja menaiktaraf sistem saliran di kawasan pertanian baru bersempadan hutan Kuala Langat dan KLIA
16. Menaiktaraf sistem saliran di kawasan ladang bersempadan Hutan Simpan Kuala Langat dan KLIA
17. Rancangan saliran pertanian di kawasan pertanian baru parit E, RTB Ianjut, Mukim Labu, Daerah Sepang
18. Menaiktaraf sistem saliran kawasan Agroteknologi Hulu Chucho, Daerah Sepang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEMBANGUNAN MODAL INSAN DALAM KECELARUAN

62. Dunia tanpa sempadan menjadikan segala maklumat dapat diperoleh di hujung jari. Justeru, pembinaan sahsiah rakyat dan generasi muda negeri dan negara ini tidak semudah menuturkan kata-kata manis. Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi dan memerlukan kerjasama semua pihak, bermula dari dalam rumah hingga ke peringkat Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kerajaan Negeri menjadi tuan rumah perhimpunan Protes Sejuta Rakyat-Protes Sampai Turun di Stadium Kelana Jaya baru-baru ini. Seperti kita sedia maklum, dalam perhimpunan berkenan berlakunya budaya liar yang tidak terkawal selain tohmahan-tohmahan yang membakar kebencian sesama rakyat. Di manakah manfaat dan relevannya Kerajaan Negeri dalam soal pembentukan sahsiah rakyat dan pembangunan modal insan dengan kesediaan menjadi tuan rumah perhimpunan berkenaan?
- b) Dalam konteks yang sama, adakah Kerajaan Negeri akan menuruti Kerajaan Kelantan yang mewajibkan mereka yang menunaikan solat lima waktu dan solat Jumaat sebagai syarat wajib mengambil bekerja bagi pemimpin, ketua jabatan dan kakitangan Kerajaan Negeri sebagaimana syarat kelayakan mesti lulus bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)?
- c) Antara ciri modal insan terpuji adalah menepati janji. Sehingga kini, berapakah jumlah pelajar yang sudah mendapat RM1000 untuk masuk universiti dengan memenuhi kriteria yang bagaimana?

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 25 September 2008 telah menolak soalan ini.**
- b) **JAWAPAN DARIPADA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

Semua skim perkhidmatan telah menetapkan syarat – syarat kelayakan calon – calon yang akan dilantik atau dinaikkan pangkat ke jawatan-jawatan di bawah pentadbiran Negeri Selangor. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor akan berpandukan kepada syarat-syarat tersebut dalam pemilihan calon untuk mengisi jawatan-jawatan kosong di negeri ini.

MAKLUMAT TAMBAHAN :

- i) Syarat am bagi pelantikan ke jawatan tetap:
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - c) Mempunyai kelayakan akademik yang mengikut syarat-syarat skim seperti SPM dan Diploma di dalam bidang yang berkaitan.
- ii) Syarat am bagi kenaikan pangkat:
 - a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - d) diperakuan oleh Ketua Perkhidmatan.

c) **JAWAPAN DARIPADA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) merupakan Urus Setia yang bertanggungjawab untuk menguruskan proses pelaksanaan Dasar Baru Kerajaan Negeri berkaitan permohonan Hadiah Pengajian IPT, berdasarkan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 15/2008** yang bersidang pada **11 Jun 2008**.

Sehubungan itu, BPSM telah melaksanakan proses permohonan tersebut berpandukan **syarat-syarat kelayakan yang telah dipersetujui** oleh MMKN seperti berikut:

- (i) Pemohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia** sahaja;
- (ii) Pemohon juga merupakan **Rakyat D.Y.M.M. Sultan Selangor** yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - (a) **Pemohon** lahir di Negeri Selangor; atau
 - (b) **Ibu** atau **Bapa** pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
 - (c) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum **1 Februari 1974**;
- (iii) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk memasuki **Tahun Pertama** (Semester Pertama) mulai **Julai 2008** (sesi pengajian 2008/2009) sahaja;
- (iv) Pemohon telah ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian secara **sepenuh masa** (*full-time courses*) di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi pengajian di peringkat **Ijazah Sarjanamuda** dan **Diploma** sahaja;
- (v) Pemohon **telahpun mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian; dan
- (vi) Pemohon daripada keluarga berpendapatan **RM1,500 ke bawah**.

Dasar Baru Hadiah Pengajian IPT ini telah mula dilaksanakan berkuatkuasa pada **1 Julai 2008** yang lalu. Setakat **30 September 2008**, BPSM telah menerima sebanyak **3,784 permohonan** daripada pelajar untuk mendapatkan **insentif berjumlah RM1,000** sepetimana yang ditawarkan.

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak **2,725 permohonan** didapati **layak untuk dipertimbangkan** (*jumlah keseluruhan bagi pelajar IPTA dan IPTS*) bagi menerima insentif tersebut. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos berjumlah **RM2.454 juta** (*telah dibayar kepada pelajar*) bagi membiayai program dasar baru tersebut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM AIR PERCUMA

63. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Mengapa Syabas memaklumkan bahawa bekalan air percuma hanya sehingga akhir tahun 2008 sedangkan ia merupakan dasar jangka lama Kerajaan Negeri?
 - Adakah pengurusan Syabas perlu merujuk kepada kerajaan Negeri Selangor sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan?

JAWAPAN :

- Pemberian 20m³ pertama air percuma oleh Kerajaan Negeri kepada pengguna di Negeri Selangor merupakan dasar jangka panjang yang telah ditetapkan pada awal pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor. Dasar ini juga merupakan dasar utama Kerajaan Pakatan Rakyat sebagai usaha untuk merakyatkan ekonomi di Negeri Selangor.

Dalam hal ini, SYABAS merupakan syarikat pemegang konsesi bagi pengagihan air terawat di seluruh negeri Selangor yang dilantik melalui Perjanjian Konsesi SYABAS tahun 2004. Sehubungan dengan itu, kenyataan yang dimaklumkan oleh SYABAS bahawa pemberian air percuma hingga akhir tahun 2008 tidak mencerminkan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

- Sebarang bentuk kenyataan yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar dan ketetapan yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri perlulah dirujuk sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri bagi memastikan ia tidak bercanggah dengan dasar sedia ada. Namun, sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh SYABAS berkaitan isu perniagaan dan korporat tidak semestinya perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : LIGA BOLA SEPAK HULU LANGAT TIDAK BERGIAT

64. Liga bola sepak Hulu Langat tidak bergiat sejak 10 tahun yang lalu.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah liga tersebut malap dan begitu lama tidak bergiat ?
- b) Siapakah sepatutnya bertanggungjawab bagi memulihkan liga tersebut.
- c) Apakah perancangan utama bagi memulihkan imej liga bola sepak di Hulu Langat?

JAWAPAN :

Liga Bolasepak Daerah pada umumnya adalah dianjurkan oleh Persatuan Bolasepak Daerah. Dalam hal ini, Liga Bolasepak Hulu Langat sepatutnya di anjurkan oleh Persatuan Bolasepak Daerah Hulu Langat yang bergabung dengan Persatuan Bolasepak Selangor.

- a) Liga tersebut yang tidak bergiat sejak sekian lama adalah kemungkinan Persatuan Bolasepak Daerah tersebut sudah tidak aktif lagi atau masalah kewangan.
- b) Selain Persatuan Bolasepak Daerah yang pada umumnya bertanggungjawab menganjurkan liga daerah, badan-badan NGO lain juga boleh menjalankan liga di daerah asalkan mendapat 'sanction' Persatuan Bolasepak Selangor sebagai badan berkuasa dalam sukan Bolasepak di Negeri Selangor bagi memudahkan perlaksanaannya.
- c) Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor yang memantau aktiviti program pembangunan sukan di daerah-daerah melalui Majlis Sukan Daerah dan ini dalam rangka perancangan penstrukturran semula Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR KILANG DI KAWASAN KAMPUNG /
LUAR BANDAR**

65. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Terdapat pembinaan kilang-kilang di dalam kawasan kampung / luar bandar yang mana kemudahan jalan raya digunakan bersama oleh kedua-dua belah pihak. Sedia maklum bahawa jalan-jalan yang sedia ada di kawasan perkampungan tidak dapat menampung beban berat kenderaan yang mencecah 40m/tons dan ini menyebabkan jalan tersebut rosak. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan perkara tersebut?
 - Apakah ukuran paip air yang disalurkan kepada kilang-kilang di kawasan perkampungan mengikut spesifikasi industri sedangkan kilang-kilang tersebut di dalam kawasan kampung?

JAWAPAN :

- a) **ISU**
Jalan-jalan di kawasan perkampungan tidak dapat menampung beban berat kenderaan.

TINDAKAN

Memastikan jalan-jalan tersebut diwartakan sebagai jalan terhad, dimana kenderaan berat melebihi 12 tan atau 15 tan tidak dibenarkan menggunakan jalan tersebut. Kuasa mewartakan jalan-jalan tersebut terletak pada JKR/Majlis Perbandaran/Pihak Berkuasa Tempatan mengikut kategori jalan. (Seksyen 77 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987).

PERANAN JPJ

- Menjalankan penguatkuasaan bagi memastikan jalan tersebut dipatuhi oleh kenderaan berat.
- Seksyen 79 APJ 1987 memberi kuasa kepada pegawai JPJ mengambil tindakan bagi kenderaan yang tidak mematuhi larangan jalan terhad.

CATATAN

Bahagian Penguatkuasaan JPJ Negeri Selangor sentiasa dari masa ke semasa menjalankan penguatkuasaan terhadap jalan-jalan yang telah diwartakan sebagai jalan terhad di kawasan-kawasan luar bandar/perkampungan.

- b) Semua paip air yang dipasang adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan berdasarkan kepada bentuk geografi kawasan dan juga kegunaan. Sehubungan dengan itu, paip bekalan air untuk kawasan industri adalah menepati spesifikasi kawasan industri tanpa mengambil kira sama ada kawasan itu berada di bandar atau di luar bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B DATO' SUBAHAN BIN KAMAL
(TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : INDUSTRI TERNAKAN BABI

66. Baru-baru ini kerajaan negeri memaklumkan akan membuat pelaburan RM 100 juta dalam industri ternakan babi secara kaedah moden.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah rasional Kerajaan Negeri membuat pelaburan begitu banyak dalam industri ternakan babi.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bercadang membuat pelaburan tambahan.
- c) Adakah Kerajaan Negeri mengambil kira sensitiviti kaum agama Islam sebelum membuat pilihan kawasan yang dikenal pasti menjalani industri ternakan babi secara moden.

JAWAPAN :

- a) Industri babi di Kuala Langat telah bermula sejak selepas merdeka. Bermula daripada saat itu lah semua parit dan sungai di kawasan tersebut telah tercemar. Bagi menyelesaikan masalah pencemaran tersebut maka Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Ladang babi Moden yang mengamalkan 'zero discharge'.
- b) Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang perutukan untuk membangunkan ladang babi moden kerana semuanya ditanggung oleh pihak syarikat swasta dengan kos pelaburan bernilai RM 400 juta.
- c) Pemilihan Ladang Tumbuk dibuat setelah mendapat kawasan tersebut telah wujud ladang babi sedia ada sejak lepas merdeka. Selama ini tidak wujud isu sensitiviti tetapi isu sensitiviti ini telah di politik sehingga ia menjadi sensasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PEMILIHAN AHLI MAJLIS PIHAK BERKUASA TEMPATAN

1	V.CHINAKALEA METALS SDN.BHD.	Telok Panglima Garang	1	0	0	1	0
2	SUGANA METAL	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
3	MAYAVAN METAL	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
4	SHAARI	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
5	SYARIKAT TIGA TERNAWA	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
6	HABBAKUK ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
7	SUNGAI RAMBAI TRADING	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
8	RAJ BROTHERS TRADING	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
9	PUSAT PENGUMPULAN PLASTIK	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
10	SEMPURNA MAJU METAL	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
11	KESANTIRAN ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
12	NASH GARSON RESOURCES SDN. BHD.	Telok Panglima Garang	0	1	0	0	1
13	M.S MEGA METAL SDN. BHD.	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
14	TIAN YU PAPER ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
15	PRIYA MAJU ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
16	MTL METAL TRADING	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
17	PROCEED TRADING / KPR	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
18	KAI SAN METAL SDN. BHD.	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
19	STT METALS SDN. BHD.	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
20	SINGA MAJU ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
21	PUSAT PENGUMPULAN PLASTIK	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
22	MI METAL (BANTING) SDN. BHD.	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
23	PUSAT PENGUMPULAN BARANGAN TERPAKAI (Lot 293)	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
24	SM METAL ENTERPRISE	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
25	SHALINI METAL TRADING	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
26	SRI YAMUNADEVI METAL	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1
27	THIGARAJAH A/L SUPPIAH	Telok Panglima Garang	0	0	0	0	1

28	PEMILIK PREMIS PUSAT PENGUMPULAN BARANGAN BESI TERPAKAI (PT 6529)	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
29	AIRWIND METAL TRADING	Tanjung Duabelas	1	0	0	1	0
30	EL MUTHU METAL	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
31	METRIC PLASMET WORDLIDE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
32	PUSAT PENGUMPULAN BESI BURUK (Lot 1067)	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
33	RG MEGAMETAL	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
34	TAPV ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
35	LOGANATHAN METAL	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
36	S.V JAYAKUMAR ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
37	S.A.S DAS TRADING	Tanjung Duabelas	0	1	0	0	1
38	CGD MAJU ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
39	T.S.T.S.R & TAPV ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
40	MSK KUMAR ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	1	1	0
41	NATHAN METAL	Tanjung Duabelas	0	0	1	1	0
42	MSK KUMAR ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
43	DE RESTU RESOURCES (M) SDN. BHD.	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
44	SKMT METAL	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
45	M.S KUMAR ENTERPRISE	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
46	PEMILIK PREMIS PENGUMPULAN BARANG TERPAKAI (Lot 367)	Tanjung Duabelas	0	0	0	0	1
47	RSM METAL	Kelanang	0	0	0	0	1
48	RAMASAMY A/L RENGASAMY	Kelanang	0	0	0	0	1
49	TSTS R ENTERPRISE	Kelanang	0	0	0	0	1
50	VIJENDRAN METAL ENTERPRISE	Kelanang	0	0	0	0	1
51	TS METAL ENTERPRISE	Kelanang	0	0	0	0	1
52	IP NEEWETINI TRADING	Bandar	0	0	0	0	1
53	KS SIVA METAL	Bandar	0	0	0	0	1
54	SUGANA METAL	Bandar	0	0	0	0	1
55	G.T.K.S ENTERPRISE	Jugra	0	0	0	0	1
56	CHIA KING KAT	Batu	0	0	0	0	1
57	RSM METAL	Batu	0	1	1	1	0

58	PEMILIK PREMIS PUSAT PENGUMPULAN BESI TERPAKAI (Lot 1871)	Batu	0	0	0	0	1
59	PEMILIK PREMIS PUSAT PENGUMPULAN BESI TERPAKAI (Lot 1871)	Batu	0	0	0	0	1
60	PEMILIK PREMIS PUSAT PENGUMPULAN BESI TERPAKAI (Lot 238)	Batu	0	0	0	0	1
JUMLAH			2	3	3	5	55

PBT : MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

BIL	SYARIKAT / PEMILIK	KAWASAN	STATUS PREMIS BESI BURUK			PEMUTIHAN	
			PERMIT POLIS	LESEN PREMIS	TANAH INDUSTRI	BOLEH	TIDAK
1	H'ng Soo Chiew	Lot PT 0000175, Jalan Panchang Bedena, 45300 Sungai Besar.	0	0	0	0	1
2	Khalid bin Hj Mohamad	Syarikat IJAJ Enterprise, Sg Besar Baroh, 45300 Sungai Besar.	0	1	0	0	1
3	Ong Eng Huat	6217 Jalan Bunga Raya, 45300 Sungai Besar.	0	1	0	0	1
4	Md Sokli Bin Hassan	722 Jalan Lama Sg Limau,	0	1	0	0	1
5	Ang Kim Poh	Lot 2209, Jalan Bernam,	1	1	0	1	0
6	Ang Lai Hok	No 440, Lorong 2 Site B,	1	1	0	1	0
7	Chia Ching Lee	No 167, Lorong 3 Site B,	1	1	0	1	0
8	Chia Ching Lee	No 175, Lorong 3 Site B,	0	1	0	0	1
9	Chia Ching Lee	Lot 208, Jalan Bernam, 45400 Sekinchan.	1	1	0	1	0
10		No 25, Lorong 1 Site B,	1	1	0	1	0

	Chia Kim Bing	45400 Sekinchan.					
11	Chia Kok Yee	No 415, Lorong 6 Site B, 45400 Sekinchan.	0	0	0	0	1
12	Chia Yeng Leng	453 Lorong 1, Site B, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
13	Ho Han Sum	No 2, Lorong 1 Site B, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
14	Kong Siew Lim	No 126, Lorong 3 Site B, 45400 Sekinchan	1	1	0	1	0
15	Kong Thim Hock	124C, Lorong 2 Site B, 45400 Sekinchan.	1	1	0	1	0
16	Lee Swee Huat	No 17 A, Jalan Besar Site B, 45400 Sekinchan.	0	0	0	0	1
17	Lok Kam Sing	No 57A, Lorong 1 Site B, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
18	Tan Swee Chuan	No 405 Lorong 7, Site B 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
19	Tan Yew Chai	No 438, Lorong 3 Site B, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
20	Tan Yew Chai	No 21, Lorong 1 Site B, 45400 Sekinchan.	1	1	0	1	0
21	Wong Kam Chiang	No 72, Site B, 45400 Sekinchan	0	1	0	0	1
		No 7E, Jalan Radin 1,	0	1	1	1	0

22	Wong Tak Hing	45400 Sekinchan.					
23	Wong Tak Hing	No 7C, Jalan Radin 1, 45400 Sekinchan.	0	1	1	1	0
24	Chan Shyh Shing	No 49, Lorong 2, Site C, 45400 Sekinchan.	0	0	0	0	1
25	Lee Boon Seng	No 103, Lorong 3 Site C, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
26	Lee Chun Teck	No 3, Lorong 1 Site C, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
27	Lee Thiam Cheok	No 35, Lorong 1 Site C, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
28	Ler Leong Chai	No 11A Lorong 1 Site C, 45400 Sekinchan.	1	1	0	1	0
29	Lim Beng Swee	No 315, Lorong 8 Site C, 45400 Sekinchan.	0	1	0	0	1
30	Marimuthu a/l Chinathambi	No 6 Jalan Kalabakan, Kg Hj Mahmudin, 45200 Sabak Bernam	1	1	0	1	0
31	Ramachandran a/l Ragavelu	Lot 86-05, Jalan Gertak Tinggi, 45200 Sabak Bernam.	1	1	0	1	0
32	Kee Ah Kau	Lot 5444, Batu 39, Jalan Sekendi 45200 Sabak Bernam	0	1	0	0	1
		Lot 2828 Simpang 3 Loji,	1	0	0	1	0

33	Abd Halim B. Jamhari	Sungai Limau, 45300 Sungai Besr.					
34	Eng Eng Joo	No 33, Jalan 1 Bæan, 45400 Sekinchan.	1	0	0	1	0
35	Kamache a/p Muneyandi	Bt 36 Jalan Sg Bung, 45300 Sungai Bear.	1	0	0	1	0
36	Sagar a/l Raju	Lot 247, Bt 5 Panchang Bæna, 45300 Sungai Besar.	1	0	0	1	0
37	Tan Seng Hee	Lot 1270, Kg Simpang 4 BN, 45200 Sabak Bernam.	0	1	0	0	1
38	Maihavan a/l Marimuthu	Lot 5339, No GM0, Bagan Nira, 45200 Sabak Bernam.	1	0	0	1	0
		JUMLAH	16	29	2	18	20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : PERIHAL TAPAK PENYISIHAN PEPEJAL DI MUKIM JERAM

71. Pembinaan Pusat Penyisihan Sisa Pepejal *Sanitary Landfield* yang dibina di Ladang Tuan Mee (Jeram Estate) di Mukim Jeram bagi Bahagian Barat Laut Selangor menjadi bahan kritikan, kempen popular dan bantahan Kerajaan Negeri sekarang sepanjang Pilihan raya Umum lalu.

Bertanya Kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menutup atau memindahkan pusat sampah berkenaan ke tempat lain?
- b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai idea dan cadangan lain bagi membina pusat pelupusan sampah yang lebih sempurna dan lebih baik daripada yang dibina oleh Kerajaan Negeri terdahulu?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, tiada sebarang cadangan khusus dibuat untuk menutup atau memindahkan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari Jeram kerana ia baru memulakan operasi pada 2007 dan jangka hayat tapak ini masih panjang.
- b) Kerajaan Negeri kini sedang melihat beberapa opsyen yang bersesuaian untuk dilaksanakan di Negeri Selangor. Antara teknologi yang dilihat ialah *incinerator* berskala kecil, *Material Recovery Facilities* (MRF) dan *Refuse Derive Fuel* (RDF). Ini dijangkakan akan dapat memanjangkan lagi tapak pelupusan sampah sisa pepejal sedia ada di Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : BANGLO EXCO DI SEKSYEN 7

72. Kerajaan negeri membelanjakan sejumlah RM 162,500 sebulan bagi perkhidmatan pengurusan, penyelenggaraan dan operasi kompleks secara komprehensif yang mengandungi sepuluh unit banglo dan rumah kelab. Kos keseluruhan bagi lima tahun adalah sebanyak RM 9,900,000.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Kos perbelanjaan untuk seunit setiap bulan ialah RM 16,250. Jika kerajaan negeri ingin menyewakan banglo-banglo tersebut, berapakah kerajaan negeri akan menyewakan seunit banglo untuk sebulan?
- b) Didapati kos perbelanjaan untuk kawalan serangga perosak memerlukan sebanyak RM 35,000 manakala kos untuk pembersihan dan landskap memerlukan sebanyak RM 40,000 untuk sebulan, adakah kos ini terlalu tinggi? Sila jelaskan.

JAWAPAN :

- a) Agen-agen harta tanah telah dipanggil secara berperingkat-peringkat untuk melawat banglo-banglo tersebut. Cadangan daripada mereka yang diterima masih dikaji, sebelum Kerajaan Negeri menetapkan kadar sewa yang berpatutan.
- b) Kos sebanyak RM35,000.00 sebulan adalah dengan pecahan kerja yang telah dipersetujui seperti berikut :
 - i) Rawatan intensif bagi tikus, lipas, semut, 'wood borers', ular dan lain-lain binatang.
 - ii) Pemasangan perangkap nyamuk, serangga dan lain-lain di luar dan dalam kediaman.
 - iii) Rawatan khas (special treatment) 'anti termite corrective soil treatment' dengan kaedah umpan 'EXTERRA' dengan jaminan 5 tahun.
 - iv) 'Fogging'.

Kos sebanyak RM40,000.00 sebulan adalah dengan pecahan kerja yang telah dipersetujui seperti berikut :

- i) Kerja pembersihan ‘spot’ dan ‘detail’ dalam dan luar bangunan dewan.
- ii) Kerja pembersihan ‘spot’ dan ‘detail’ luar kediaman.
- iii) Penyelenggaraan peralatan kebersihan (hygiene) seperti penyembur pewangi automatik, ‘sanitizer’ dan tong tuala wanita.
- iv) Pencucian kering bagi keseluruhan langsir kediaman mengikut kehendak penghuni.
- v) Menanam pokok-pokok di taman.
- vi) Kerja penyelenggaraan keseluruhan lanskap di komplek seperti memotong rumput, menggembur, membaja, menyiram, merumpai, meracun, mengganti pokok mati dan lain-lain lagi.
- vii) Kerja pembersihan ‘hardscape’ seperti kaki lima, laluan dan sebagainya.
- viii) Pencucian dan rawatan *PH level* dan *chlorine* kolam renang.
- ix) Pencucian dataran kolam renang.
- x) Pencucian dewan serbaguna semasa diadakan majlis-majlis rasmi.
- xi) Pembuangan sampah di rumah-rumah ke tempat yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOCHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KUIL-KUIL AGAMA HINDU

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah kuil-kuil agama Hindu yang telah dirobohkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Kerajaan terdahulu iaitu Barisan Nasional dan juga yang telah disenaraikan hitamkan untuk dirobohkan?
 - Berapakah jumlah kuil-kuil agama Hindu yang didirikan di atas tanah yang dimiliki oleh kuil Hindu tersebut dan jika kuil-kuil Hindu itu tidak mempunyai dokumen Hak milik Tanahnya sendiri, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memberikan Suratan Hak milik Tanah bagi kesemua Kuil-Kuil Hindu yang tidak mempunyainya?
 - Apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil ke atas penceroboh-penceroboh dan mereka yang telah memusnahkan serta menghina kuil-kuil Hindu yang telah dirobohkan oleh Kerajaan terdahulu iaitu Barisan Nasional.

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah kuil-kuil agama Hindu yang telah dirobohkan di dalam Negeri Selangor.

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN DIROBOH
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	13
3.	Majlis Perbandaran Klang	4
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	44
6.	Majlis Perbandaran Selayang	27
7.	Majlis Perbandaran Kajang	2
8.	Majlis Perbandaran Sepang	1
9.	Majlis Daerah Kuala Selangor	1
JUMLAH		96

- b) Setakat ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai data yang lengkap berhubung jumlah kuil-kuil Hindu yang didirikan di atas tanah yang dimiliki sendiri oleh kuil tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun mengarahkan semua Pejabat Daerah mengadakan bancian terperinci mengenai bilangan kuil, tokong dan gereja yang terdapat dalam daerah masing-masing.

Berhubung dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memberikan Suratan Hak Milik Tanah kepada kuil-kuil yang masih belum mempunyainya, pihak kuil perlu memohon melalui Pejabat Tanah Daerah sebelum dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri. Sekiranya permohonan tersebut wajar, Kerajaan Negeri bersedia meluluskan permohonan Suratan Hak Milik Tanah kepada kuil-kuil tersebut.

- c) Kerajaan Negeri berpandangan, tindakan perobohan ke atas kuil-kuil Hindu semasa di bawah kerajaan negeri sebelum ini telah dijalankan mengikut peraturan dan perundungan yang berkuatkuasa. Kebanyakan kuil-kuil yang dirobohkan merupakan kuil-kuil yang didirikan di atas tanah-tanah rizab Kerajaan Negeri atau tanah persendirian bertujuan untuk memberi laluan kepada projek-projek pembangunan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat akan mengambil pendekatan yang lebih mesra berbanding kerajaan dahulu dimana sebelum perobohan, PBT atau Pejabat Daerah perlu mendapatkan kebenaran Kerajaan Negeri terlebih dahulu dan tapak gantian akan diberikan oleh Kerajaan Negeri sekiranya wajar atau perlu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PROGRAM PENJANAAN EKONOMI KAUM ORANG ASLI

74. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Apakah perancangan bagi meningkatkan lagi ataupun menjana perkembangan ekonomi dalam bidang pertanian untuk kaum orang asli?
 - Berapakah jumlah tanah yang dimiliki atau dianugerahkan oleh kerajaan kepada orang asli yang boleh dimajukan dalam bentuk pertanian moden berkelompok?
 - Adakah badan atau institusi yang khusus selain daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) yang melaksanakan program tersebut di atas (a) dan (b)?

JAWAPAN :

- JHEOA Negeri Selangor melalui unit Ekonomi telah dan sentiasa merancang projek-projek ekonomi dengan tujuan meningkatkan pendapatan serta taraf hidup Orang Asli dalam RMK9 dan RMK-RMK sebelumnya. Perancangan dan aktiviti telah dan akan terus dimajukan dalam bentuk program-program seperti berikut :-
 - Program pembangunan tanah
 - Program pemgembangan (Kursus)
 - Program bimbingan usahawan
 - Pembinaan ruang niaga Orang Asli
 - Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
 - Program Skim Pembangunan Kemiskinan Rayat (SPKR)
- Berikut pecahan tanah-tanah yang dimiliki Orang Asli mengikut Daerah dan keluasan.

BIL	DAERAH	KAMPUNG	KLASIFIKASI			DALAM PERMOHONAN
			JUM. HEK	DI WARTA REZAB ORG ASLI	LULUSM MK	
1	Sepang	15	1,517.77	393.99	0	1,123.78
2	Kuala Langat	20	866.02	253.8	150.92	461.3
3	Klang	3	219.31	0	178.05	41.26
4	Hulu Langat	9	506.82	121.94	194.18	190.7
5	Gombak	7	245.55	121.46	0	124.09
6	Petaling	4	207.15	0	0	207.15
7	Hulu Selangor	16	1871.9	8.08	0	1,863.82
	JUMLAH	74	5,434.52	899.27	523.15	4,012.1

Peruntukan kawasan projek (Tanah) adalah sangat terhad untuk Orang Asli bergiat dalam projek-projek yang boleh menjana ekonomi bagi memajukan projek-projek pertanian moden secara berkelumpuk. Kebanyakan tanah yang ada sering kali menghadkan aktiviti-aktiviti ekonomi terutama tanaman kontan jangka pendek/sederhana yang boleh di usaha secara kelumpuk. Cadangan supaya Orang Asli diberi kebenaran mengusaha tanah-tanah kerajaan sangat dialu-alukan oleh JHEOA.

- c) Selain Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) tiada agensi atau institusi lain yang melaksanakan program tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN

75. Mengenai kelulusan pembangunan EXCO MTES Bil. 3/2000 bertarikh 26 Januari 2000 secara usaha sama antara MPAJ dengan Tan & Tan Development Berhad dirujuk:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah terma-terma dalam *Joint Venture Agreement* dipatuhi sepenuhnya dan dilaksanakan seperti mana dalam perjanjian?
- b) Berapakah kos dan keuntungan sebenar projek berbanding dengan kos dan keuntungan seperti yang terkandung dalam perjanjian awal?
- c) Berapakah keuntungan yang telah diserahkan kepada MPAJ berdasarkan kepada keuntungan sebenar berbanding dengan keuntungan yang diunjurkan dalam perjanjian?

JAWAPAN :

- a) Terma-terma dalam *Joint Venture Agreement* telah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pemaju.
- b) Berdasarkan Perjanjian Usahasama yang telah ditandatangani di antara MPAJ dengan Tetuan Tan & Tan Development Berhad pada 11 April 2000, Appendix 3 "feasibility study" telah menunjukkan jumlah anggaran kos pembinaan dan pembangunan yang ditanggung oleh pemaju adalah RM175,300,000.00. Anggaran Pulangan Kasar yang diperolehi adalah RM18,000,000.00.

Manakala kos pembinaan dan pembangunan sebenar yang ditanggung oleh pemaju sehingga 31.12.07 iaitu sebanyak RM415,878,000.00 dan Jumlah Keuntungan Kasar yang diperolehi adalah sebanyak RM39,374,000.00. Walau bagaimanapun pihak pemaju menganggarkan kos pembangunan tersebut meningkat kepada RM464,466,000.00 dan anggaran keuntungan kasar sebanyak RM43,133,000.00 kerana terdapat 1 blok pangaspuri yang masih belum siap dibangunkan ditapak.

- c) Keuntungan yang diperolehi oleh MPAJ adalah secara "in-kind" iaitu 43 unit Rumah Kos Rendah yang bernilai RM 1,806,000.00. Faedah lain seperti bayaran diskain sebanyak RM 7,000.00 seunit, bayaran kos pindah dan bayaran sewaan bulan bagi tempoh pembangunan projek telah diterima oleh pihak setinggan adalah sebanyak RM735,300.00.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : MEMULIHKAN SISTEM PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN DAN KETUA KAMPUNG

76. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Adakah Ahli Jawatankuasa untuk memulihkan sistem pilihanraya kerajaan tempatan dan ketua kampung telah ditubuhkan?
 - Sebutkan rancangan yang ada untuk memulihkan pilihanraya tersebut.

JAWAPAN :

- Merujuk kapada Seksyen 15 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), secara jelas dinyatakan Pilihan raya Kerajaan Tempatan **tidak dibenarkan**. Jika ada cadangan untuk memulihkan sistem ini semula, perkara ini perlu dibawa ke Parlimen untuk pindaan kapada Seksyen 15 (1) Akta 171. Menyentuh mengenai pilihan raya ketua kampung, seperti yang dicadangkan oleh YB Teratai, Manual Panduan Kerja JKKK Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh UPEN pada tahun 2001 menyatakan mekanisme pelantikan Ketua Kampung yang diguna pakai adalah **tidak** melalui pilihan raya. Kuasa melantik Ketua Kampung adalah di bawah bidang kuasa YAB Dato' Menteri Besar dengan syor yang dibuat oleh Pegawai Daerah yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Pakatan Rakyat telah membuat penambahbaikan kepada Mekanisme ini di mana pemilihan Ketua Kampung di buat oleh Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Pengurus Jawatankuasa Tetap Luar Bandar sebelum diangkat kepada YAB Dato' Menteri Besar untuk persetujuan.
- Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor telah meluluskan satu usul di Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Lanjutan daripada itu, Jawatankuasa Tetap Kajian dan Penyelidikan telah memperuntukkan RM 20,000.00 untuk menjalankan kajian ke atas perlaksanaannya apabila Pilihanraya Kerajaan Tempatan dapat dipulihkan nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PELANTIKAN AHLI MAJLIS PBT

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Nyatakan proses pelantikan ahli majlis.
 - Bagaimanakah prestasi ahli majlis ini akan dinilai dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka jika prestasi mereka tidak memuaskan?
 - Nyatakan tindakan yang akan diambil bagi memastikan proses pelantikan adalah lebih telus.

JAWAPAN :

- Berkenaan dengan soalan yang melibatkan pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Selangor, saya akan memaklumkan bahawa proses yang digunakan dari peringkat awal oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut iaitu:
 - Penerimaan senarai calon daripada Parti Politik dan permohonan daripda NGO dan orang ramai;
 - Senarai calong-calong akan dinilai dan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan.
 - Senarai yang terpilih akan dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) untuk dipersetujui;
 - Surat Pelantikan dikeluarkan kepada senarai calon yang disahkan oleh MMKN;
 - Menghantar senarai nama Ahli Majlis yang gagal melepassi tapisan akan ditamatkan perkhidmatan mereka dan digantikan dengan calon baru melalui proses pemilihan yang sama.
 - Mana-mana Ahli Majlis yang gagal melepassi tapisan akan ditamatkan perkhidmatan mereka dan digantikan dengan calon baru melalui proses pemilihan yang sama.

Bagi masa akan datang, semua calong yang terpilih sebagai Ahli Majlis perlu membuat perakuan status masing-masing.

- Setiap Ahli Majlis PBT akan dinilai prestasinya oleh Datuk Bandar / Yang Dipertua Majlis dengan menggunakan borang prestasi yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan aspek-aspek seperti kehadiran Ahli Majlis ke Mesyuarat di PBT akan keaktifan seseorang Ahli Majlis dalam menghubungkan di antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan penduduk setempat.

Pihak PBT kemudiannya akan mengemukakan prestasi Ahli-ahli Majlis berkenaan kepada Kerajaan Negeri untuk makluman dan tindakan. Sekiranya prestasi seseorang Ahli Majlis itu tidak memuaskan, Kerajaan Negeri akan menilai dan menimbang sama ada perkhidmatan mereka akan disambung ataupun tidak.

- c) Merujuk kepada soalan seterusnya dibangkitkan oleh Y.B. Subang Jaya mengenai ketelusan pelantikan Ahli Majlis, Kerajaan Negeri bersetuju dan telah pun menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan dan dianggotai semua wakil-wakil parti komponen Pakatan Rakyat bagi memastikan proses pelantikan Ahli Majlis lebih telus dan seimbang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANJIR KILAT DI KAJANG

78. Pada 27 Ogos 2008 sekali lagi berlaku banjir kilat di Kajang yang memakan korban jiwa, menenggelamkan kenderaan dan merosakkan rumah-rumah di perlembahan pekan Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya banjir kilat di Pekan Kajang?
- b) Mengapakah gagalnya pembaikan sungai di Pekan Kajang sebelum ini?
- c) Apakah tindakan lanjut bagi mengatasi banjir kilat di Pekan Kajang?

JAWAPAN :

- a) Kejadian banjir yang berlaku disebabkan oleh pembangunan yang pesat di kawasan tersebut dan juga sistem perparitan dalaman lama yang tidak dinaiktaraf.
- b) Projek pembaikan Sungai Jeluh di Pekan Kajang sedang dijalankan.
- c) Kemajuan projek pembaikan Sungai Jeluh setakat ini di laporkan sebanyak 59%.

MAKLUMAT TAMBAHAN

- a) Kawasan 113 ekar yang digondolkan adalah sebahagian daripada projek pemaju Prestige Improvement. Kawasan seluas 113 ekar ini, memandangkan yang ianya tidak ada tumbuhan yang memperlakukan larian air, menyebabkan larian air hujan mengalir dengan cepat masuk ke Sg. Jeluh dan meningkatkan paras air hingga melimpah. Tambahan lagi tiga halangan iaitu di jambatan pasar, jambatan JKR Jalan Bukit dan pembetong (culvert) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyebabkan kesan 'backwater' di mana paras air di hulu halangan tersebut meningkat dan menghalang air parit-parit berdekatan daripada mengalir ke sungai. Limpahan dari parit-parit inilah yang mengakibatkan banjir lumpur.
- b) Pembaikan Sungai Jeluh tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat beberapa isu yang masih belum dapat diselesaikan. Isu-isu itu adalah seperti berikut:
 - i. Beberapa lot-lot gerai yang telah dipajak kepada peniaga oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) berada di dalam simpanan sungai. Kerja-kerja menaiktaraf tidak dapat dilaksanakan kerana usaha memindahkan peniaga-peniaga tersebut gagal.
 - ii. Terdapat sebuah Kuil Hindu yang dibina didalam simpanan sungai dan perlu dirobohkan untuk membolehkan kerja dilaksanakan. Usaha memindahkan kuil ini juga gagal.

iii. Selain itu pembetong KTMB dan jambatan JKR perlu dinaiktaraf untuk mengelakkan halangan.

c)	Tarikh mula projek	: 12 Nov 2007
	Tarikh siap	: 29 Mac 2009
	Skop kerja	: Pemasangan L Unit & Slab – Ch 0.00- Ch 1884.00 Pemasangan Flood Wall (Tebing Kiri) Ch 0.00- Ch 990.00 Jambatan – 5 Nos Railing, Drainage Gate, turfing
	Kos Projek	: RM 8,750,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK DI PREMIS KERAJAAN

79. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk mengadakan pusat jagaan kanak-kanak atau bayi di premis kerajaan bagi membantu ibu bapa yang tidak mampu menggaji pembantu rumah atau menghantar anak-anak mereka di pusat-pusat jagaan kanak-kanak dan bayi swasta.

JAWAPAN :

- a) Menurut Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan) 2007, di bawah Pindaan Seksyen 5 telah dinyatakan perihal taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja. Ini bermaksud majikan samada sektor awam ataupun swasta dibolehkan untuk menubuhkan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing. Walaubagaimanapun dari segi perlaksanaan operasi ianya terpulang kepada pihak majikan samada hendak mengendalikan sendiri sepenuhnya ataupun membuka peluang kepada pengusaha taska swasta untuk mengendalikan taska di dalam kawasan tempat kerja mereka.

Bagi menggalakkan penubuhan taska tempat kerja di sektor awam, Ketua Setiausaha Perbendaharaan melalui surat edaran kepada semua pegawai pengawal bertarikh 23 Mac 2007 (ruj : B(26.00)202-6) telah mengumumkan penambahan amaun geran pelancaran bagi penubuhan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) di tempat kerja sektor awam selaras dengan pengumuman Bajet 2007 dari RM50,000 kepada RM80,000. Geran pelancaran ini disediakan kepada setiap Kementerian / Jabatan dengan syarat :

- i. Geran ini merupakan one-time grant untuk tujuan menampung kos ubahsuai ruang dan pembelian peralatan / perkakas;
- ii. Geran ini tidak boleh digunakan untuk kos operasi; dan
- iii. Urusan penubuhan TASKA telah dipersetujui oleh Pihak Berkuasa yang berkaitan.

Disamping itu juga merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007 – Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk meluluskan pemberian subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sektor awam kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000 sebulan dan menghantar anak mereka ke taska di tempat kerja sektor awam mengikut kadar yuran sebenar atau maksimum RM180.00 sebulan bagi seorang anak, dibayar terus kepada pengusaha taska oleh agensi dimana pegawai berkhidmat. Sekiranya yuran tersebut melebihi RM180.00 baki selebihnya ditanggung oleh pegawai berkenaan.

Walaubagaimanapun sehingga kini kedua-dua pekeliling ini hanya terpakai bagi Kerajaan Persekutuan sahaja. Namun begitu terdapat juga Kerajaan Negeri yang telah bersetuju untuk mengikuti dan menggunapakai garis panduan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PELABURAN DI SELANGOR

80. Dilaporkan bahawa bulan Jun lalu telah diadakan lawatan ke Dubai bagi tujuan menarik pelaburan

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar :

- a) Apakah susulan yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri selepas lawatan itu?
- b) Berapakah nilai pelaburan yang dijangka akan dibawa masuk ke negeri Selangor hasil daripada lawatan itu?

JAWAPAN :

- a) Hasil daripada lawatan tersebut beberapa syarikat telah menyatakan minat dan hasrat yang tinggi untuk melabur di negeri Selangor di bidang-bidang seperti harta tanah, pertanian, pembinaan, *waste management*, pengilangan makanan dan lain-lain lagi.

Berikutnya itu juga beberapa tindakan susulan telah dibuat di mana pihak SSIC Berhad telah membuat hubungan susulan menerusi surat dan mesyuarat dengan syarikat terbabit bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan.

- b) Hasil daripada lawatan ini sejumlah kira-kira RM 10 billion **dijangka** akan di bawa masuk ke Negeri Selangor. Walau bagaimanapun jumlah sebenar hanya akan dapat dikenalpasti apabila permohonan rasmi dikemukakan kelak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN PERUMAHAN

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan syarat kepada semua projek pembangunan perumahan yang baru iaitu pemaju projek tersebut wajib berunding dengan persatuan penduduk kawasan bersebelahan tapak pembangunan tersebut untuk mendapatkan persetujuan mereka dan memastikan bahawa pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak akan menjelaskan kawasan perumahan yang sedia ada.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MAHKAMAH SYARIAH

82. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila senaraikan jumlah Mahkamah Syariah yang terdapat di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah.
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah bilangan Mahkamah Syariah baru yang masih dalam proses pembinaan dan jumlah peruntukan yang disalurkan ?
- c) Sila nyatakan siapakah nama kontraktor dan lembaga pengarah yang dilantik untuk membina Mahkamah Syariah di Negeri Selangor mengikut susunan daerah ?

JAWAPAN :

- a) Jumlah Mahkamah Syariah mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut :-
- (i) Mahkamah Tinggi dan Rayuan Syariah
Di Bangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor di Aras 5 & 6, Bangunan Mahkamah SSAAS
Persiaran Pegawai, Seksyen 5, 40000 Shah Alam
- (ii) Daerah Petaling
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling
Jln Othman, 46000 Petaling Jaya

Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam
Tingkat 3, Bangunan UMNO Selangor
Persiaran Perbandaran, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
- (iii) Daerah Klang
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang
Tingkat 3, Unit 3-05 & 3-06, Garden Business Centre, No. 3
Jln Istana, 41000 Klang
- (iv) Daerah Kuala Langat
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Langat
Sungai Manggis, 42700 Banting
- (v) Daerah Sepang
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sepang
43900 Sepang

- (vi) Daerah Hulu Langat
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat
Jalan Low Ti Kok, 43000 Kajang
 - (vii) Daerah Hulu Selangor
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Selangor
44000 Kuala Kubu Bharu
 - (viii) Daerah Kuala Selangor
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor
 - (ix) Daerah Sabak Bernam
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sabak Bernam
45300 Sg Besar
 - (x) Daerah Gombak
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Timur
Jln AU 2A/17, Tmn Seri Keramat, 54200 Selangor

Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak Barat
Bt 17 ¾, 48050 Kuang
- b) Jumlah Mahkamah Syariah baru yang masih dalam proses pembinaan adalah 10 buah iaitu 1 bangunan ibu pejabat dan 9 buah Mahkamah Rendah Syariah Daerah di 9 buah daerah di negeri Selangor iaitu :-
- (i) Mahkamah Tinggi dan Rayuan Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah Bandaraya Shah Alam di Bangunan ibu pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor
Lot 1, Jln Persiaran Masjid, Seksyen 5, 40675 Shah Alam
(bersebelahan bangunan JAIS dan Masjid Negeri)
 - (ii) Daerah Petaling
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Petaling
Subang (bersebelahan bangunan Pejabat Tanah & Daerah Petaling (baru))
 - (iii) Daerah Klang
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang
Jln Hj Sirat, Klang (bersebelahan dengan RTM)
 - (iv) Daerah Kuala Langat
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Langat
Bandar Kota Seri Langat, Kuala Langat
 - (v) Daerah Sepang
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sepang
Bdr Baru Salak Tinggi, Sepang
(bersebelahan bangunan masjid daerah Sepang)

- (vi) Daerah Hulu Langat
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat
Seksyen 9, Bdr Baru Bangi, Selangor
(bersebelahan bangunan masjid dan berdekatan dengan Pejabat Tanah Daerah)
- (vii) Daerah Hulu Selangor
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Selangor
Seksyen 19, Bdr Kuala Kubu Bharu
(bersebelahan dengan bangunan Maktab Polis)
- (viii) Daerah Kuala Selangor
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Selangor
Jln Semarak, Seksyen 19, Bdr Baru Kuala Selangor
(bersebelahan bangunan Majlis Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Tanah)
- (ix) Daerah Sabak Bernam
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Sabak Bernam
Pekan Sg Besar, Sabak Bernam
- (x) Daerah Gombak
Mahkamah Rendah Syariah Daerah Gombak
Bdr Baru Selayang
(bersebelahan bangunan Pejabat Tanah Daerah Gombak)

Peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM160.59 juta

- c) Projek ini merupakan projek Kerajaan Negeri Selangor di bawah Syarikat Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) dengan Amanah Raya Berhad melalui 'Build Lease and Transfer' (BLT).

Pemaju bagi projek ini adalah Amanah Raya Development Berhad.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : POHON GERAN KEKAL

83. Pemilik perumahan di Bandar Baru Bangi mendesak melalui ADUN agar hartanah mereka ditukar dari hak milik selama 99 tahun kepada geran hak milik kekal.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah polisi pemilikan tanah di negeri Selangor.
- b) Berikan jenis-jenis status pemilikan tanah.
- c) Adakah kemungkinan diberi status pemilikan kekal bagi pemilik-pemilik hartanah di Bandar Baru Bangi dan lain-lain?

JAWAPAN :

- a) Dasar yang diamalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri berhubung pemilikan tanah adalah selaras dengan Seksyen 76 kanun Tanah Negara. Bagi warganegara, syarat / polisi yang diamalkan selaras dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara dan undang-undang lain yang berkuatkuasa. Manakala bagi warganegara asing, polisi yang ditetapkan oleh Foreign Investment Committee dan Seksyen 43B, Kanun Tanah Negara adalah digunakan.
- b) Jenis-jenis status pemilikan tanah terbahagi kepada dua iaitu secara pajakan di mana Pihak Berkuasa Negeri boleh berimilik untuk tempoh tidak melebihi 99 tahun selaras dengan Seksyen 76, Kanun Tanah Negara dan secara selama-lamanya bagi tanah tanah yang telah diberimilik sebelum Kanun Tanah Negara berkuat-kuasa.
- c) Kerajaan Negeri terikat dengan peruntukan undang-undang. Sekiranya undang-undang dipinda, dasar boleh dibuat pengubahsuaian sewajarnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN KERETA PROTON PERDANA V6

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Kes pembelian kereta Mercedes untuk kegunaan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan EXCO Terengganu menimbulkan syak di kalangan rakyat tentang kemungkinan berlakunya penyelewengan perbelanjaan dalam menyelenggarakan kenderaan milik Kerajaan Negeri tersebut. Apakah Kerajaan Negeri hari ini sudah meneliti kos penyelenggaraan kereta Proton Perdana V6 yang digunakan oleh Kerajaan Negeri terdahulu dan berapakah jumlahnya? Apakah ia munasabah?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kos menyelenggara kereta tersebut adalah seperti berikut :-

Bil	Nama Syarikat	Jumlah (RM)
1.	Data Mewah Sdn Bhd	7,124.00
2.	Kia Protee Services Sdn. Bhd.	7,841.00
3.	Metro Vellay Autitech Sdn. Bhd	26,796.00
4.	Free Will Auto Sdn. Bhd	2,110.00
5.	Massaga Auto Services Sdn Bhd.	34,818.04
6.	Bengkel Kereta Sahar	25,842.25
7.	Syarikat Perkhidmatan Shah Jaya	1,119.00
8.	Zaan Maju Enterprise	246.00
9.	E D Tayar dan Bateri Sdn Bhd	10,427.00
10.	Syarikat Tayar Soon Leong	3,622.00
Jumlah Keseluruhan :		119,945.29

Kerajaan Negeri berpendapat kos senggaraan yang dibayar kepada 10 Syarikat adalah didapati munasabah.

JAWAPAN DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

- a) Kerajaan Negeri sudah meneliti kos-kos penyelenggaraan kereta Proton Perdana V6 yang digunakan kenderaan rasmi AMMKN, Speaker dan Timbalan Speaker oleh kerajaan terdahulu. Jadual seperti di lampiran A adalah kos penyelenggaraan setiap kenderaan rasmi yang digunakan oleh kerajaan terdahulu.

Lampiran A

KOS PENYELENGGARAAN KERETA RASMI (PROTON PERDANA V6 (EKSEKUTIF)

Bil.	Nama Nama Exco Tahun 2004 Sehingga Tahun 2008	No. Pendaftaran	Jumlah Tahun 2005 (RM)	Jumlah Tahun 2006 (RM)	Jumlah 2007 (RM)	Jumlah Tahun Bagi Setiap Kenderaan (RM)
1.	Y.B. Dato' Tang See Hang	BGH 33	-	8,089.18	* 52,664.08	60,753.26
2.	Y.B. Puan Kamalam A/L Annasamy	BJN 217	-	-	1,351.85	1,351.85
3.	Y.B. Dato' Abd Rahman b. Palii	BHD 1221	6,251.10	* 40,746.47	21,203.96	68,201.53
4.	Y.B. Dato' Abdul Fatah b. Iskandar	BHF 33	17,812.71	* 46,561.06	13,386.67	77,760.44
5.	Y.B. Dato' Ch'ng Toh Eng	BGA 66	-	9,973.48	* 51,161.80	61,135.28
6.	Y.B. Dato' Mokhtar b. Dahlan	BFU 22	4,811.59	11,319.00	11,899.43	28,030.02
7.	Y.B. Dato' Lim Thuang Seng	BHL 100	5,093.83	10,624.89	21,195.52	36,914.24
8.	Y.B. Dato' Raja Ideris b. Raja Ahmad	BFU 55	-	5,628.64	1,956.84	7,585.84
9.	Y.B. Dato' Ahmad Nawawi b. Dato' M. Zin	BHE 37	15,904.97	* 27,886.42	28,203.63	71,995.02
10.	Y.B. Datuk Paduka Seripah Noli b. Syed Hussin	BHG 318	5,639.37	23,936.14	* 44,166.13	73,741.64
11.	Y.B. Tan Sri Dato' Seri Onn b. Ismail	BGD 33	-	7,318.35	18,695.97	26,014.32
12.	Y.B. Dato' Mohamad Satim b. Diman	BHY 29	-	1,303.51	3,370.04	4,673.55
	Jumlah Keseluruhan	55,513.57	193,387.14		269,255.92	518,156.63

* Tukar Kotak Gear

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : MASALAH ORANG KURANG SIUMAN DAN PEMINTA SEDEKAH

85. Orang kurang siuman dan peminta sedekah sering berkeliaran dan mengganggu ketenteraman orang awam dan ada kalanya mendatangkan kecederaan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Siapakah pihak yang sepatutnya bertanggungjawab dalam menangani masalah ini?
- Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasinya?

JAWAPAN :

- Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diberi kuasa oleh Menteri melalui Akta Orang Papa (AOP) 1977, bagi menjalankan pemantauan dan operasi berjadual mengikut daerah masing-masing bagi mengurangkan gejala mengemis.

Bagi pengemis warganegara Malaysia, tindakan boleh diambil di bawah Sek.3(2) AOP 1977 iaitu menempatkan mereka selama sebulan dengan perintah penempatan sementara oleh Mahkamah bagi mengesan waris/ keluarga di institusi JKM.

Bagi pengemis yang bukan warganegara akan diserahkan kepada pihak Imigresen untuk tindakan selanjutnya.

Bagi pengemis yang tidak mempunyai keluarga atau waris, setelah perintah penempatan sementara tamat, Mahkamah boleh membuat perintah penempatan tetap selama tempoh 3 tahun mengikut peruntukan Seksyen 3(4) AOP 1977.

Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan institusi perlindungan dan pemulihan, iaitu Pusat Pemulihan Pengemis (Desa Bina Diri) bagi penempatan orang papa yang berumur 60 tahun ke bawah dan Rumah Seri Kenangan bagi mereka yang berumur 60 tahun ke atas;

Bagi kes orang tidak siuman, ianya bukan di bawah kuasa JKM dan mereka akan dirujuk kepada Jabatan Kesihatan untuk rawatan Psikiatrik atau rawatan yang bersesuai oleh jabatan berkenaan.

- Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan operasi pencegahan dan membentras pengemis / kutu rayau. Operasi telah dibuat secara berjadual dan juga secara bersepada dengan penglibatan pelbagai jabatan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) , Polis, RELA, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran, AADK, Jabatan Agama dan lain-lain jabatan yang berkaitan untuk diambil tindakan menyelamat dan pemulihan kepada pengemis serta kutu rayau.

Bersama-sama ini dilampirkan sebahagian daripada operasi menyelamat pengemis dan kutu rayau yang telah dijalankan di daerah-daerah seperti di lampiran A.

Lampiran A

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SELANGOR

TAHUN/BULAN:Januari – Ogos 2008

JADUAL 1 (a) : JENIS OPERASI DAN BILANGAN ORANG PAPA DISELAMATKAN

Bil.	Daerah / Bahagian	Jenis Operasi				Jumlah	Bil. Orang Papa Diselamatkan		
		Operasi Berjادual	Operasi Ad Hoc	Aduan Awam	Permohonan Sukarela		Pengemis Tempatan	Pengemis Asing	Peleser
1	Gombak	4	3	8		15	12	53	31
2	Petaling	14	1	22		37	20	26	26
3	Klang	3	3	12		18	16	13	20
4	Hulu Langat	11	2	23		36	10	30	1
5	Kuala Langat	4		6		10	4	4	3
6	Hulu Selangor	8	-	-		8	-	-	-
7	Kuala Selangor	-	3	2		5	7	-	2
8	Sepang	1	-	3		4	6	4	3
9	Sabak Bernam	4	-	-		4	-	-	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : TANAH KEGUNAAN AWAM DIRAMPAS DI BANDAR UTAMA

86. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Apakah perkembangan terbaru terhadap beberapa keping tanah untuk kegunaan awam yang telah dirampas oleh golongan yang tidak bertanggungjawab?
 - Apakah akan dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memulangkan penduduk-penduduk Bandar Utama kemudahan-kemudahan awam ini?

JAWAPAN :

- Tanah-tanah yang terlibat telah diluluskan secara pemberimilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kelulusan tanah adalah mengikut tatacara dan prosedur di bawah Kanun Tanah Negara. Tiada perampasan tanah yang berlaku.
- Tapak-tapak kemudahan awam bagi setiap projek pembangunan telah ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan mengikut Pelan Susunatur dan Pelan Pra Hitungan yang diluluskan. Jika sekiranya, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengambil semula tanah yang telah diberimilik ini, maka urusan pengambilan balik tanah hendaklah dilakukan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PELAN TINDAKAN WANITA DAN KELUARGA

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Bilakah Pelan Tindakan Wanita dan Keluarga akan dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor?
 - Berapakah anggaran peruntukan yang akan diberikan kepada usaha-usaha pembangunan wanita dan keluarga dalam Belanjawan Selangor yang akan datang?

JAWAPAN :

- Pada masa ini, Pelan Tindakan Wanita dan Keluarga telah siap dirangka. Pelan ini akan meliputi semua aspek yang berkaitan dengan wanita dan keluarga seperti hal kebajikan yang berkaitan dengan suri rumah, wanita usia emas, wanita bekerjaya, usahawanita, ibu tunggal dan golongan remaja. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita akan mengadakan bengkel untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), agensi-agensi berkaitan serta golongan professional untuk memberi penambahbaikan terhadap Pelan Tindakan Wanita ini dan dijangka akan siap pada bulan Disember 2008.
- Pada tahun 2009 dianggarkan sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dalam usaha untuk memperkasakan golongan wanita Negeri Selangor. Di samping itu, sebanyak RM500,000.00 dijangka akan diperuntukkan dalam bajet pembangunan yang akan digunakan bagi tujuan program-program yang akan memberi banyak faedah dan manfaat kepada golongan wanita tanpa mengira usia mahupun status wanita itu sendiri. Selain itu, dijangka RM200,000.00 dari Jawatankuasa Tetap Usahawan akan diperuntukkan khusus untuk program usahawan ibu tunggal di mana golongan ibu tunggal yang berminat dalam bidang keusahawanan akan dibantu oleh Kerajaan Negeri. Pembentangan maksud "Gender Budgetting" dalam Majlis Dialog Bajet telah membuka kesedaran kepada semua agensi-agensi kerajaan tentang peranan wanita itu sendiri. Oleh itu, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Tetap yang lain termasuk agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam aspek pembangunan wanita dengan menggunakan peruntukan sedia ada dari agensi-agensi yang terbabit.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : PENGUNAAN POS KAWALAN KESELAMATAN SENDIRI DI
TAMAN PERUMAHAN**

88. Terdapat banyak konsep pos kawalan keselamatan kendiri (*guarded community*) yang dilaksanakan di kawasan perumahan teres, pangapuri dan kondominium. Konsep ini praktikal jika semua penduduk setuju berkenaan perkara ini dan konsep ini bersesuaian untuk mewujudkan keharmonian antara semua penduduk. Akan tetapi akan timbul keraguan kerana kebanyakan pelantikan pengawal keselamatan adalah rakyat asing.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Selain daripada undang-undang daripada kerajaan pusat melalui polis atau imigresen adakah wujud undang-undang oleh kerajaan negeri bagi pengawal keselamatan bukan warganegara bekerja di negeri ini.
- b) Wujud satu senario di mana pos kawalan oleh persatuan penduduk mengambil bekalan elektrik dari tiang-tiang lampu dan adakah kerajaan negeri sedar kewujudan pos kawalan ini yang diwujudkan bertujuan menghalang kes kecurian di kawasan mereka tetapi penduduk sendiri yang mencuri bekalan elektrik untuk kegunaan pos kawalan mereka. Ia berlaku kerana TNB sukar mengeluarkan kebenaran dan memerlukan deposit untuk meter TNB dan penduduk perlu membayar deposit yang tinggi untuk memperolehnya. Apakah yang Kerajaan Negeri dapat bantu ?
- c) Apakah ada garis panduan bagi pengawal keselamatan tersebut atau Manual Prosedur Kerja (SOP) sehingga wujud kesukaran penyelenggaraan kontraktor PBT untuk masuk melaksanakan kerja apabila pengawal keselamatan perlukan surat kebenaran masuk dalam kawasan jagaannya walaupun kontraktor PBT menggunakan kad kuasa.

JAWAPAN:

a) & b):

Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 25 September 2008 telah menolak soalan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK : PERLOMBONGAN PASIR HARAM

89. Dilaporkan terdapat tapak-tapak perlombongan pasir haram di Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato Menteri Besar :

- a) Berapakah pendapatan yang sepatutnya diperoleh Kerajaan Negeri daripada aktiviti perlombongan pasir ini?
- b) Apakah rasional Kerajaan Negeri memiliki punya sistem pengeluaran pasir ini
- c) Apakah langkah penguatkuasaan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada kenyataan Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor, adalah dijangkakan sejumlah RM200 juta hasil pasir dapat diperolehi selepas polisi baru pengeluaran pasir (Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dilaksanakan).
- b) Kerajaan Negeri mengambil pendekatan untuk menguruskan pengeluaran pasir di Selangor bagi memastikan pulangan hasil dari kegiatan tersebut dapat disalurkan semula kepada rakyat melalui program-program yang diperkenalkan melalui Merakyatkan Ekonomi Selangor.
- c) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Penguatkuasaan, PTGS dan Pejabat-Pejabat Tanah Daerah telah melaksanakan penguatkuasaan secara rondaan dan kawalan 24 jam (Ops Statik) di kawasan-kawasan sensitif yang dikenal pasti menjadi lokasi utama pencurian pasir di semua daerah.

Tindakan boleh diambil terhadap pencuri pasir di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 (Pencabutan atau pemindahan bahan batuan secara tidak sah) yang mana boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

Kerajaan Negeri juga telah melancarkan Program Rakan Pasir iaitu satu program yang menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan maklumat / aduan kes-kes pencurian pasir melalui Sistem Pesan Ringkas (SMS) kepada Pihak Berkuasa. Program ini dipantau oleh Bahagian Penguatkuasaan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan nombor talian yang disediakan ialah 33886.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : RUMAH DAN KEDAI KOS RENDAH

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa rumah awam mampu milik dan premis perniagaan mampu milik yang dibina untuk penempatan semula peneroka bandar akan diagihkan kepada rakyat yang benar-benar layak untuk mendapat unit-unit tersebut.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan pengagihan rumah dan kedai kos rendah yang dibina untuk penempatan semula peneroka bandar hanya diagihkan kepada mereka yang benar-benar layak sahaja untuk mendapatkan unit-unit tersebut. Pengagihan rumah kos rendah kepada peneroka bandar akan dibuat berdasarkan senarai nama yang dibanci oleh PBT/Pejabat Tanah Daerah yang mana berkaitan. Bagi memastikan tiada tambahan nama oleh pihak luar, hanya nama peneroka bandar yang dibanci oleh PBT berkaitan sahaja yang akan diguna pakai untuk tujuan tawaran rumah kos rendah. Maklumat tawaran rumah kepada peneroka bandar juga akan dimasukkan ke dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Kos Rendah (SPPR) yang berpusat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk memastikan peneroka bandar tidak akan mendapat tawaran rumah berserta kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di kawasan PBT lain. Selain itu, untuk mengelakkan sebarang bantahan daripada orang awam, semua senarai nama peneroka bandar yang akan ditawarkan rumah akan dipamerkan sama ada di dewan orang ramai dan rumah-rumah ibadat dalam sesebuah kawasan penempatan berkenaan supaya maklum balas daripada penduduk asal diperolehi dan nama yang disenaraikan adalah menepati kedudukan mereka sebagai peneroka bandar di kawasan tersebut.

Pengagihan kedai kos rendah juga akan dilakukan secara telus di mana peneroka bandar yang berminat memohon unit kedai kos rendah hendaklah mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri melalui LPHS dan ia akan dipertimbangkan berdasarkan kelayakan pemohon tersebut selain merupakan peneroka bandar asal yang telah dibanci oleh PBT. Satu jawatankuasa pemilihan senarai nama pemohon unit kedai kos rendah juga akan di tubuhkan bagi membuat penilaian ke atas semua permohonan yang dibuat di mana jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh LPHS manakala ahli lain terdiri daripada wakil PBT , Pejabat Tanah / Daerah, Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan ADUN kawasan. Tawaran unit kedai hanya akan dikeluarkan setelah nama-nama pemohon yang layak diperakukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH-SARAP

91. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah bayaran kerajaan negeri Selangor untuk kutipan sampah bagi empat tahun yang lepas mengikut PBT dan senaraikan butir-butir kontraktor yang memprolehi kontrak mengutip sampah dalam negeri Selangor mengikut PBT. (syarikat, lokasi, tempoh, jumlah nilai)
- b) Berapakah jumlah kutipan sampah mengikut PBT dan senaraikan lokasi loji pembuangan sampah.
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi mengendalikan jumlah buangan sampah yang semakin meningkat serta cara mengatasi masalah pembuangan sampah haram?

JAWAPAN :

- a) Perkhidmatan pembersihan awam adalah di bawah tanggungan setiap PBT disebabkan perjanjian interim ditandatangani oleh PBT dengan pihak Alam Flora. Walau bagaimanapun, berikut merupakan jumlah perbelanjaan PBT untuk tujuan pembersihan awam.

BIL	PBT	PERBELANJAAN (RM)			
		2004	2005	2006	2007
1	MBSA	38,911,520	43,872,890	49,717,590	53,336,480
2	MBPJ	31,187,575	33,828,595	37,134,373	42,673,282
3	MPK	Maklumat tidak diperolehi			
4	MPSJ	45,224,832	49,616,501	64,174,515	63,593,973
5	MPAJ	35.03 juta	35.37 juta	37.22 juta	39.99 juta
6	MPKj	Maklumat tidak diperolehi			
7	MPS	39,249,062	36,071,058	33,716,165	32,622,636
8	MPSp	Maklumat tidak diperolehi			
9	MDKS	Maklumat tidak diperolehi			
10	MDKL	Maklumat tidak diperolehi			
11	MDHS	Maklumat tidak diperolehi			
12	MDSB	Maklumat tidak diperolehi			

Butiran lanjut mengenai kontraktor boleh diperolehi daripada setiap PBT atau pihak Alam Flora kerana pelantikan kontraktor dibuat melalui perbincangan PBT dan Alam Flora.

- b) Berikut merupakan jumlah kutipan sampah PBT mengikut maklumat yang dibekalkan oleh PBT masing-masing:

BIL	PBT	PERBELANJAAN (RM)			
		2004	2005	2006	2007
1	MBSA	84,967	115,876	126,446	135,577
2	MBPJ	141,344	138,188	144,341	146,359
3	MPK		Maklumat tidak diperolehi		
4	MPSJ	146,000	163,009	175,654	154,168
5	MPAJ	10,500 tan sebulan	10,500 tan sebulan	10,500 tan sebulan	10,500 tan sebulan
6	MPKj		Maklumat tidak diperolehi		
7	MPS	10,00 tan sebulan	10,000 tan sebulan	10,000 tan sebulan	10,000 tan sebulan
	MPSp		Maklumat tidak diperolehi		
9	MDKS		Maklumat tidak diperolehi		
10	MDKL		Maklumat tidak diperolehi		
11	MDHS		Maklumat tidak diperolehi		
12	MDSB		Maklumat tidak diperolehi		

Manakala tapak-tapak pelupusan sampah di Selangor adalah seperti di Lampiran A dan Lampiran B.

- c) Kerajaan Negeri sedang mengkaji beberapa opsyen untuk mewujudkan satu sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu di Selangor. Kerajaan Negeri sedang melihat teknologi incinerator berskala kecil, MRF dan juga teknologi RDF yang ada di MPKj untuk diguna pakai di PBT Selangor.

Bagi membendung masalah sampah haram, PBT disarankan untuk menggandakan aktiviti penguatkuasaan di kawasan pentadbiran masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : KILANG HARAM

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapa jumlah pemilik tanah yang terlibat telah memohon untuk menukar syarat tanah di bawah seksyen 124(a)&(c) Kanun Tanah Negara bagi kilang haram di seluruh Pejabat Tanah Daerah di Negeri Selangor?
 - Berapa jumlah hak milik yang telah dikeluarkan notis Borang 7A mengikut seksyen 128 Kanun Tanah Negara untuk memulihkan pelanggaran syarat yang dinyatakan mengikut seksyen 125-129 Kanun Tanah Negara di seluruh Pejabat Tanah Daerah di seluruh Negeri Selangor?
 - Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri terhadap pemilik yang masih enggan mengambil tindakan untuk memohon tukar syarat mereka kepada industri walaupun peluang program 'pemutihan' kilang tanpa kebenaran negeri Selangor melalui PTG Selangor. Bil. 6/2006 telah dikeluarkan oleh PTG Selangor kepada semua Pentadbir Tanah Daerah di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- Sebanyak 587 pemilik tanah telah mengemukakan permohonan tukar syarat dan mendapat keputusan di atas permohonan mereka.
- Setakat ini, hanya Pejabat Tanah Sepang telah mengeluarkan Notis 7A iaitu kepada 14 tuan tanah.
- Mengikut Dasar Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor, pihak pemilik tanah / pengusaha terlibat diberi tempoh sehingga 2010 untuk mengambil tindakan memutihkan operasi mereka. Selepas tempoh tersebut, sekiranya terdapat pemilik tanah yang ingkar, tindakan-tindakan di bawah Kanun Tanah Negara dan akta yang terlibat dengan Pihak Berkuasa Tempatan akan diambil.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PERWAKILAN DARIPADA KAUM INDIA SEBAGAI AHLI MAJLIS MESYUARAT
NEGERI SELANGOR.**

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar ;
- a) Mengapakah hanya seorang sahaja wakil daripada kalangan kaum India dipilih sebagai "Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (EXCO)", ini menunjukkan seolah-olah kedudukan kaum India masih tidak berubah walaupun kini Pakatan Rakyat telah mengambil alih tumpuk pimpinan dan menubuhkan Kerajaan Negeri?
 - b) Adakah seorang daripada kalangan kaum India akan dipilih sebagai Timbalan Menteri Besar dalam Negeri Selangor Darul Ehsan ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil pendekatan berbeza dan Barisan Nasional dahulu pendekatan "pecah dan perintah". Barisan Nasional meletakkan pimpinan setiap kaum mewakili kaum mereka sahaja. Pakatan Rakyat, Kerajaan Negeri mewakili semua kaum bersama-sama. Malah kerajaan negeri menyediakan tabung sebanyak RM2 juta dan RM8 juta sumbangan dari Syarikat Peladangan untuk anak-anak pekerja ladang, bantuan RM12 juta untuk Sekolah-Sekolah Cina, Tamil dan Sekolah Agama Rakyat dan Dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor yang dilaksanakan untuk semua.
- b) Kerajaan Negeri tidak ada cadangan melantik Timbalan Menteri Besar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PENSWASTAAN PARKING

94. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Syarikat-syarikat yang ditawarkan projek pengurusan tempat letak kereta di negeri Selangor. Sila senaraikan nama syarikat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat dan jumlah kontrak setiap syarikat setiap tahun sejak tahun 2004.
 - Jumlah hasil pengutipan tempat letak kereta oleh setiap PBT setiap tahun dari tahun 2004.
 - Pihak manakah yang menanggung kos pegawai kompaun dan mahkamah?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri pada 1 April 1998 telah meluluskan pelaksanaan Sistem Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta Bersepadu Secara Bayar Dan Peraga/Pay And Display (P&D) di seluruh negeri kepada dua (2) syarikat iaitu Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SESB) dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. (GPSB). Tempoh konsesi adalah selama 20 tahun bagi GPSB dan 25 tahun bagi SESB. Tiada perjanjian utama dengan Kerajaan Negeri. Perjanjian ditandatangani dengan PBT yang terlibat dengan kedua-dua syarikat konsesi.

Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. diberi konsesi bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berikut:-

- Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Perbandaran Klang
- Majlis Perbandaran Selayang
- Majlis Perbandaran Ampang Jaya
- Majlis Perbandaran Kajang
- Majlis Perbandaran Sepang (belum beroperasi)
- Majlis Daerah Kuala Selangor (belum beroperasi)

Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. pula diberi konsesi bagi PBT berikut:-

- Majlis Bandaraya Petaling Jaya
- Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Majlis Daerah Kuala Langat
- Majlis Daerah Hulu Selangor (belum beroperasi)
- Majlis Daerah Sabak Bernam (belum beroperasi)

- Hasil kutipan tempat letak kereta yang diserahkan kepada PBT dari tahun 2004 hingga 2007 oleh Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SESB) adalah sebanyak RM37,732,855.00 manakala hasil kutipan bagi Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. pula adalah sebanyak RM40,268,841.00

Perincian kepada pengutipan hasil tempat letak kereta mengikut PBT adalah seperti berikut:-

BIL.	SYARIKAT KONSESI	PBT	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
1	Suasa Efektif	MBSA MPK MPS MPAJ MPKj Jumlah	5,700,412.00 16,806,342.00 8,514,382.00 4,463,355.00 2,248,364.00 <hr/> 37,732,855.00
BIL.	SYARIKAT KONSESI	PBT	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
2.	Godell Parking	MBPJ MPSJ MDKL Jumlah	31,550,615.00 8,183,423.00 534,803.00 <hr/> 40,268,841.00

- c) Kuasa untuk mengkompaun dan pendakwaan di mahkamah dikuatkuasakan oleh PBT mengikut undang-undang kecil PBT masing-masing. Oleh yang demikian, kuasa untuk mengkompaun dan pendakwaan di mahkamah dijalankan dan ditanggung oleh pihak PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENGURUSAN AGAMA-AGAMA SELAIN ISLAM

95. Sehingga tahun 2006 terdapat sebanyak 810 buah kuil, 1,111 buah tokong dan 27 buah gereja di seluruh negeri Selangor. Peruntukan yang diberikan oleh kerajaan bagi tujuan baik pulih bangunan keagamaan bukan Islam pula hanya berjumlah kurang dari RM3 juta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam melancar serta menyelaraskan pengurusan dan pentadbiran agama-agama selain Islam di negeri Selangor?
- b) Apakah rancangan dan kaedah-kaedah yang digunakan oleh kerajaan untuk menambah peruntukan kewangan dalam membangunkan mahupun membaik pulih bangunan keagamaan bukan Islam di seluruh negeri Selangor?
- c) Apakah status pendudukan atau pemilikan tanah rumah-rumah ibadat selain agama Islam di kawasan Hulu Kelang?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: MASALAH PENGHUNI PANGSAPURI ADORRA SRI MUDA

96. Penghuni Pangsapuri Adorra Taman Sri Muda sedang berdepan kemungkinan ancaman maut kerana ceiling dan bumbungnya sering jatuh di sekeliling pangsapuri, walaupun masalah ini telah diketengahkan kepada pemaju dan Majlis Bandaraya Shah Alam, namun sehingga hari ini tidak ada kerja-kerja pembakaian dilakukan oleh pemaju juga merangkap syarikat penyelenggara.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Pada 24hb Ogos 2008 kejadian runtuhnya bumbung dan struktur berlaku lagi semasa hujan lebat. Walaupun syarikat ini mempunyai banyak projek lain, mereka seperti lepas tangan akan tanggungjawab mereka dalam penyelenggaraan di pangsapuri ini. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas mana-mana pihak yang cuai atau sengaja tidak menjalankan tanggungjawab bagi menjaga keselamatan penghuni setempat.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri seperti meminda peruntukan undang-undang untuk membendung sikap degil pemaju seumpama ini berulang, dan apakah oleh kerana rumah ini milik golongan berpendapatan rendah? PBT kelihatan tidak berkuasa ke atas pemaju degil ini.

JAWAPAN:

- a) Kerosakan bumbung pangsapuri yang dimaksudkan adalah dibawah tanggungjawab pihak pemaju yang juga merupakan ejen pengurusan bagi kesemua pembangunan bertingkat di kawasan tersebut. Pemaju yang dimaksudkan adalah New Acres Sdn. Bhd.
- b) Majlis telah beberapa kali mengadakan perjumpaan dengan pemaju bagi menyelesaikan masalah tersebut. Namun demikian, pihak pemaju tidak memberikan sebarang komitmen bagi menyelesaikan masalah tersebut. Alasan yang diberikan pemaju adalah ketiadaan peruntukan kewangan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PROJEK PEMBANGUNAN PERUMAHAN

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang bagi projek pembangunan perumahan yang baru mesti dikenakan syarat menyediakan kawasan riadah dan juga kawasan hijau dalam usaha mewujudkan "green lung".

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah melaksana dan menerimapakai Manual Garispanduan dan Perancangan Negeri Selangor yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat MMKN ke 28/2007 bertarikh 3 Oktober 2007.

Berdasarkan manual tersebut, penyediaan 10% kawasan lapang dari jumlah saiz pembangunan telah dijadikan syarat bagi setiap pembangunan perumahan baru seperti jadual berikut:

Saiz pembangunan /penduduk	Keperluan Kawasan Lapang (min)	Catatan
5 ekar atau lebih / 50 penduduk atau lebih	10 %	Tidak termasuk taman Bandar/tempatan
Kurang 5 ekar	5 %	
Bagi pembangunan perumahan bertingkat	10%	Tambahan 50mp bai setiap unit rumah

Sumber: Manual Garispanduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor

Selain itu, keperluan penyediaan Taman Bandar atau Taman Tempatan juga diperlukan bagi pembangunan yang bersaiz melebihi 20 ekar. (Rujuk Lampiran 1-jadual Piawaian Kawasan Lapang dan Rekreasi dalam Manual Garispanduan dan Perancangan Negeri Selangor).

Penyediaan "*accidental open space*" dan binaan-binaan seperti pencawang elektrik dan kabin di dalam kawasan lapang tidak dibenarkan. Trend kepada pemaju masa kini adalah menyediakan kawasan lapang hasil daripada lebihan tanah dalam pembangunan yang dicadangkan di mana rizab kawasan lapang yang disediakan lazimnya bersaiz kecil dan bentuk yang tidak sesuai untuk dijadikan padang/lot permainan. "*Accidental open space*" ini tidak dapat melaksanakan fungsi kawasan lapang bagi tujuan kegunaan awam. Penyediaan kawasan lapang haruslah lebih kondusif dan '*functional*'. Kawasan lapang yang disediakan hendaklah diserahkan kepada kerajaan untuk pewartaan.

4.11 KAWASAN LAPANG DAN REKREASI

4.11.1 Definisi Kawasan Lapang

Kawasan lapang berdasarkan Akta 172 ialah tanah lapang sebagai mana-mana tanah sama ada dikepung atau tidak yang dikhaskan atau dirizabkan untuk dikhaskan atau sebahagianya sebagai suatu taman bunga awam, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat makan angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam.

4.11.2 Dasar Penyediaan Kawasan Lapang

1. Penyediaan kawasan lapang dan rekreasi adalah mengikut jenis dan hierarki Peruntukan kawasan lapang bagi suatu projek pembangunan;
 - i. 10 % daripada keseluruhan kawasan pemajuan perumahan yang mempunyai 50 atau lebih unit rumah, atau pemajuan kawasan pembangunan 5 ekar dan lebih diperlukan sebagai kawasan lapang, tidak termasuk taman wilayah/bandar.
 - ii. Bagi pemajuan perumahan yang mempunyai 50 atau kurang unit perumahan atau kurang daripada 5 ekar, perlu diperlukan 5% kawasan lapang.
 - iii. Bagi plot pembangunan perumahan bertonjat, perlu menyediakan 10% kawasan lapang dan tambahan 50 mp (53.8 kp) bagi setiap unit rumah
 - iv. 30% dari keluasan zon penampnan, jalur hijau dan kolam takungan air boleh diambil kira sebagai sebahagian daripada 10% kawasan lapang

Contoh pengiraan;

30% daripada kawasan tadahan/kolam takungan/zon penampnan/jalur hijau seluas 3 ekar ialah:

$$\begin{array}{r} 30 \times 3 \text{ ekar} = 0.9 \text{ ekar} \\ \hline 100 \end{array}$$

Oleh itu, hanya 0.9 ekar daripada 3 ekar boleh dikira sebagai sebahagian daripada 10% kawasan lapang.

- v. Kawasan Lapang hendaklah diserah kepada kerajaan negeri untuk diwartakan sebagai kawasan lapang.

4.11.3 Pialaian Kawasan Lapang Dan Rekreasi

Jenis dan Hierarki	Saiz Kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
a. Taman Negara Nasional	Tiada Had	Tiada Had	Seluruh Negara	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan pemuliharaan alam sekitar; - Kemudahan penginapan termasuk chalet, tetapi tidak menjadikan ekologi dan <i>wild life</i>; - Kemudahan utiliti - Tempat letak kereta dan bas; - Kedai dan Gerai; - Tempat penginapan; - Surau dan wakaf - Tandas / telefon awam; dan - Tempat makan - Kemudahan pengangkutan awam
b. Taman Wilayah/ Taman Negeri (Contoh: Taman Endau Rompin, Taman Warisan Negeri Selangor)	100.0 hek (250.0 ek) ke atas	Seluruh penduduk dalam Wilayah atau Perbandaran ('1 Taman Wilayah antara 1 atau 2 daerah)	Dalam lingkungan 1 jam perjalanan dengan kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan seperti tempat perkelahan, perkhemahan, <i>hiking</i>, <i>boating</i> dll; - Kompleks sukan terbuka; - Kawasan semula jadi seperti tasik, air terjun dll; - Kawasan rekreasi seperti <i>jungle tracking</i>, hutan lipur dan tempat penyelidikan alam sekitar; - Tempat penginapan termasuk tapak perkhemahan,karavan dan chalet; - Kedai dan gerai; - Tandas, telefon awam, surau; - Tempat letak kenderaan (bergantung pada keluasan) - Kemudahan pengangkutan awam

4.11.3 (Samb.)

Jenis dan Hierarki	Saiz kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
c. Taman Bandar (1 taman bagi setiap PBT)	40-100 hek (100-250 ek)	50,000 ke atas	Lingkungan 0.5 km (0.3-6 batu) $\frac{1}{2}$ jam perjalanan	<ul style="list-style-type: none"> - Padang sukan; - Gelanggang permainan; - Kompleks sukan; - Kolam renang; - Driving Range; - Padang permainan kanak-kanak; - Kawasan berkelah dan berkhemah; - Aktiviti sukan air; - Hutan lipur dan taman bunga; - Wakaf atau surau; - Tandas, telefon awam; - Tempat penginapan; - Tempat makan/gerai; - Kemudahan pengangkutan awam - Tempat Lerak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> - 35 petak kereta bagi 2.0 hek (5 ek) pertama - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8 kp) luas tapak selebihnya - Tambahan 30% petak motosikal - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak
d.Taman Tempatan	8-40 hek (20-100 ek)	i. Setiap 12,000 orang penduduk; dan ii. Setiap pertambahan 12,000 orang penduduk memerlukan 8 hek (20 ek)	Lingkungan 3 km (1.8 batu)	<ul style="list-style-type: none"> - Pelbagai gelanggang permainan dan padang bola dalam bentuk kompleks sukan kecil; - Kolam renang; - Taman dan kawasan permainan kanak-kanak; - Kawasan berkelah dan adventure game; - Dewan tertutup; - Gerai; - Tandas awam; - Wakaf, - Telefon awam; - Tempat makan - Kemudahan pengangkutan awam - Tempat Lerak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> - 35 petak kereta bagi 2.0 hek (5 ek) pertama - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8 kp) luas tapak selebihnya - Tambahan 30% petak motosikal - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak

4.11.3 (Samb.)

Jenis dan Hierarki	Saiz kawasan	Bilangan Penduduk	Jarak Perkhidmatan	Kemudahan Sokongan
e. Padang Kejiranian	2.0-8.0hek (5-20 ek)	i. Setiap 3,000 orang penduduk; dan ii. Setiap pertambahan 3,000 orang penduduk memerlukan 2.0hek (5.0 ek)	Lingkungan 1.5 km (0.9 batu)	<ul style="list-style-type: none"> - Padang permainan kanak-kanak; - Padang bola; - Gelanggang badminton, tenis, takraw dll; - Kawasan jogging; - Taman dan perteduhan; - Tempat rehat; - Telefon awam; - Tandas; dan - Tempat Letak Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> - 35 petak kereta bagi 2.0 hek (5 ek) pertama - Tambahan 1 petak kereta / 1500mp (16,145.8 kp) luas tapak selebihnya - Tambahan 30% petak motosikal - Tambahan petak bas mengikut jenis aktiviti dan keperluan tapak
f. Padang Permainan/ Laman sukan	0.6-2.0hek (1.5-5 ek)	i. Setiap 1,000 orang penduduk; dan ii. Setiap pertambahan 1,000 orang penduduk memerlukan 0.6hek (1.5ek)	Lingkungan 1km (0.6 batu)	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan teduhan taman; - Kawasan berturap dan berlampau untuk gelanggang sukan dan permainan; - Kawasan permainan kanak-kanak - Adventure ground: - Telefon awam - Tempat letak kenderaan <ul style="list-style-type: none"> - 10 petak kereta bagi 0.4 hek (1 ek) pertama - Tambahan 1 petak kereta / 600mp (6458.3 kp) luas tapak selebihnya - Tambahan 30% petak motosikal
g. Lot Permainan	0.2-0.6hek (0.5-1.5 ek)	i. Setiap 300 orang penduduk; ii. Setiap pertambahan 300 penduduk memerlukan 0.2hek (0.5ek)	Lingkungan 0.5km (0.3 batu)	<ul style="list-style-type: none"> - Kawasan berumput; - Kawasan berpasir; - Tempat berteduh dan tempat duduk; - Alat permainan kanak-kanak

Sumber: Petaianan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi, JPBD 21/97.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LESEN BESI LUSUH

98. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- Sila senaraikan jumlah bilangan lesen besi lusuh yang dikeluarkan oleh semua PBT di Negeri Selangor dari tahun 2005 hingga 2008?
 - Apakah punca utama yang menyebabkan bilangan lesen yang dikeluarkan oleh semua PBT berkurangan sejak tahun 2007?
 - Sila nyatakan dengan jelas apakah dasar Kerajaan baru Pakatan Rakyat terhadap perkembangan industri besi lusuh ini dan nyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi?

JAWAPAN :

- a) Merujuk kepada statistik terkini premis kilang besi buruk di Selangor, jumlah lesen yang telah dikeluarkan oleh PBT Selangor untuk premis besi lusuh adalah seperti berikut :

**BILANGAN LESEN BARANGAN LUSUH DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
NEGERI SELANGOR**

BIL	PBT	TAHUN 2005	TAHUN 2006	TAHUN 2007	TAHUN 2008	JUMLAH
1	MBSA	1	2	18	9	30
2	MBPJ	2	2	3	5	12
3	MPK	10	0	0	13	23
4	MPSJ	2	8	15	25	50
5	MPAJ	0	2	4	6	12
6	MPKj	3	6	14	1	24
7	MPS	16	19	31	58	124
8	MPSp	0	9	11	3	23
9	MDKS	1	0	9	11	21
10	MDKL	2	3	3	5	13
11	MDHS	3	3	3	2	11
12	MDSB	7	2	0	5	14

- b) Punca utama yang menyebabkan premis lesen yang dikeluarkan berkurangan adalah kerana penetapan kuota yang telah ditetapkan melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Bil 1/2006 sejajar dengan pembekuan permit barang lusuh oleh pihak PDRM berkuat kuasa **8 Disember 2006**. Tambahan pula, salah satu kriteria untuk premis barang lusuh beroperasi ialah berada di atas tanah berstatus **industri**. Kebanyakan premis yang beroperasi secara haram adalah di atas tanah persendirian dan berstatus kediaman atau pertanian. Ini secara langsung telah mengurangkan kelulusan lesen premis barang lusuh di PBT Selangor.

- c) Memandangkan penarikan semula pembekuan permit barang lusuh oleh pihak PDRM berkuat kuasa **12 Ogos 2008**, Kerajaan Negeri sedang merangka semula penetapan kuota yang telah ditetapkan sebelum ini. Ia bertujuan untuk memudahkan program pemutihan premis barang lusuh di samping membendung gejala kecurian barang awam berasaskan logam. Secara langsung, ia dapat membantu golongan yang menjadikan industri ini sebagai mata pencarian. Diharapkan agar pendekatan ini akan mengurangkan gejala kecurian yang semakin meningkat dewasa. Penguatkuasaan ke atas premis yang bakal dilesenkan akan diperketat agar ia tidak disalah guna sebagai tempat urus niaga barang yang dicuri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : PENINGKATAN KES DENGGI

99. Peningkatan kes denggi dan jumlah kematian di Selangor ketika ini adalah amat membimbangkan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh PBT & PTD dalam menangani masalah ini?
- b) Ada sesetengah pihak yang meminta bayaran dan setengahnya pula tidak bagi khidmat penyemburan nyamuk sedangkan Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah wang untuk khidmat ini. Mengapakah terjadinya sedemikian?

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR

- a) Langkah-langkah yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

Langkah-langkah yang dilakukan adalah:-

- i) Operasi Gerak Gempur Pemeriksaan Tapak Binaan Dan Projek Terbengkalai di daerah Petaling pada 23/4/2008 dan 24/4/2008.
- ii) Mengadakan **gerak gempur “Ops Bersih”** iaitu operasi bersepadu kawalan denggi bermula pada 10 Mei ini di Lokaliti-lokaliti wabak
- iii) Menggerakkan penduduk untuk mengadakan gotong royong di kawasan atau lokaliti wabak dan bukan wabak, khasnya penglibatan proaktif dari ketua masyarakat/ Adun kawasan untuk menjayakan aktiviti ini.
- iv) Mengujudkan “Skuad Denggi” di semua lokaliti- lokaliti berwabak di negeri Selangor yang terdiri daripada ahli jawatankuasa daripada penduduk dan diketuai oleh ADUN kawasan masing-masing sebagai penasihat bagi menjalankan aktiviti **“mencari dan memusnah”** tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar kawasan rumah masing-masing.
- v) Mengujudkan Jawatankuasa Khas untuk menyediakan Strategi Baru bagi menangani wabak denggi di Negeri Selangor.

- vi) Kempen menggunakan media massa melalui:
 - Media elektronik iaitu hebahan awam di radio untuk menerangkan dan menjelaskan tentang penyakit demam denggi, jumlah kes dan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan.
 - Media cetak iaitu mengedar risalah dan poster berkaitan penyakit demam denggi dan kad denggi berkenaan cara-cara pencegahan penyakit demam denggi
- vii) Hebahan awam dan menyampaikan maklumat kepada masyarakat melalui :-
 - Bacaan teks Khutbah Jumaat berkenaan penyakit demam denggi di seluruh masjid dan surau di negeri Selangor.
 - Hebahan melalui kenderaan unit bergerak di lokaliti bermasalah berkenaan kejadian penyakit demam denggi dan langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan
 - Menyampaikan maklumat berkenaan penyakit demam denggi secara bersemuka dengan para penduduk.
- viii) Menggerakkan masyarakat setempat menjalankan aktiviti membersihkan rumah masing-masing dengan mencari dan membuang bekas-bekas berpotensi pembiakan nyamuk aedes **satu hari seminggu selama 10 min.**
- ix) Menganjurkan Solat Hajat & Doa selamat di semua masjid dan surau selepas solat maghrib.
- x) Mengadakan perbincangan "*Fokal Group*" dengan jawatankuasa penduduk.

b) Bayaran perkhidmatan penyemburan nyamuk

Semua perkhidmatan penyemburan nyamuk yang diberikan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang bayaran. Bagi setengah-tengah kes yang dikenakan bayaran berkemungkinan perkhidmatan tersebut diberikan oleh syarikat swasta yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan.

JAWAPAN OLEH UPBT :

- a) Bagi mengatasi masalah peningkatan kes denggi ini, beberapa langkah telah diambil oleh PBT dan pihak-pihak berkuasa yang lain. Antara langkah-langkah yang dipraktikkan di beberapa PBT Negeri Selangor adalah seperti berikut:
- i. Menjalankan aktiviti pemeriksaan jentik-jentik (*aedes survey*) dari rumah ke rumah dan kawasan sekitar.
 - ii. Menjalankan aktiviti pengasapan (*fogging*) untuk membunuh nyamuk dewasa.
 - iii. Menjalankan aktiviti “*larvicing*” untuk membunuh jentik-jentik.
 - iv. Menganjurkan ceramah dan pameran anti denggi di kawasan bermasalah dan sekolah-sekolah.
 - v. Mengedarkan risalah mengenai demam denggi dan “*abate*” kepada penduduk.
 - vi. Menganjurkan gotong-royong dari semasa ke semasa.
 - vii. Bekerjasama dengan ADUN, Ahli Majlis dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) untuk memberi kesedaran kepada penduduk tentang demam denggi.
- b) Kerajaan Negeri sedia maklum berhubung perkara ini dan kerajaan negeri tidak mengenakan sebarang bayaran terhadap perkhidmatan penyemburian nyamuk. Semua PBT telah mempunyai peruntukan masing-masing bagi aktiviti penyemburian nyamuk dan tiada sebarang bayaran yang dikenakan. Perkara ini juga telah beberapa kali dimaklumkan di dalam media dan orang awam dinasihatkan agar membuat laporan polis terhadap kes ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : LATIHAN KAKITANGAN KERAJAAN NEGERI OLEH BTN

100. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk terus menghantar kakitangan-kakitangan awam Kerajaan Negeri ke Biro Tatanegara (BTN) untuk menerima latihan dan kursus yang mempunyai unsur-unsur perkauman dan tidak selari dengan dasar CAT Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- b) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia telah mewajibkan anggota perkhidmatan awam untuk mengikuti Kursus Kenegaraan yang dikendalikan oleh Biro Tatanegara (BTN) tanpa mengira kaum melalui **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005** bertajuk “**Pemantapan Penilaian Tahap Kecekapan**”.

Kursus Kenegaraan merupakan elemen wajib yang perlu diikuti oleh anggota kerajaan sebelum menduduki Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) pada peringkat Tahap Kecekapan 1, iaitu PTK pertama bagi pegawai yang belum pernah menerima kenaikan pangkat dan anjakan gaji. PTK juga merupakan syarat utama bagi kenaikan pangkat dan pemberian anjakan gaji untuk semua anggota awam. Walaubagaimanapun, pada Tahap-Tahap Kecekapan yang seterusnya, Kursus Kenegaraan tidak menjadi syarat untuk diikuti oleh penjawat awam. Ini bermakna, penjawat awam biasanya akan mengikuti Kursus Kenegaraan ini sekali sahaja dalam tempoh perkhidmatannya.

Tempoh kursus ini adalah selama lima (5) hari di mana peserta didedahkan kepada Modul Kenegaraan seperti berikut:-

- (i) Sejarah Kebangkitan Negara;
- (ii) Kesetiaan kepada Raja, Kerajaan dan Negara;
- (iii) Pengurusan Integriti;
- (iv) Motivasi Diri dan Kumpulan;
- (v) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan; dan
- (vi) Isu dan Ehwal Semasa.

Justeru, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyekat penyertaan anggota kerajaan bagi mengikuti Kursus Kenegaraan. Sekiranya hak anggota kerajaan dinafikan untuk mengikuti kursus tersebut, ianya boleh menimbulkan implikasi negatif kepada kemajuan kerjaya bagi 14,000 anggota yang sedang berkhidmat di Kerajaan Negeri Selangor dan seterusnya motivasi dan produktiviti jentera Kerajaan Negeri pasti terjejas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PENGGABUNGAN SYARIKAT-SYARIKAT AIR

101. Dasar penswastaan keperluan asas rakyat seperti air, elektrik serta perubatan telah meningkatkan beban kehidupan rakyat.

Kerajaan negeri Selangor telah mengambil inisiatif untuk menghakmilik negerikan bekalan air .

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah status terkini proses penggabungan syarikat-syarikat yang terlibat dengan pengurusan air di Negeri Selangor?
- b) Bilakah proses penggabungan syarikat-syarikat terlibat dijangka akan disiapkan dan berapakah kos yang terlibat?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi memastikan bahawa kadar harga air yang dikenakan adalah munasabah, pada masa yang sama tidak menjaskan belanjawan Kerajaan Negeri.

JAWAPAN :

- a) Proses penggabungan atau penstrukturran semula syarikat-syarikat air di Negeri Selangor masih di peringkat perundingan terma, syarat-syarat dan penawaran harga oleh peneraju iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB).

Sehingga kini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri perbincangan mengenai pelan penstrukturran semula, penilaian aset-aset bekalan air dan semakan ke atas model kewangan yang bersesuaian.

Selain itu juga, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menubuhkan satu panel khas bagi membuat penilaian ke atas kos yang terlibat bagi tujuan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Ahli-ahli panel yang menganggotai panel khas ini terdiri daripada golongan profesional dari pelbagai bidang iaitu perundangan, kewangan dan ahli perniagaan yang akan memberi nasihat kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri terutama dari segi kos yang terlibat.

- b) Proses penggabungan atau penstrukturran semula ini dijangka akan selesai dilaksanakan pada penghujung tahun 2008 ini. Kos yang terlibat adalah bergantung kepada pengauditan aset-aset bekalan air yang akan dijalankan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) kelak. Siling harga yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan adalah sebanyak RM9 bilion bagi tujuan penstrukturran semula industri perkhidmatan air di negeri Selangor. Namun begitu, kos ini masih belum muktamad dan masih dalam peringkat perbincangan sehingga proses pengauditan selesai.

- c) Bagi memastikan kadar harga air yang munasabah, Kerajaan Negeri Selangor mengambil pendekatan dengan menjadikan syarikat-syarikat air sebagai asset light company bagi mengurangkan kos pembangunan dan penyelenggaraan aset-aset bekalan air oleh syarikat-syarikat air ini. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga menyarankan supaya syarikat-syarikat air beroperasi dengan mementingkan soal *social obligation* selain daripada keuntungan semata-mata.

Selaras dengan penguatkuasaan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 dan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, bidang kawal selia perkhidmatan bekalan air adalah terletak di dalam bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Melalui penguatkuasaan akta ini segala bentuk kenaikan kadar harga air terawat adalah berdasarkan kepada faktor ekonomi dan kualiti perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, SPAN akan sentiasa memantau kadar tarif air terawat bagi memastikan ia tidak membebankan para pengguna.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PELABURAN NEGERI SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat ini, apa pelaburan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri baru? Sila senaraikan.
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam pelaburan pada masa akan datang?

JAWAPAN :

- a) Pada masa ini masih belum ada pelaburan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri baru mahupun melalui anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.
- b) Bagi memastikan Negeri Selangor sentiasa menjadi destinasi pelaburan utama, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa langkah seperti berikut;—
 - i. Menggalakkan sektor industri yang berasaskan teknologi tinggi, berasaskan pengetahuan, berintensifkan modal dan mesra alam.
 - ii. Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan seperti;—
 - i. Business and Professional Services
 - ii. Integrated Logistic Services
 - iii. ICT Related Services
 - iv. Distributive Services
 - v. Education and Training Services
 - vi. Medical and Health Services
 - vii. Tourism Services
 - viii. Manufacturing Related Services
 - iii. Menggalakkan penglibatan dalam industri berpotensi seperti;—
 - i. Biotechnology
 - ii. Aviation Industry
 - iii. Solar Industry
 - iv. Menjadikan Negeri Selangor bukan sahaja sebagai pusat pengeluaran produk tertentu tetapi mewujudkan nilai tambah pasaran produk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : PENGLIBATAN KAUM BUKAN MELAYU DI DALAM SEKTOR AWAM NEGERI

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah sebarang peluang bagi kaum bukan Melayu untuk dilantik sebagai Dato' Bandar bagi salah satu Bandaraya di Negeri Selangor ini seperti di Shah Alam dan/atau Petaling Jaya?
- b) Adakah sebarang peluang bagi kaum bukan Melayu untuk dilantik memegang jawatan sebagai Yang Di Pertua bagi mana-mana Majlis Daerah dan Tanah di Negeri Selangor ini?
- c) Adakah kaum bukan Melayu akan dapat diberi peluang dan dilantik sebagai Pengerusi dan/atau Ketua dan/atau Presiden bagi mana-mana Perbadanan Korporat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor sepenuhnya?

JAWAPAN :

- a) Kaum bukan Melayu berpeluang untuk dilantik sebagai Dato' Bandar Majlis Bandaraya di Negeri Selangor seperti Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Petaling jaya. Ini adalah kerana Waran Perjawatan Dato' Bandar kedua-dua Majlis Bandaraya tersebut adalah Jawatan Terbuka dan tidak di hadkan kepada mana-mana kaum untuk menyandang jawatan tersebut.
- b) Kaum bukan Melayu berpeluang untuk menyandang jawatan Yang Di Pertua Majlis Daerah kerana Waran Perjawatan YDP juga Jawatan Terbuka dan tidak terhad kepada mana-mana kaum.
- c) Kaum bukan Melayu juga berpeluang untuk dilantik sebagai Pengerusi / Ketua / Presiden mana-mana Perbadanan Korporat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor. Perlantikan tersebut adalah atas kuasa Ahli Lembaga Pengarah sesuatu agensi berkenaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : PENWARTAAN TANAH DI DAERAH HULU LANGAT

104. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Jumlah permohonan penwartaan tanah dari kawasan lapang ke tanah milik yang telah diproses di daerah Hulu Langat sejak tahun 2004. Sila sebutkan kawasan, saiz tanah, tujuan penwartaan, nama pemohon dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terlibat.
 - Sila nyatakan tanah-tanah yang sedang dipohon dan akan diwartakan di bawah Majlis Perbandaran Ampang Jaya sejak 8hb Mac 2008.
 - Syarat-syarat dan undang-undang yang perlu dipatuhi dalam penwartaan tanah dari kawasan lapang dan rezab hutan kepada tanah milikan.

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri sentiasa memantau status dan bilangan tanah lapang di Negeri Selangor termasuklah di Daerah Hulu Langat. Pada masa ini terdapat 1754 tanah lapang telah dikenal pasti di Daerah Hulu Langat. Senarai kawasan dan pelan-pelan tanah lapang ini telah di bawa ke Mesyuarat MTES untuk kelulusan pewartaan dan tindakan jabatan berkenaan. Di samping itu, satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dianggotai oleh PBT, Pejabat Daerah dan jabatan-jabatan berkaitan bertujuan memastikan setiap tanah lapang dapat diproses dan dikekalkan sebagai tanah lapang. Semenjak tahun 2004, tiada tanah lapang yang di proses menjadi tanah milik di Daerah Hulu Langat.
- Sehingga Oktober 2008, terdapat 593 tanah lapang telah dipohon dan di proses di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Walaubagaimanapn sejak 8hb Mac 2008, hanya terdapat satu kawasan tanah lapang sahaja yang di pohon untuk pewartaan iaitu di Taman Bukit Permai, Daerah Hulu Langat seluas 2.79 ekar.
- Sesuatu tanah lapang yang telah diwartakan tetapi ingin dijadikan tanah milikan disyaratkan melalui proses pembatalan pewartaan Tanah Rizab Awam dibawah Seksyen 64 Kanun Tanah Negara 1965. Proses pembatalan pewartaan Tanah Rizab Awam tersebut adalah :-
 - Kertas ringkasan dari Pengarah Tanah dan Galian yang ditandatangani oleh Pengarah PTG harus diluluskan oleh Y.A.B Menteri Besar.
 - Sekiranya lulus, perlu dibuat siasatan dibawah Seksyen 64 (2) Kanun Tanah Negara 1965. Siasatan dimulakan dengan mewartakan Notis Cadangan Pembatalan yang ditandatangani oleh Y.A.B Menteri Besar.
 - Setelah Notis Cadangan Pembatalan disiarkan di dalam warta, Pejabat Daerah akan menghantar Notis 2A seperti kehendak Seksyen 27, Kanun Tanah Negara 1965 kepada pihak-pihak yang perlu hadir pada hari siasatan yang dinyatakan di dalam Notis Cadangan Pembatalan. Jika keputusan siasatan ialah teruskan

dengan pembatalan, deraf warta yang ditandatangani oleh Y.A.B Menteri Besar perlu disediakan dan disiarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TEMPAT LETAK KERETA

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- Apakah dasar yang digunakan untuk menentukan bilangan tempat letak kereta dalam pembangunan perumahan bertingkat atau komersil?
 - Adakah dasar ini akan dikaji semula memandangkan kebanyakannya pembangunan tidak menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi?
 - Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

- Penentuan tempat letak kereta dalam pembangunan perumahan bertingkat atau komersial ditentukan merujuk kepada Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor yang telah diluluskan di dalam Mesyuarat MMKN ke 28/2007 bertarikh 3 Oktober 2007 seperti berikut :-

Rumah Kos Rendah

- 1 kereta / 1 unit kediaman
- Tambahan 20% untuk pelawat
- Tambahan 1 petak motosikal / 2 unit kediaman

Rumah Kos Sederhana Rendah

- 1.5 kereta / 1 unit kediaman
- Tambahan 20% unit pelawat
- Tambahan 1 petak motosikal / 2 unit kediaman

Rumah Kos Sederhana

- 2 kereta / 1 unit kediaman
- Tambahan 10% untuk pelawat
- Tambahan 20% petak motosikal

Rumah Kos Tinggi

- 2 kereta / 1 unit kediaman
- Tambahan 10% untuk pelawat
- Tambahan 20% petak motosikal

Rumah Bandar

- 1.5 kereta / 1 unit kediaman
- Tambahan 10% untuk pelawat

Premis Perniagaan / Pejabat

- 1 petak kenderaan / 46 mp (495kp) ruang lantai
- Tambahan 1 petak motosikal / 84 mp (905kp) ruang lantai

- b) Jabatan bersama 12 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor akan mengkaji semula Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor bagi memastikan penyediaan tempat letak kenderaan yang disediakan adalah mencukupi.
- c) Melalui kajian semula garis panduan tempat letak kereta beberapa konsep tempat letak kereta akan diperincikan :-
- Penyediaan tempat letak kereta mengikut jenis pembangunan dan ruang lantai.
 - Konsep penyediaan tempat letak kereta bertingkat.
 - Konsep basement dan sub basement.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MASALAH PENDUDUK BANGI GOLF RESORT

106. Persatuan Penduduk Bangi Golf Resort Fasa Satu Bangi mendakwa mereka diabaikan oleh pemilik Bangi Golf Resort yang 60% dimiliki Singapura dan hanya 40% dimiliki oleh PKNS.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah Bangi Golf Resort & Development Corporation Sdn. Bhd. dan PKNS mengabaikan keperluan infra-struktur bagi kawasan perumahan Golf Resort Fasa Satu, Bangi ?
- b) Apakah sebabnya perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan ini ditamatkan sejak 30 April 2008 ?
- c) Apakah tindakan pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang dialami penduduk di sini.

JAWAPAN :

- a) Bangi Golf Resort tidak mengabaikan infrastruktur tersebut. Bangi Golf Resort akan melaksanakan perkara-perkara yang dikehendaki oleh Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) iaitu :
 - i) Menurap semula keseluruhan jalan yang terlibat di dalam kawasan pengambilalihan. Ketebalan turapan hendaklah 50mm 'asphaltic concrete course' (ACWC 14).
 - ii) Mengecat semula garisan jalan (road marking) menggunakan jenis cat 'hot applied thermoplastic' setebal 3mm.
 - iii) Membaiki susur jalan (road kerb) termasuk kerja-kerja mengecat.
 - iv) Membaiki parit-parit serong (scupper drain) yang rosak.
 - v) Bonggol jalan (speed hump) yang tinggi hendaklah diperbaiki mengikut spesifikasi MPKj.
 - vi) Menukar papan tanda yang telah rosak.
 - vii) Membaiki longkang/parit yang rosak termasuk kerja-kerja pembersihan dan meracun rumput rampai yang tumbuh di dalam longkang.
 - viii) Menebang pokok-pokok liar yang tumbuh di tepi cerun sempadan kolam takungan air JBA.

- ix) Lintasan golf-bonggol, tanda (cat) dan papan tanda perlu dibuat pada laluan buggy bagi memberhentikan 'buggy' untuk memeriksa atau meninjau kereta dan kenderaan bermotor di lima (5) lintasan golf.
- x) Memasang pagar 'chain link' di hujung Lorong Golf.
- xi) Mengalihkan semua 'boom gate' dan pondok pengawal serta mencatikkan semula kawasan berkenaan seperti sediada.
- xii) Mengemukakan pelan 'as-built' jalan, perparitan, lampu jalan dan sebagainya yang disahkan oleh Jurukur Bertauliah.

Bangi Golf Resort juga dimaklumkan dan dinasihatkan bahawa segala jalan raya berkenaan terpaksa diserahkan kepada MPKj seperti mana yang dikehendaki oleh undang-undang. Sebaik sahaja diserahkan, jalan raya tersebut akan dianggap sebagai jalan awam dan orang ramai tidak boleh disekat atau dihalang menggunakan jalan raya tersebut. Oleh hal demikian, pondok pengawal dan keselamatan yang ada di jalan raya tersebut tidak dibenarkan lagi di bawah undang-undang.

Apabila keseluruhan jalan yang terlibat di Bangi Golf Resort ini telah diserahkan kepada MPKj, ia akan menjadi tanggungjawab MPKj untuk menyelenggara dan menjaganya.

Oleh kerana itu, Bangi Golf Resort telah memberhentikan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkenaan kepada penduduk-penduduk di Fasa 1, Bangi Golf Resort pada 30 April 2008. Bangi Golf Resort juga tidak menghantar sebarang bil tuntutan caj penyelenggaraan kepada penduduk-penduduk di Fasa 1, Bangi Golf Resort berkuatkuasa dari 1 Mei 2008.

- b) Perkhidmatan kawalan keselamatan di kawasan itu telah ditamatkan sejak 30 April berikutan masalah perundungan yang melibatkan jalanraya yang sepatutnya diserahkan kepada MPKj seperti yang telah diperuntukkan oleh undang-undang. MPKJ akan bertanggungjawab di dalam tugas pengurusan dan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut sebaik sahaja urusan penyerahan dibuat.
- c) Tidak berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KUTIPAN CUKAI PINTU

107. Kerajaan Selangor terpaksa menanggung tunggakan cukai pintu lebih RM1 bilion apabila kebanyakan syarikat, pemilik bangunan dan persatuan liat menunaikan tanggungjawab itu sejak lima tahun lepas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa lamakah tempoh yang diberikan bagi pihak terbabit membereskan bayaran yang tertunggak?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor terhadap mereka yang enggan melangsaikan cukai pintu tertunggak dalam tempoh yang dinyatakan? Adakah mereka yang gagal diberi penyatu seperti sebelum ini?

JAWAPAN :

- a) Selepas empat belas (14) hari tarikh akhir bayaran setiap penggal iaitu pada 28 Februari atau 31 Ogos setiap tahun, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengeluarkan Notis supaya membayar tunggakan kadar(Borang E) dan pemilik harta diberi tempoh lima belas (15) hari untuk menjelaskan tunggakan tersebut.

Jika pemilik harta masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran dalam masa 15 hari, Borang F,G dan H akan diproses dan diserahkan kepada pemilik. Pemilik diberi tempoh 7 hari untuk menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Jika tidak tindakan sita akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) Penguatkuasaan bayaran Kutipan Cukai pintu tertunggak adalah di bawah kuasa tindakan Pihak Berkuasa Tempatan seperti di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 Seksyen 147. Kerajaan Negeri boleh menetapkan kadar melalui akta yang sama di seksyen 127 yang menyatakan sesuatu kadar dan nilai perlu mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KEGIATAN MENGOREK PASIR DI KG KUALA AMPANG

108. Terdapat aduan bahawa kegiatan melombong pasir di pertemuan Sungai Ampang dan Sungai Kelang di Kg Kuala Ampang, Hulu Kelang berjalan rancak selama kira-kira 8 bulan sebelum Pilihan raya Umum ke-12. Kegiatan itu dihentikan beberapa hari sebelum hari mengundi. Awal bulan Julai 2008, kegiatan mengorek dan mengangkat pasir ini dijalankan semula.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila kemukakan anggaran keuntungan (jika ada) atau kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri daripada kegiatan perlombongan pasir tersebut.
- b) Jika kegiatan perlombongan pasir tersebut merupakan satu kegiatan haram, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan terhadap pesalahnya.
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam melibatkan penyertaan masyarakat dan orang ramai dalam memantau dan membuat aduan terhadap kegiatan-kegiatan perlombongan pasir haram selaras dengan dasar kerajaan memasyarakatkan ekonomi rakyat.

JAWAPAN :

- a) Keuntungan dari segi kutipan royalti dan kompaun yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri daripada kegiatan perlombongan pasir tersebut bagi tahun 2007 ialah RM19,339,651.61.
- b) Tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 426 Kanun Tanah Negara 1965 (Pencabutan atau pemindahan bahan batuan secara tidak sah) yang mana boleh dikenakan denda yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun, atau kedua-keduanya.
- c) Kerajaan Negeri telah melancarkan Program Rakan Pasir iaitu satu program yang menyediakan kemudahan kepada orang awam untuk menyalurkan maklumat / aduan kes-kes pencurian pasir melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) kepada Pihak Berkuasa. Program ini dipantau oleh Bahagian Pengawatkuasaan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan nombor talian yang disediakan ialah 33886.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK: MASALAH STATUS TANAH

109. Banyak tanah-tanah di kawasan DUN Sri Muda terutama di kawasan Bukit Kemuning merupakan tanah berstatus pertanian dan sebagainya. Jika tanah-tanah ini diusahakan untuk industri pertanian, ia serba sedikit dapat menjana sektor pertanian di kawasan DUN Sri Muda yang lebih tertumpu kepada sektor industri dan perumahan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah ada tindakan yang diambil terhadap status tanah pertanian yang telah ditukar kepada perindustrian tetapi tidak ada industri yang dijalankan dan ia terus terbiar sejak sekian lama, huraikan cadangan tersebut.
- b) Apakah status tanah Revolusi Hijau di Johan Setia dan huraikan apakah maksud sebenar Revolusi Hijau tersebut kerana penduduk kampung sendiri terkeliru dan lebih mengelirukan keadaan terdapatnya aktiviti pertanian yang melampau hingga menjelaskan alam sekitar.
- c) Terdapat sekitar 40 lot tanah hasil dari meluruskan Sungai Klang berada dalam Pejabat Tanah Petaling dan pemilik-pemiliknya terdiri dari pegawai kanan kerajaan dan bekas pemimpin setempat kerajaan lama. Apakah Kerajaan Negeri bercadang membatalkan status tanah ini kerana pembahagiannya meragukan kerana sewajarnya tanah ini di berikan kepada mereka yang lebih berhak.

JAWAPAN:

JAWAPAN DARI PEJABAT TANAH KLANG

- a) Setakat ini tiada tindakan diambil terhadap tanah-tanah yang telah ditukar syarat kepada industri tetapi tidak digunakan untuk tujuan tersebut di daerah Klang. Cadangan untuk menggunakan tanah industri bagi tujuan pertanian untuk memanfaatkan tanah yang terbiar adalah baik. Walaubagaimanapun ianya perlu selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara yang memerlukan aktiviti yang dijalankan tidak bercanggah dengan kategori guna tanah. Pihak yang ingin mengusahakan pertanian perlu menghubungi pemilik tanah berdaftar kerana tanah tersebut adalah tanah hakmilik. Dari segi cukai tanah, kerajaan negeri tidak mengalami kerugian kerana cukai tanah untuk industri lebih tinggi dari cukai pertanian.
- b) Pengeluaran hakmilik kepada peserta-peserta Rancangan Tanah Revolusi Hijau adalah berdasarkan kepada Pekeliling PTG Selangor Bilangan 3/1981, merujuk kepada keputusan MMKN yang bersidang pada 17 September 1981. Perkara 2(i) menyatakan Pemungut Hasil Tanah hendaklah mencadangkan peserta-peserta rancangan Revolusi Hijau Selangor, yang telah diberikan Lesen Pendudukan Sementara dan telah mengusahakan tanah dengan jayanya kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor supaya Suratan Hakmilik dapat dikeluarkan kepada peserta-peserta berdasarkan syarat-syarat

dan bayaran yang telah ditetapkan. Jenis hakmilik yang diberikan adalah Pajakan Mukim selama 99 tahun.

Tanah pertanian di Johan Setia telah diberi milik pada sekitar tahun 1991 dan 2001. Tanah di Johan Setia adalah terdiri daripada tanah gambut yang memerlukan kos yang tinggi untuk diusahakan, dan keadaan infrastruktur yang tidak sempurna. Ini menyebabkan ramai pemilik tanah tidak dapat mengusahakan tanah mereka dan terbiar. Aktiviti pertanian pada masa kini sebahagiannya dijalankan oleh pengusaha yang menceroboh tanah hakmilik individu yang rata-rata di luar pengetahuan pemilik tanah berdaftar. Pengusaha haram ini menggunakan kaedah yang murah iaitu dengan membakar tanaman untuk tujuan penanaman semula.

JAWAPAN DARIPADA BAHAGIAN KORPORAT

- c) Hasil dari projek meluruskan Sungai Klang, mewujudkan sebidang tanah kerajaan di Kota Kemuning, Daerah Petaling. Kawasan ini telah diplotkan kepada 58 lot kecil berkeluasan antara 400 meter persegi hingga 700 meter persegi setiap satu lot dan diluluskan Lesen Menduduki Sementara kepada 58 individu oleh Jawatankuasa Tanah Daerah Petaling. Lesen Menduduki Sementara ini mula dikeluarkan pada tahun 2005 untuk kegunaan rumah kediaman. Walau bagaimanapun sehingga kini tidak ada sebarang pembinaan dilakukan di atas mana-mana lot yang terlibat. Lesen Menduduki Sementara di bawah kelulusan Pentadbir Tanah Petaling akan berakhir pada tahun ini.

Tanah Kerajaan ini adalah tanah yang boleh diberimilik di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian mana-mana pemohon yang layak di bawah Seksyen 43, Kanun Tanah Negara boleh membuat permohonan pemberimilikan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri. Sungguhpun begitu, keutamaan bagi pemberimilikan tanah ini sewajarnya diberikan kepada pemegang-pemegang Lesen Menduduki Sementara jika Kerajaan Negeri bersetuju melupuskan tanah itu.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT TANAH DAN GALIAN

- a) Kerajaan Negeri pada dasarnya tidak mengalami kerugian di atas kegagalan pemilik tanah untuk membangunkan tanahnya walaupun status tanah telah dipinda pada kategori yang lebih tinggi. Ini kerana Kerajaan Negeri telah memperolehi bayaran premium tambahan yang dikenakan dan cukai tahunan mengikut kategori tanah tersebut. Jika pemilik tanah gagal menjelaskan cukai tanah tersebut maka Kerajaan Negeri melalui Pentadbir Tanah boleh merampas tanah tersebut berdasarkan Seksyen 100 Kanun Tanah Negara.
- b) Status tanah adalah tanah hakmilik lanjutan daripada keputusan MMKN yang bersidang pada 17 September 1981. Tempoh hakmilik yang diberikan adalah Pajakan Mukim selama 99 tahun.

Maklumat lanjut berkaitan program Revolusi Hijau perlu dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri.

- c) Hasil dari projek meluruskan Sungai Klang, wujud sebidang tanah Kerajaan di Kota Kemuning, Daerah Petaling. Kawasan ini telah diplotkan kepada 58 lot kecil berkeluasan antara 400 meter persegi hingga 700 meter persegi setiap satu lot dan diluluskan Lesen Pendudukan Sementara kepada 58 individu oleh Jawatankuasa Tanah Daerah Petaling. Lesen Pendudukan Sementara ini mula dikeluarkan pada tahun 2005 untuk kegunaan rumah kediaman. Walau bagaimanapun sehingga kini tidak ada sebarang pembinaan dilakukan di atas mana-mana lot yang terlibat. Lesen Pendudukan Sementara di bawah kelulusan Pentadbir Tanah Petaling akan berakhir pada tahun ini.

Tanah Kerajaan ini adalah tanah yang boleh diberimiliki di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian mana-mana pemohon yang layak di bawah Seksyen 43, Kanun Tanah Negara boleh membuat permohonan pemberimilikan tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah kes projek hartaanah komersial seperti hotel, ruang pejabat, rumah kedai dan kompleks membeli-belah yang terbengkalai dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN :

- b) Jumlah Projek Hartanah Komersial seperti Hotel, Ruang Pejabat, Rumah Kedai dan Kompleks Membeli-Belah yang terbengkalai di Negeri Selangor sehingga Oktober 2008 adalah sebanyak 25 buah projek. Berikut adalah pecahan mengikut Projek Hartanah Komersial seperti Hotel, Ruang Pejabat, Rumah Kedai dan Kompleks Membeli-Belah yang terbengkalai :-

BIL	NEGERI	Hotel	Ruang Pejabat	Rumah Kedai	Kompleks Membeli-Belah	Lain-lain
1	SELANGOR	1	3	1	2	18
	JUMLAH	25 projek				

Untuk makluman semua Yang Berhormat, kuasa Kerajaan Negeri dalam menangani masalah projek terbengkalai adalah secara pentadbiran. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengambil beberapa langkah ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara dalam menasihati mereka bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menyalurkan aduan tersebut kepada pihak yang berkaitan seperti KPKT, bank dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Di antara langkah-langkah untuk membantu pembeli yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek

terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.

- 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
- 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana '*liquidator*'/Pegawai Penerima yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah '*liquidator*'/Pegawai Penerima pula perbincangan akan dijalankan bersama '*liquidator*'/Pegawai Penerima terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.
- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- 7) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartaanah mereka terjamin.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartaanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "breach of contract" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "locus standi" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun pembeli boleh merujuk terus kes mereka ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (Akta 118) dan Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : KUMPULAN SEMESTER S/B

111. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
 - a) Sila nyatakan secara terperinci bilakah Kumpulan Semester S/B ditubuhkan dan apakah matlamat utama penubuhan tersebut?
 - b) Sila nyatakan nama ketua pengarah dan seluruh lembaga pengarah yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan huraikan latar belakang mereka secara terperinci?
 - c) Sila nyatakan adakah dengan penubuhan Kumpulan Semester S/B ini dapat menyelesaikan dan mengurangkan masalah kegiatan mencuri pasir yang berlaku secara berleluasa sebelum ini?

JAWAPAN :

- a) Kumpulan Semester S/B ditubuhkan pada 26 Jun 2008 dan telah memulakan operasi pengeluaran pasir pada 11 September 2008.

Matlamat utama penubuhan adalah sebagai alternatif mendapatkan sumber hasil yang lain melalui aktiviti mengekstrak sumber-sumber mineral, pasir dan bahan batuan di dalam Negeri Selangor. Hasil daripada aktiviti ini dapat mengurangkan beban kewangan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar program "Merakyatkan Ekonomi Selangor" (MES). Ianya adalah sebahagian daripada dasar program MES.
- b) Ketua Pengarah (Pengarah Eksekutif) Kumpulan Semester S/B ialah Tuan Ir. Ramli Bin Abd. Majed.

Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik untuk Kumpulan Semester S/B ialah

<u>Bil</u>	<u>Nama</u>	<u>Pekerjaan</u>
1.	YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman	Pegawai Kewangan Negeri
2.	Tuan Haji Abdul Shukor Bin Nagor	Pengarah Syarikat
3.	Tuan Ir. Ramli Bin Abd Majed	Pengarah Syarikat

- c) Penubuhan Kumpulan Semester S/B dijangka akan dapat menyelesaikan dan mengurangkan masalah kegiatan mencuri pasir yang berlaku secara berleluasa sebelum ini kerana;
 - i. Permit untuk mengeluarkan pasir dari tapak milik Kerajaan Negeri Selangor, Badan Berkanun Negeri Selangor dan anak syarikat milik Negeri Selangor hanya akan dikeluarkan kepada Kumpulan Semester S/B sahaja di mana ini dapat membantu pihak penguatkuasaan.

- ii. Kumpulan Semester S/B akan menyumbang dan memainkan peranan kepada penguatkuasa bagi mempertingkatkan lagi usaha mengurang dan seterusnya menyelesaikan masalah kegiatan mencuri pasir yang berlaku secara berleluasa sebelum ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN
(BALAKONG)

TAJUK : SISWAZAH MENGANGGUR DI SELANGOR

112. Siswazah menganggur di seluruh Selangor sukar untuk mendapatkan pekerjaan kerana kebanyakan dari majikan hanya mengambil pekerja yang berpengalaman.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sejak 3 tahun kebelakangan ini, berapakah anggaran jumlah siswazah menganggur yang terdapat di seluruh Selangor?
- b) Siswazah dari jurusan manakah yang paling ramai menganggur?
- c) Apakah rancangan terbaru Kerajaan Negeri untuk membantu siswazah-siswazah ini?

JAWAPAN :

- a) Anggaran jumlah siswazah menganggur sejak 3 tahun kebelakangan ini diseluruh Selangor adalah seramai 22,312 orang. Mengikut data jabatan ini jumlah siswazah yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan sejak 3 tahun kebelakangan adalah seramai 23,708 orang, manakala jumlah penempatan adalah 1,396 orang.
- b) Jabatan tidak mempunyai data bilangan siswazah menganggur mengikut jurusan. Walaubagaimanapun berdasarkan dari rekod jabatan siswazah yang ramai berdaftar untuk mendapat pekerjaan mengikut jurusan adalah seperti susunan berikut:
 - i) Business Administration / Commerce
 - ii) Accounting
 - iii) Electrical / electronic / telecommunication engineering
 - iv) Other computer & information technology
 - v) Mechanical / mechatronic engineering
 - vi) Computer science
- c) Tidak berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor.

Walaubagaimanapun, terdapat beberapa langkah iaitu jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan sedang diambil oleh jabatan antaranya ialah :

- i) Mengadakan Karnival untuk mempromosi sistem pencarian kerja melalui *Electronic Labour Exchange*;

- ii) Menganjur ceramah kerjaya dimana ia dapat membantu menerangkan prosedur pencarian kerja dengan tepat dan bersesuaian dengan tahap pendidikan dan kemahiran yang ada; dan
 - iii) Mengadakan temuduga terbuka secara lebih kerap dengan pihak industri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : SYARAT-SYARAT KETAT TERHADAP SYARIKAT-SYARIKAT KEMUDAHAN AWAM YANG MENGOREK JALAN PBT

113. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan akan mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat terhadap syarikat-syarikat kemudahan awam yang memohon daripada PBT untuk mengorek jalan kerana kerja-kerja pemulihan kurang memuaskan dijalankan oleh kontraktor-kontraktor mereka?
- b) Bagaimana kerajaan memantau kualiti kerja yang dijalankan oleh kontraktor-kontraktor ini?

JAWAPAN :

- a) Setiap PBT di Negeri Selangor telah mempunyai syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pemohon/ syarikat utiliti yang ingin menjalankan kerja-kerja pengorekan jalan di dalam kawasan rezab PBT. Sejumlah wang cagaran dan fee akan dikenakan kepada pemohon yang ingin mendapatkan permit pengorekan jalan. Wang cagaran ini adalah pegangan kepada PBT bertujuan untuk membaiki semula jalan-jalan yang rosak sekiranya pemohon gagal membaiki semula jalan tersebut mengikut syarat dan kehendak majlis. Sekiranya PBT berpuashati dengan kerja pembaikan jalan tersebut, wang cagaran ini akan dipulangkan semula kepada pemohon. PBT mendapati kerja-kerja pembaikan semula jalan kurang berkualiti disebabkan tiada pemantauan kerja yang kerap dan teratur dibuat oleh pemohon. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pemohon yang gagal mematuhi kehendak PBT dengan mengabaikan kualiti kerja boleh disenarai hitamkan dan tidak dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja dan prestasi kontraktor akan dilaporkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor.
- b) Pemantauan yang lebih sistematik dan teratur akan dibuat dari masa ke semasa selaras dengan syarat-syarat yang dikenakan kepada pemohon. Pihak PBT akan membuat pemantauan dari segi mutu dan kualiti kerja kontraktor dengan membuat lawatan tapak yang lebih kerap dan mengarahkan syarikat utiliti supaya memastikan keadaan jalan-jalan yang terlibat dengan kerja korekan perlu dibaiki segera dan sentiasa berada di dalam keadaan baik dan memuaskan. Kerjasama yang baik juga diperlukan daripada syarikat utiliti agar memilih dan melantik kontraktor yang berpengalaman dan berkelayakan serta mempunyai rekod bersih sahaja dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja korekan di kawasan PBT. Dengan cara ini Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pemantauan secara bersama ini dapat dilaksanakan demi menjaga keselesaan dan kepuasan pengguna jalan di seluruh Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : SEBUT HARGA PROJEK PBT

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Sila jelaskan polisi terbaru kerajaan negeri dalam proses sebut harga projek PBT.
 - Apakah rasionalnya ahli-ahli majlis tidak dibenarkan menyertai dalam proses tersebut sedangkan pihak kerajaan mahu seluruh proses sebut harga projek PBT menjadi lebih telus?
 - Apakah langkah-langkah kerajaan bagi memastikan bahawa wujudnya ketelusan dalam proses tender dan sebut harga?

JAWAPAN :

- Tidak ada polisi terbaru. Apa yang diamalkan adalah mengikut arahan yang terkandung di dalam Arahan Perbendaharaan (AP) iaitu AP 171 untuk bekalan serta AP 182 untuk kerja bagi semua jabatan Kerajaan dan PBT untuk nilai tidak melebihi RM200,000.00.
- Selaras dengan pemakaian Arahan Perbendaharaan (AP) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), perkara mengenai keahlian jawatankuasa sebut harga dan tender adalah terdiri daripada Pegawai Awam. Ini terkandung di dalam AP 170.3 bagi sebut harga dan per 9 dan 10 di dalam SPP Bil. 2 Tahun 1999 serta AP 192 bagi perolehan secara tender .

Ini selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri bagi memastikan semua Jabatan Kerajaan dan PBT melaksanakan arahan-arahan tersebut dengan memastikan ianya di kendalikan sepenuhnya oleh Pegawai Awam tanpa campur tangan politik.

- Pematuhan serta menggunakan pakai peraturan serta arahan yang terkandung di dalam AP serta SPP adalah keputusan Kerajaan Negeri yang wajar serta menunjukkan ketelusan Kerajaan Negeri dalam segala keputusan yang dibuat adalah mengikut peraturan dan teratur. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan bahawa sebarang keputusan yang dibuat oleh Lembaga Sebut harga PBT akan disahkan di dalam mesyuarat penuh PBT. Ahli-ahli Majlis boleh meminta penjelasan tentang keputusan tersebut tanpa mengubah apa-apa keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: PENGHUTANGAN CUKAI TANAH OLEH ANAK SYARIKAT

115. Terdapat anak-anak syarikat kerajaan Negeri Selangor yang tidak menjelaskan cukai tanah mereka kepada kerajaan negeri dan merupakan penunggak-penunggak yang terbanyak berjumlah lebih kurang RM 143,770,000.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan jumlah yang di hutang oleh setiap anak syarikat secara terperinci.
- b) Setakat ini berapa banyak Notis Borang 6A mengikut seksyen 97 Kanun di atas dan merayu tanah mereka di bawah seksyen 100 Kanun Tanah Negara oleh Pejabat Tanah Daerah di seluruh Negeri Selangor dari tahun 2005-2007?
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Keseluruhan jumlah hutang Anak-anak Syarikat sehingga 10 September 2008 ialah sebanyak RM152,804,052.01. Jumlah ini termasuklah jumlah tunggakan cukai tanah sebanyak RM130,982,741.76 dan jumlah hutang semasa pula ialah RM21,821,310.25. Syarikat Central Spectrum Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat kepada KDEB mencatatkan jumlah tunggakan tertinggi sebanyak RM82,291,635.00, diikuti oleh PKNS sebanyak RM42,070,564.05 dan PNSB sebanyak RM24,156,386.06. Perincian jumlah hutang oleh semua Anak –anak Syarikat adalah seperti di lampiran 1.
- b) Berdasarkan rekod yang disemak, tidak ada sebarang Notis 6A dikeluarkan kepada mana-mana Anak Syarikat di antara tahun 2005 hingga 2007 . Walaubagaimanapun Pejabat-pejabat Daerah/Tanah ada mengeluarkan Notis 6A kepada syarikat-syarikat persendirian yang gagal menjelaskan tunggakan cukai tanah dalam tempoh tersebut.
- c) Langkah-langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan masalah hutang Anak Syarikat ialah:
 - i) Mesyuarat Tunggakan Cukai Tanah Anak-anak Syarikat diadakan secara berkala yang dipengerusikan sendiri oleh Y.B Pegawai Kewangan Negeri.
 - ii) Pembersihan Data yang berterusan dilakukan bagi menghasilkan laporan yang tepat.
 - iii) Menawarkan tunggakan cukai tanah dibayar secara ansuran bagi mengurangkan beban kewangan anak-anak syarikat.

Beberapa langkah yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah hutang Anak Syarikat :

- i) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada September yang lalu telah memutuskan agar Notis 6A dikeluarkan kepada semua penunggak cukai tanah termasuklah Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri.
- ii) Maklumbalas yang diterima daripada Anak-anak Syarikat mendapati bahawa banyak masalah yang wujud apabila pembeli-pembeli enggan membuat urusan pindahmilik tanah dan mengakibatkan nama pemilik berdaftar masih kekal di atas nama pemaju (Anak Syarikat) dan secara langsung telah menyebabkan tunggakan cukai tanah ini berlarutan dari tahun ke setahun. Kerajaan Negeri telah bersetuju mengalamatkan bil-bil cukai bagi kes-kes berkaitan kepada pemilik yang sebenar bagi mengatasi masalah ini.
- iii) Membuat kajian semula terhadap perjanjian-perjanjian usahasama di antara Anak-anak Syarikat dan syarikat persendirian melibatkan tanah-tanah yang tidak dapat dibangunkan serta mengakibatkan tunggakan cukai tanah. Secara tidak langsung usaha ini dapat membersihkan data tunggakan cukai tanah. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa tanah milik Anak-anak Syarikat (usahasama dengan syarikat persendirian) yang tidak dapat dibangunkan kerana telah diwartakan sebagai kawasan alam sekitar, tidak dikenakan cukai tanah.

Kerajaan memandang serius dalam menangani perkara ini. Disamping menyelesaikan masalah hutang Anak Syarikat, Kerajaan Negeri juga mengambil tindakan tegas kepada syarikat-syarikat persendirian dan individu yang terlibat.

SENARAI CUKAI TANAH (SEMASA DAN TUNGGAKAN) ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

SEHINGGA 10 SEPTEMBER 2008

BIL	DAERAH	CUKAI	KDEB	KDEB (Central Spectrum)	KDEB (SAP)	KDEB (KHSB)	PNSB	PKNS	PKPS	YS	JUMLAH (RM)
1	Gombak	Semasa	-	52,665.00	-	6,097.00	240,948.00	-	-	-	299,710.00
		Tunggakan	-	512,470.50	-	22,473.40	2,507,000.60	-	-	-	3,041,944.50
		Jumlah	0.00	565,135.50	0.00	28,570.40	2,747,948.60	0.00	0.00	-	3,341,654.50
2	Hulu Langat	Semasa	-	-	-	1,705.00	105,722.00	-	-	-	107,427.00
		Tunggakan	-	-	-	27,892.10	1,006,940.90	-	-	-	1,034,833.00
		Jumlah	0.00	0.00	0.00	29,597.10	1,112,662.90	0.00	0.00	-	1,142,260.00
3	Hulu Selangor	Semasa	-	-	-	-	-	-	-	-	246,373.00
		Tunggakan	-	-	-	-	-	-	-	-	950,613.90
		Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1,196,986.90
4	Klang	Semasa	-	10,062,782.00	-	-	487,588.00	7,431,555.00	-	-	17,981,925.00
		Tunggakan	-	72,228,853.00	-	-	5,765,773.66	18,943,627.60	-	-	96,938,254.26
		Jumlah	0.00	82,291,635.00	0.00	0.00	6,253,361.66	26,375,182.60	0.00	0.00	114,920,179.26
5	Kuala Langat	Semasa	-	-	-	-	262,793.00	12,121.25	-	403.50	275,317.75
		Tunggakan	-	-	-	-	618,223.50	142,995.85	-	6,246.90	767,466.25
		Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00	881,016.50	155,117.10	0.00	6,650.40	1,042,784.00

6	Kuala Selangor	Semasa	59,417.00	-	-	17,004.00	-	-	-	76,421.00
	Tunggakan	Tunggakan	53,334.20	-	-	157,927.60	-	-	-	211,261.80
	Jumlah	Jumlah	112,751.20	0.00	0.00	174,931.60	0.00	0.00	0.00	287,682.80
7	Petaling	Semasa	-	-	-	1,308,914.00	629,808.00	-	250,220.00	2,188,942.00
	Tunggakan	Tunggakan	-	-	-	15,231,021.00	11,049,052.65	-	1,528,922.40	27,808,996.05
	Jumlah	Jumlah	0.00	0.00	0.00	16,539,935.00	11,678,860.65	0.00	1,779,142.40	29,997,938.05
8	Sabak Bernam	Semasa	-	-	-	-	-	-	-	0.00
	Tunggakan	Tunggakan	-	-	-	-	-	-	-	0.00
	Jumlah	Jumlah	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
9	Sepang	Semasa	160,483.00	-	-	61,035.00	232,852.10	134.00	190,690.40	645,194.50
	Tunggakan	Tunggakan	194,971.20	-	-	4,272.50	16,121.70	658.20	13,348.40	229,372.00
	Jumlah	Jumlah	355,454.20	0.00	0.00	65,307.50	248,973.80	792.20	204,038.80	874,566.50
	SEMASA	SEMASA	219,900.00	10,062,782.00	52,665.00	61,035.00	2,316,953.10	8,420,288.25	190,690.40	496,996.50
	TUNGGAKAN	TUNGGAKAN	248,305.40	72,228,853.00	512,470.50	4,272.50	21,839,432.96	33,650,275.80	13,348.40	2,485,783.20
	KESELURUHAN	KESELURUHAN	468,205.40	82,291,635.00	565,135.50	65,307.50	24,156,386.06	42,070,564.05	204,038.80	2,982,779.70
										152,804,052.01

Nota:

1. Sumber diperolehi dari Pejabat Tanah/Daerah Negeri Selangor
2. Perincian adalah seperti di lampiran (sila rujuk)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : KESELAMATAN JALANRAYA DAN KEMALANGAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Berapakah jumlah kemalangan di atas semua jalan-jalan bukan Persekutuan, di Selangor mengikut kaum, kenderaan, kematian, kecederaan dan punca kejadian?
 - b) Di manakah jalan-jalan dan/atau tempat-tempat yang dikenal pasti sebagai kawasan-kawasan hitam dan merbahaya tersebut?
 - c) Bagaimanakah langkah-langkah dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah di atas dan punca serta cara efisien dalam menanganinya?

JAWAPAN :

- a) Seperti dilampiran.

STATISTIK KEMALANGAN BAGI KONTINJEN SELANGOR JAN - OGOS 2008

SELANGOR	JUMLAH KEMALANGAN						KEMALANGAN MAUT						JUMLAH KEMATIAN					
	LR	JP	JN	JB	JL	JUM	LR	JP	JN	JB	JL	JUM	LR	JP	JN	JB	JL	JUM
HULU SELANGOR	581	292	524	328	198	1923	18	14	12	7	3	54	20	16	12	7	3	58
KUALA LANGAT	111	778	331	90	350	1660	6	27	9	2	12	56	6	27	9	2	13	57
KLANG	637	2218	1445	6173	6	10479	9	30	19	50	0	108	9	30	19	54	0	112
KAJANG	1025	775	957	3044	8	5809	27	8	16	25	0	76	25	14	16	27	0	82
PETALING JAYA	3315	2101	0	8733	70	14219	21	24	0	34	0	79	29	25	0	34	0	88
GOMBAK	867	1250	1306	2113	17	5553	10	18	18	19	1	66	12	21	18	20	1	72
KUALA SELANGOR	115	703	225	264	145	1452	12	26	8	6	3	55	12	33	10	6	3	64
AMPANG JAYA	0	1234	113	3688	3	5038	0	3	0	21	0	24	0	3	0	21	0	24
SABAK BERNAM	0	296	200	0	165	661	0	17	8	0	4	29	0	17	9	0	4	30
SHAH ALAM	720	435	802	4206	111	6274	11	8	9	29	0	57	11	8	9	29	0	57
SEPANG	304	422	1350	291	11	2378	3	9	25	8	0	45	3	9	27	8	0	47
SUBANG JAYA	3287	0	0	7621	70	10978	26	0	0	26	1	53	27	0	0	27	1	55
JUMLAH	10962	10504	7253	36551	1154	66,424	143	184	124	227	24	702	154	203	129	235	25	746
PERATUS	16.50	15.81	10.92	55.03	1.74	100.00	20.4	26.2	17.7	32.3	3.4	100.0	20.6	27.2	17.3	31.5	3.4	100.0

JUMLAH KEMALANGAN (SELAIN DARI JALAN PERSEKUTUAN) = 55,920 (84.2%)

Nota :

LR : LEBUHRAYA

JP : JALAN PERSEKUTUAN

JN: JALAN NEGERI

JB : JALAN BANDARAN

JL : JALAN LAIN-LAIN

b) KAWASAN-KAWASAN HITAM / MERBAHAYA BAGI KONTINJEN SELANGOR

BIL.	DAERAH	KAWASAN HITAM / MERBAHAYA
1.	KUALA SELANGOR	1. JLN. KLANG – TELUK INTAN 2. JLN K/SEL – K/LUMPUR
2.	KLANG	1. JLN. MERU 2. JLN. KAPAR 3. JLN. P/UTARA / SELAT KLANG UTARA 4. PERSIARAN TENKU AMPUAN RAHIMAH / PERSIARAN MUDA MUSA / PERSIARAN SULTAN IBRAHIM 5. JLN. P/BARAT
3.	PETALING JAYA	1. SEPANJANG JALAN SG. BULOH – K/SEL. BERMULA SEMPADAN KEPOONG (KL) HINGGA KE PENJARA SG. BULOH. 2. DISEPANJANG JALAN LAPANGAN TERBANG – JLN SUBANG – JLN SG. BULOH BERMULA BULATAN PATA – T/LIGHT MONTERES – PERSIMPANGAN KOMUTER SG. BULOH
4.	SUBANG JAYA	1. SEPANJANG JALAN PERSIARAN KEWAJIPAN / KEMAJUAN 2. SEPANJANG JALAN PUCHONG JAYA DAN JALAN PUCHONG BT 8 / 13 DAN 14 3. SEPANJANG JALAN S/KEMBANGAN – JLN. PUTRA PERMAI 4. SEPANJANG JALAN PERSIARAN TEKNOLOGI / SUBANG HI TECH 5. SEPANJANG JALAN PERSIARAN PUCHONG UTAMA / PERSIARAN MAJU JAYA
5.	SEPANG	KM 1 DAN KM 1.5 JLN SEPANG – SG. PELEK
6.	HULU SELANGOR	1. KM 1 – 7 JLN SG. CHOH – BKT BERUNTUNG 2. KM 32 – 40 JLN K/LUMPUR – IPOH 3. KM 40 – 52 JLN K/LUMPUR – IPOH 4. KM 52 – 79 JLN K/LUMPUR – IPOH 5. JLN BATANG KALI – GENTING HIGHLAND
7.	SABAK BERNAM	1. JLN TELUK PULAI – (KM 43 JLN T/INTAN – KLANG) 2. JLN SIMPANG LIMA – (KM 57 JLN T/INTAN – KLANG) 3. JLN PASIR PANJANG – (KM 62 JLN T/INTAN – KLANG)

8.	GOMBAK	1. JLN KL – IPOH KM 14-KM 30 (SG. BULOH) 2. PEKAN RAWANG – JLN BATU ARANG (SPG TASIK PUTRI) 3. JLN BATU CAVES – TOL GOMBAK
9.	KUALA LANGAT	1. KM 11 - KM 30 JLN KLANG – BANTING 2. KM 5 – KM 13 JLN BANTING – DENGKIL
10.	KAJANG	1. BT. 9 HULU LANGAT 2. KM 27 JLN K/LUMPUR – SEREMBAN 3. JLN BANGI LAMA
11.	SHAH ALAM	1. JLN SUBANG / GCE 2. PERSIARAN JUBLI PERAK 3. PERSIARAN K/SEL. 4. JLN. BUKIT KEMUNING
12.	AMPANG JAYA	1. MRR 2

c) **LANGKAH-LANGKAH DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL BAGI MENGATASI MASALAH KEMALANGAN JALANRAYA SERTA CARA EFISIEN DALAM MENANGANINYA**

1. Meningkatkan penguatkuasaan / operasi dan saman bagi memberi kesedaran kepada orang awam agar sentiasa berhati-hati dan berhemah dijalanraya.
2. Membuat rondaan dan pemantauan di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan dan dikenalpasti sebagai kawasan hitam / merbahaya.
3. Mengadakan operasi-operasi bersepadu bersama jabatan dan agensi-agensi luar seperti Narkotik, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan lain-lain.
4. Mengadakan kempen, pameran dan ceramah keselamatan jalanraya kepada orang awam terutama kepada pelajar-pelajar sekolah / universiti.
5. Mengadakan perbincangan / mesyuarat kerjasama antara pihak Polis dan agensi-agensi luar bagi mengurangkan kemalangan jalanraya.
6. Menambahkan keanggotaan anggota penguatkuasa dan point duty bagi mengawal jalan-jalan yang kerap mengalami kesesakan lalulintas.
7. Memastikan pihak Jabatan Kerjaraya (JKR) memasang papan tanda amaran / petunjuk dan berada dalam keadaan yang baik, mudah difahami serta senang dilihat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PEMBINAAN BANGUNAN DI KAWASAN LAPANG

117. Menyatakan penjelasan tentang pembinaan padang golf dan medan selera di tanah lapang yang berada di Jalan Perdana 6/1, Pandan Perdana, Ampang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Sebab-sebab meluluskan pembinaan bangunan tetap di kawasan lapang yang mana kerajaan hanya memberi tol?
- b) Sama ada medan selera yang beroperasi di tanah lapang tersebut mempunyai lesen perniagaan sah untuk padang golf, medan selera dan tempat cuci kereta yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Kalau tidak, nyatakan bilangan operasi yang telah dijalankan oleh PBT setiap tahun sejak tahun 2006. Berikan dengan terperinci jumlah kompaun yang Berjaya dikutip dari pihak medan selera, jika ada.
- c) Sama ada Kerajaan Negeri bersedia untuk mengambil alih kawasan lapang ini memandangkan kekurangan kawasan lapang disekitarnya.

JAWAPAN :

- a) MPAJ meluluskan kebenaran merancang setelah mendapat ulasan dan sokongan jabatan-jabatan teknikal berkaitan dan telah dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan & Pelan Bangunan bil. 5/2002 bertarikh 17 Mei 2002. Melalui kebenaran merancang tersebut maka bangunan tersebut dibenarkan untuk dibina.
- b) Medan selera tersebut telah dilesenkan oleh Majlis dan tiada kompaun dikeluarkan.
- c) Tapak tersebut akan dijadikan kawasan lapang selepas tanah tersebut diwartakan sebagai kawasan lapang. Proses pewartaan sedang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah / Daerah Hulu Langat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : TENDER TERBUKA

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan proses-proses jawatankuasa atau jabatan Kerajaan Negeri (termasuk PBT) yang sudah mengamalkan sistem tender terbuka dan berikan butir-butir.
- b) Sila senaraikan ahli-ahli yang terlibat dalam pemilihan kontraktor sistem tender terbuka ini.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa semua perolehan serta projek-projek bagi Jabatan-jabatan Kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dilaksanakan secara sebutharga atau tender mengikut peraturan dan arahan yang terkandung di dalam Arahan Perbendaharaan (AP).

Perolehan yang melebihi RM200,000.00 adalah secara tender. Perlaksanaan sistem ini berjalan dengan baik.

- b) Selaras dengan mematuhi peraturan kewangan mengikut AP, di peringkat Negeri, terdapat 2 jawatankuasa pemilihan tender iaitu;
 - i) Lembaga Perolehan NegeriAhli-ahli :-
 1. YB. Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengerusi)
 2. YB. Pegawai Kewangan Negeri (Ahli)
 3. Pengarah JKR/ wakilnya (Ahli)
 4. Pengarah JPS/ wakilnya (Ahli)
 5. Pegawai yang dilantik oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri (Urusetia)
 - ii) Jawatankuasa Perolehan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai kuasa bagi projek-projek PBT sehingga nilai RM5 juta sahaja.
Ahli-ahli :-
 1. Datuk Bandar/ Yang Dipertua Majlis (Pengerusi)
 2. Timbalan Datuk Bandar/ Timbalan Yang Dipertua Majlis (Ahli)
 3. Setiausaha (bagi Majlis Daerah) (Ahli)
 4. Pengarah Kewangan/ Penasihat Undang-undang (Ahli)
 5. Pegawai yang dilantik oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua Majlis (Urusetia)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : TAHANAN ISA

119. Pada 12 September 2008 berlaku penangkapan di bawah ISA terhadap 3 orang rakyat Malaysia, termasuk YB Teresa Kok ADUN Kinrara dan Exco Kanan bagi Kerajaan Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kesalahan yang dianggap dilakukan oleh YB Teresa Kok?
- b) Apakah sikap Kerajaan Negeri terhadap tangkapan ini?
- c) Apakah tindakan yang diambil Kerajaan Negeri ?

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 25 September 2008 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PASAR TANI

120. Antara industri yang patut dikembangkan kini ialah pertanian. Ruang dan peluang bagi mempromosikan hasil pertanian dan produk berasaskan tani perlu disediakan bagi mempopularkan bidang ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah usaha-usaha yang dilakukan setakat ini bagi mengembang luaskan industri pertanian di Negeri Selangor?
- b) Adakah Konsep Pasar Tani yang diwujudkan sebelum ini mampu memberi peluang pekerjaan dan pendapatan yang di atas paras kemiskinan?
- c) Berapakah tapak pasar tani yang sedia ada, yang dicadang akan dibuka serta di mana?

JAWAPAN :

- a) Antara usaha yang dilakukan bagi mengembang luaskan industri pertanian di Negeri Selangor adalah seperti yang tersenarai:
 - a. Usaha meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian. Sektor pertanian perlu didorong oleh peningkatan produktiviti melalui penggunaan teknologi berkesan secara intensif, petani berpengetahuan dalam amalan pertanian baik serta pembangunan industri berasaskan pertanian.
 - b. Mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain dimana pertalian dalam dan antara sektor ekonomi lain yang merangkumi pembangunan dan perluasan industri sokongan dan perantaraan.
 - c. Mewujudkan sumber pertumbuhan yang baru untuk sektor pertanian. Sumber pertumbuhan yang baru adalah penting seperti industri asas tani yang dapat memberi nilai tambah kepada produk pertanian negeri Selangor.
 - d. Memulihara dan menggunakan sumber asli secara mampan. Pemeliharaan dan penggunaan sumber asli yang berkesan dan mapan dapat memastikan industri pertanian Selangor dapat berkekalan dan menjamin ekonomi dan jaminan keselamatan negara.
 - e. Bantuan dibawah dasar jaminan bekalan makanan Negara dimana insentif-insentif tertentu disediakan untuk memastikan industri pertanian dapat terus berdaya saing.
 - f. Bantuan insentif teknologi tanaman.

b) Sehingga kini, Pasar Tani mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada 8,312 orang seluruh Negeri Selangor yang terdiri daripada peserta/peniaga dan juga pembantu peserta.

- Jumlah Peserta Pasar Tani Selangor : 2,078 orang
- Jumlah Purata Pembantu : 3 orang x 2,078 orang : 6,234 orang
- Jumlah Keseluruhan (Peserta & Pembantu) : 8,312 orang

Manakala pendapatan kasar bagi seorang peserta Pasar Tani Negeri Selangor bagi rekod tahun 2007 adalah seperti berikut :

- Pendapatan minima daripada jualan sebulan bagi peserta menjual makanan dan minuman (purata bermiaga tiga kali seminggu) adalah sebanyak RM6,000.00 seorang.
- Pendapatan maksima jualan kasar sebulan bagi peserta menjual hasil laut, daging lembu, ayam dan sayur-sayuran (purata bermiaga tiga kali seminggu) adalah sebanyak RM60,000.00 seorang.
- Jumlah jualan bagi keseluruhan peserta Pasar Tani Selangor bagi sepanjang tahun 2007 adalah sebanyak RM 70 juta.
- Anggaran untung kasar sebulan bagi seorang peserta pasar tani adalah sebanyak 30% daripada pendapatan jualan iaitu minima sebanyak RM1,800.00 hingga RM 18,000.00 seorang.

c) Negeri Selangor mempunyai sebanyak 43 buah Pasar Tani di semua Daerah.

- Sebanyak 7 buah Pasar Tani Baru akan dibuka iaitu di :
 - i) Pasar Tani Taman Seroja, Sepang
(akan dibuka pada minggu keempat bulan Oktober 2008)
 - ii) Pasar Tani Terminal Bas/Teksi Bandar Baru Salak Tinggi
(akan dibuka pada minggu keempat bulan Oktober 2008)
 - iii) Pasar Tani Kedua Kampung Pandan, Ampang
(akan dibuka pada minggu kedua bulan November 2008)
 - iv) Pasar Tani Kedua Kelana Jaya, Petaling Jaya
(akan dibuka pada minggu kedua bulan November 2008)
 - v) Pasar Tani Taman TTDI Jaya, Shah Alam
(Masih menunggu kelulusan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam)

- vi) Pasar Tani Batu 14, Puchong
(Masih menunggu kelulusan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya)
- vii) Pasar Tani Prima Damansara
(Masih menunggu kelulusan Majlis Bandaraya Petaling Jaya)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)

TAJUK : PEMBAYARAN PREMIUM BAGI PENUKARAN PENGGUNAAN TANAH

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan negeri terhadap pemilik-pemilik tanah di kalangan syarikat yang tidak membayar premium dalam tempoh yang telah ditetapkan.

JAWAPAN :

a) Permohonan tukar syarat tanah dikemukakan oleh pemilik tanah / pemaju secara sukarela bagi membolehkan pemilik tanah / pemaju melaksanakan rancangan pemajuan. Sekiranya permohonan tukar syarat tanah diluluskan, Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Notis 7G kepada pemilik tanah untuk menjelaskan bayaran premium tambahan. Premium tambahan perlu dijelaskan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Notis 7G. Tanggungjawab terletak di atas pemohon (pemilik tanah / pemaju) untuk menjelaskan bayaran premium tambahan tersebut.

Premium tambahan dikenakan dikenakan bagi urusan-urusan di bawah seksyen-seksyen berikut:-

- i) Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN
Permohonan mengubah / mengenakan jenis kegunaan dan meminda/mengenakan syarat nyata tanah
- ii) Seksyen 124A KTN
Permohonan secara serentak pecah sempadan dan mengubah jenis kegunaan serta meminda syarat nyata tanah

Merujuk kepada tajuk soalan Y.B., kegagalan pemilik-pemilik tanah menjelaskan premium tambahan bagi permohonan tukar syarat tanah akan menyebabkan kelulusan terbatal secara automatik dan tanah tersebut kembali kepada syarat nyata asal tanah.

Kerajaan Negeri telah bersetuju secara dasar untuk mengenakan bayaran caj pentadbiran bagi permohonan semula tanah (termasuk tukar syarat) oleh pemohon yang gagal menjelaskan bayaran premium dalam tempoh yang ditetapkan. Dasar ini sedang di peringkat penelitian oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor khususnya berhubung kadar caj yang akan dikenakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PUSAT PENDIDIKAN

122. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sila senaraikan jumlah universiti asing yang beroperasi secara langsung dan senarai universiti yang mengadakan program Kembar di Negeri Selangor?
 - b) Sila senaraikan jenis kursus yang ditawarkan dan jumlah pelajar tempatan yang diterima. Sila berikan butir-butir.
 - c) Berapakah jumlah universiti dan kolej yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Selangor dan senaraikan jumlah pelajar asing dan tempatan yang diterima oleh universiti dan kolej tersebut mengikut pecahan kaum serta negara asal mereka?

JAWAPAN :

- a) Untuk jawapan bagi soalan (a) dan soalan (b) maklumat terperinci boleh diperolehi dengan merujuk di laman web: <http://www.mohe.gov.my> bahagian maklumat senarai IPT .
- b) Kerajaan Negeri mempunyai tiga (3) buat IPT seperti berikut :
 - I. **Universiti Industri Selangor (UNISEL)**
 - II. **Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**
 - III. **Kolej Antarabangsa INPENS**
- c) Senarai jumlah pelajar asing dan tempatan yang diterima oleh universiti dan kolej tersebut mengikut pecahan kaum dan serta Negara asal mereka adalah seperti berikut:

Jumlah pelajar IPT milik Kerajaan Negeri

PERKARA	UNISEL		KUIS		INPENS	
	2007	2008	2007	2008	2007	2008
MELAYU	6877	7681	4321	4956	349	168
PERIBUMI	793	994	0	0	0	0
CINA	303	268	0	0	0	0
INDIA	1874	1830	0	3	168	133
LAIN-LAIN	246	268	0	0	0	0
ANTARABANGSA	143	232	137	169	0	0
JUMLAH	10236	11237	4458	5127	517	528

SENARAI PELAJAR ANTARABANGSA MENGIKUT NEGARA ASAL

No.	Negara	UNISEL	KUIS	INPENS
		2008	2008	2008
1	Algeria	1	-	
2	Bangladesh	1	-	
3	Brunei	2	1	
4	Chad		8	
5	China	1	3	
6	Eritrea	2	-	
7	Ethopia	1	-	
8	Filipina		1	
9	India	2		
10	Indonesia	30	13	
11	Iran	4		
12	Iraq	1		
13	Jordan	1		
14	Kenya	3		
15	Kuwait	0		
16	Kemboja		10	
17	Libya	0		
18	Maldives	1		
19	Nigeria	5	37	
20	Oman	0		
21	Pakistan	1		
22	Palestin	1		
23	Arab Saudi	2		
24	Singapura	1	70	
25	Somalia	38		
26	Sri Lanka	5		
27	Sudan	73		
28	Syria	1		

**Tiada pelajar
antarabangsa**

29	Thailand	1	23	
30	Urganda	1	-	
31	Vietnam	12	-	
32	Yaman	41	-	
33	Zambia		1	
	Jumlah Keseluruhan	232	167	

Kesimpulan

- I. Negara asal bagi pelajar-pelajar antarabangsa di IPT-IPT milik kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut :

Algeria,Bangladesh, Brunei ,China ,Eriteria , Ethopia,India,Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kenya, Kuwait, Libya, Maldives, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestin, Saudi Arabia, Singapura, Somalia, Sri Lanka, Sudan, Syria, Thailand, Urganda, Vietnam, Chad,Filipina,Zambia.
- II. Pada tahun 2008 jumlah pelajar antarabangsa yang tertinggi adalah dari Negara Sudan iaitu sebanyak **18.3%** dari jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa di IPT milik kerajaan Negeri, jumlah pelajar yang terendah adalah sebanyak **0.25%** dari jumlah keseluruhan pelajar IPT milik Kerajaan Negeri Selangor iaitu dari Negara Algeria, Bangladesh, China, Ethopia, Iraq, Jordan, Maldives, Pakistan, Palestin, Singapura, Syria, Thailand, Urganda, Filipina dan Brunei
- III. Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelajar antarabangsa Inpens untuk tahun 2008.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEDIAMAN RASMI EXCO

123. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah nilai pasaran kediaman-kediaman rasmi Exco Kerajaan Negeri di Seksyen 7 Shah Alam serta perkembangan terkininya?
- b) Adakah kediaman-kediaman rasmi ini akan ditukar kepada rumah pelancongan perubatan dan berapakah kepulangannya kepada kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Nilai pasaran sewaan bagi kediaman-kediaman rasmi EXCO ialah RM14,000.00 sebuaht. Kerajaan Negeri sedang meneliti dan menilai cadangan-cadangan yang diterima daripada Syarikat-syarikat Harta Tanah yang berminat.
- b) Kerajaan Negeri bercadang untuk menyewakan rumah-rumah tersebut dan tidak ada perancangan menukar rumah-rumah tersebut kepada rumah pelancongan perubatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KEBAJIKAN AHLI MAJLIS

124. kepada Y.A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar elaun dan kebajikan yang disediakan kepada setiap ahli majlis mengikut PBT dalam negeri Selangor.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri Selangor sekiranya wujud ketidaksamaan dalam kadar elaun dan kebajikan antara PBT bagi memastikan ahli majlis dapat melaksanakan tugas dengan efisien.
- c) Apakah rasionalnya ahli Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan memberi pendapat semasa mesyuarat penuh PBT?

JAWAPAN :

- a) Setiap Ahli Majlis akan diberikan Elaun Tetap sebanyak RM750.00 (Majlis Bandar raya dan Majlis Perbandaran), RM 500.00 (Majlis Daerah) dan Elaun Mesyuarat sebanyak RM150.00 (Majlis Bandar raya), RM100.00 (Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah) seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Bagi peruntukan kebajikan pula, peruntukan adalah bergantung pada kemampuan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan untuk diberikan kepada seseorang Ahli Majlis di mana sesetengah PBT Negeri Selangor dapat menyediakan insurans nyawa dan hospital, tanggungan bagi kos rawatan perubatan dan kemudahan tempat letak kereta percuma.
- b) Faedah-faedah berhubung dengan kebajikan Ahli Majlis telah ditetapkan oleh PBT masing-masing yang bergantung pada kemampuan kewangan setiap PBT.
- c) Berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Seksyen 23 telah memperuntukkan bahawa semua mesyuarat Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terbuka kepada orang ramai termasuk Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan (ADUN) yang dijemput sebagai pemerhati seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PENCURIAN PASIR DAN BATU PASIR DI SELURUH NEGERI SELANGOR

125. Pencurian pasir dan batu pasir di Negeri Selangor tidak dapat dikawal dan semakin serius.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Walaupun masalah ini telah lama wujud, tetapi masalah ini masih tidak dapat diselesaikan. Apakah sebabnya?
- b) Mengapakah kerajaan tidak membuka tender kepada awam untuk mengatasi kekurangan pasir dan batu pasir di pasaran?

JAWAPAN :

- a) Masalah pencurian pasir tidak dapat diselesaikan kerana faktor-faktor berikut:
 - i) Penggunaan 'tonto' oleh pengusaha haram yang bertindak untuk mengawal dan menghalang pergerakan pegawai dan anggota penguatkuasaan menjalankan tugas;
 - ii) Sikap tidak bertanggungjawab oleh pihak sebahagian operator / pengusaha pasir yang dikeluarkan permit. Contohnya, penipuan maklumat di dalam rekod pengeluar / doket palsu bagi mengelirukan pihak penguatkuasa; dan
 - iii) Kawasan operasi pengambilan pasir tidak ditentukan dengan jelas. Ini menyebabkan pengusaha menceroboh ke tanah milik dan tanah Kerajaan.
- b) Kerajaan Negeri melalui anak syarikat iaitu Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. akan membuka tender awam kepada mana-mana kontraktor yang telah mendaftar di bawah syarikat tersebut untuk menjalankan aktiviti pengorekan pasir di atas tapak-tapak yang telah dikenalpasti.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)

TAJUK : PUSAT PERNIAGAAN UTAMA BAGI TUMPUAN PELANCONG

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Adakah Kerajaan Negeri akan menjadikan "Jalan Tengku Kelana" di Bandar Klang sebagai "Little India of Selangor"?
 - Adakah Kerajaan Negeri akan mengisytiharkan "Jalan Tengku Kelana" sebagai "Little India of Selangor" dan menjadikannya sebagai satu pusat pelancongan utama seperti yang terdapat di Kuala Lumpur yakni "Petaling Street"?
 - Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menubuhkan dan/atau menjadikan satu tempat khas bagi kaum Cina menjalankan perniagaan mereka seperti yang terdapat di "Petaling Street" Kuala Lumpur untuk menarik lebih ramai pelancong ke Negeri ini?

JAWAPAN :

- Kementerian Pelancongan Malaysia ada menyalurkan peruntukan untuk menaiktaraf Jalan Tengku Kelana di Bandar Klang bagi keselesaan pelancong terutamanya menjelang hari perayaan Deepavali. Ini menunjukkan kesungguhan Kementerian Pelancongan Malaysia dalam menjadikan Jalan Tengku Kelana setaraf dengan Little India di bandar yang lain. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha-usaha tersebut dalam pelbagai aspek.
- Kerajaan Negeri sememangnya telah mewar-warkan berkenaan "Jalan Tengku Kelana" sebagai "Little India of Selangor" di mana ianya juga boleh dikategorikan sebagai pusat pelancongan seperti di Kuala Lumpur iaitu "Petaling Street". Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa melihat keupayaan kawasan tersebut untuk dinaiktaraf agar ianya lebih baik dan sempurna sekaligus menarik lebih ramai pelancong ke kawasan tersebut. Di "Little India of Selangor" menjadi tumpuan barang dan keperluan kaum India terutamanya selain terdapat barang-barang sampingan yang lain.
- Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menubuhkan lokasi perniagaan khas jualan bagi kaum Cina di Negeri Selangor ini memandangkan kaum Cina memang telah sedia dan sejak azalinya lagi terkenal dengan perniagaannya yang mana ia tidak memerlukan satu kawasan yang strategik bagi tujuan tersebut. Peniaga-peniaga Cina di negeri ini sentiasa dibantu dalam mengembangkan dan menunjukkan perniagaan mereka melalui pelbagai bentuk kerjasama, insentif dan program.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)

TAJUK : UNISEL DAN INPENS

127. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Langkah-langkah yang diambil untuk memperkenalkan UNISEL dan INPENS kepada masyarakat.
 - Jumlah ahli akademik mengikut kelayakan, kakitangan dan penuntut di UNISEL dan INPENS.
 - Bajet tahunan yang diperuntukkan kepada kedua-dua institusi pengajian tersebut sejak tahun 2004.

JAWAPAN :

- Mengambil bahagian yang aktif dalam program Khidmat Kerjaya Belia Negeri Selangor. Program ini antara lain memperkenalkan peluang pendidikan serta latihan kemahiran kepada belia-belia di Negeri Selangor. Disamping peluang pendidikan para belia juga diperkenalkan dengan pakej bantuan pendidikan yang disediakan.
 - Mengambil bahagian dalam pameran-pameran pendidikan. Antaranya Ekspo Kerjaya Industri 2008 (ICE 2008) di Shah Alam.
 - Mengadakan pameran pendidikan serta penerangan di sekolah menengah sekitar Negeri Selangor.
 - Mengadakan kerjasama dengan agensi di bawah kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam usaha memperkenalkan INPENS. Antaranya Lembaga Zakat Selangor, Yayasan Selangor dan Majlis Daerah Kuala Selangor.
- Jumlah ahli akademik mengikut kelayakan, kakitangan dan penuntut di INPENS**

Kakitangan Akademik Mengikut Kelayakan

Bil	Kelayakan Akademik	Melayu		Peribumi		Cina		India		Lain-lain		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Kedoktoran (Ph.D)											0
2	Sarjana											0
3	Ijazah Pertama		1									1
4	Diploma	6	5					2	1			14
5	Sijil	12	5									17
	Jumlah	18	11					2	1			32

Kakitangan Bukan Akademik Mengikut Kelayakan

Bil	Kelayakan Akademik	Melayu		Peribumi		Cina		India		Lain-lain		Jumlah
		L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
1	Kedoktoran (Ph.D)	1										1
2	Sarjana	1										1
3	Ijazah Pertama	2	1									3
4	Diploma	3	2									5
5	Sijil	18	13									31
	Jumlah	25	16									41
	JUMLAH KESELURUHAN	43	27	0	0	0	0	2	1	0	0	73

Bilangan pelajar mengikut kaum/bangsa

Bil	Tahun	Bilangan Pelajar Tempatan			Bilangan pelajar Asing	Jumlah Keseluruhan
		Melayu	India	Cina		
1.	2006	822	198	3	-	1023
2.	2007	349	168	0	-	517
3.	2008	395	133	0	-	528
	Jumlah	1566	499	3		2068

c) Sejak tahun **2004 hingga 2006**, INPENS telah diletakkan dibawah sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB). Dalam tempoh tersebut, pihak INPENS menerima pendahuluan sebanyak **RM17 juta** daripada Kerajaan Negeri melalui KDEB. RM2.5 juta daripada pendahuluan tersebut telah digunakan untuk proses perpindahan kolej dari Seksyen 7, Shah Alam ke Pulau Indah, Pelabuhan Klang, pembelian peralatan asrama dan kelengkapan pejabat manakala RM14.5 juta lagi untuk pengubahsuaian lot kedai kepada ruang pejabat di Pulau Indah.

Dari tahun **2007 hingga sekarang**, INPENS telah diletakkan dibawah Menteri Besar Incorporated (MBI). Dalam tempoh tersebut, pihak INPENS telah menerima geran sebanyak **RM1 juta** daripada Kerajaan Negeri. Geran tersebut diperuntukkan untuk membeli peralatan-peralatan dan menambahkan kursus-kursus kemahiran yang sedang dijalankan di INPENS.

Dari tahun 2006 hingga sekarang INPENS telah menerima tajaan pelajaran daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Pecahan tajaan adalah seperti berikut:

	<u>RM '000</u>
a. LZS	RM1,496
b. UPEN (YSS)	RM1,112
c. UPEN	RM1,740
d. EPU	RM2,177
e. MOF	RM 692
	RM7,217

JAWAPAN DARIPADA PIYSB

- a) Universiti Industri Selangor (UNISEL) sentiasa proaktif dan berusaha dalam memperkenalkan UNISEL kepada masyarakat. Berikut adalah usaha dan langkah-langkah yang diambil.

1. Artikel-artikel yang berkaitan UNISEL dari segi aktiviti pelajar, akademik, kejayaan, majlis-majlis rasmi UNISEL. Akhbar tempatan yang mengeluarkan berita UNISEL sepanjang tahun adalah seperti di bawah:

- | | |
|--------------------------------|------------------|
| a) Berita Harian/Berita Minggu | e) The Star |
| b) Utusan Malaysia/Mingguan | f) NST |
| c) Harian Metro/Ahad | g) Harakah Daily |
| d) Kosmo | |

Berdasarkan rekod lebih kurang sebanyak 160 artikel yang berkaitan UNISEL telah disiarkan dalam laporan akhbar tempatan seperti di atas sepanjang tahun 2008 bermula dari bulan Januari hingga Julai.(tidak termasuk iklan pengambilan 3 kali setahun yang dibuat oleh pejabat pemasaran)

2. Penyebaran maklumat melalui media elektronik berkaitan program UNISEL, kejayaan aktiviti & pengiktirafan dan aktiviti yang berkaitan. Berikut adalah antara siaran melalui media elektronik :

BIL	PERKARA
1	RTM 1 – CANSAT (SELAMAT PAGI MALAYSIA) SECARA LANGSUNG DARI STUDIO Februari 2008
2	RTM 2 – CANSAT (HELLO ON 2) RAKAMAN DI KAMPUS BESTRAI JAYA Februari 2008

3	TV3 – PERTANDINGAN KANU (MALAYSIA HARIINI) RAKAMAN DI KAMPUS BESTRAI JAYA Januari 2008
4	TV3 – CANSAT (MALAYSIA HARIINI) SECARA LANGSUNG DARI STUDIO Februari 2008
5	TV3 – CANSAT*KEMENANGAN DI MADRID (MALAYSIA HARIINI) SECARA LANGSUNG DARI STUDIO RAKAMAN DI KAMPUS BESTRAI JAYA April 2008
6	TV3 – GOTONG ROYONG (MALAYSIA HARIINI) RAKAMAN DI KAMPUS SHAH ALAM Mei 2008
7	TV3 – HARI TERBUKA UNISEL (MALAYSIA HARIINI)*MAC 2008 SECARA LANGSUNG DARI STUDIO ICE 2008 SECARA LANGSUNG DARI STUDIO
8	TV3 – HARI TERBUKA UNISEL (MALAYSIA HARIINI)*JULAI 2008 SECARA LANGSUNG DARI STUDIO
9	PENYIARAN AKTIVITI DAN MAKLUMAT MELALUI RADIO SELANGOR FM

3. Hubungan kerjasama di antara UNISEL dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Selangor juga erat. Kerjasama ini secara tak langsung melibatkan UNISEL dalam aktiviti yang dijalankan dengan pihak PBT. Banyak aktiviti dijalankan membabitkan aktiviti komuniti yang mendekatkan UNISEL dengan masyarakat. Maklumat aktiviti UNISEL juga ditayangkan melalui e-board yang terdapat di beberapa PBT yang berkenaan. Diantara aktiviti besar yang dijalankan dan berjaya mempromosikan UNISEL ialah Industrial Carier Expositions (ICE 2008) dengan kerjasama MEF dan Hari terbuka UNISEL.

4. Aktiviti kemasyarakatan ; aktiviti pelajar yang banyak membantu dari segi aktiviti kemasyarakatan dan alam sekitar seperti gotong royong, pameran kesihatan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Selangor. Secara tidak langsung UNISEL juga membantu pelajar menjadi duta kecil UNISEL dalam mendekatkan masyarakat dengan UNISEL.
5. Penyertaan pertandingan anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, ANGKASA, Jabatan Parit Dan Saliran, MQA dan aktiviti yang mampu menaikan nama UNISEL
6. Penyertaan dalam pameran-pameran pendidikan yang dijalankan di seluruh negara melibatkan pejabat pemasaran.
7. Penerbitan Buletin UNISEL 3 edisi setahun yang diedarkan ke sekolah-sekolah menengah seluruh Selangor.

b) Jumlah ahli akademik, kakitangan UNISEL adalah seperti berikut:-

i.) Ahli Akademik Mengikut Kelayakan:-

JAWATAN	KELAYAKAN			JUMLAH
	PhD	Sarjana	S.Muda	
Professor	14	1		15
Professor Madya	7	6		13
Pensyarah kanan	1	9		10
Pensyarah	2	191		193
Penolong Pensyarah			120	120
JUMLAH				351

ii. Jumlah kakitangan UNISEL sehingga Ogos 2008 adalah seperti berikut:-

i.	Kakitangan Akademik	351
ii.	Kakitangan Pentadbiran	276
	JUMLAH	627

UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR
 (PENDIDIKAN INDUSTRI YS SDN BHD – 413122H)

NO	PERKARA	(RM) 2004	(RM) 2005	(RM) 2006	(RM) 2007	(RM) 2008
1	ANGGARAN PERBELANJAAN OPERASI	16,236,009	30,046,050	35,040,300	59,955,554	65,535,792
2	ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN	5,613,500	-		6,425,000	4,800,000
		21,849,509	30,046,050.00	35,040,300.00	66,380,554.00	70,335,792.00
3	ANGGARAN PERBELANJAAN LAIN (JOINT VENTURE DLL.)	1,718,000	4,885,000	12,962,709	-	-
		1,718,000	4,885,000	12,962,709	-	-
	TOTAL	23,567,509	34,931,050	48,003,009	66,380,554	70,335,792

LAMPIRAN**JADUAL 1: DATA ENROLMENT PELAJAR MENGIKUT KAUM 2006- 2008**

KAUM	2006			2007			2008*		
	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH
MELAYU	2406	3067	5473	2920	3957	6877	3264	4417	7681
PERIBUMI	136	78	214	392	401	793	426	568	994
CINA	128	130	258	131	172	303	142	126	268
INDIA	583	739	1322	784	1090	1874	757	1073	1830
LAIN-LAIN	243	278	521	131	115	246	142	126	268
WARGA ASING	22	6	28	121	22	143	200	32	232
JUMLAH	3518	4298	7816	4479	5757	10236	4931	6342	11273

NOTA:

* TAHUN 2008 SEHINGGA 3 OGOS 2008

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : BANGUNAN 3C di SUBANG JAYA

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan kos yang telah dibelanjakan ke atas bangunan ini semenjak pembinaan (termasuk kos pembinaan) sehingga hari ini dan butir-butir kontraktor terlibat.
- b) Berapakah bilangan orang yang menggunakan bangunan ini setiap tahun?
- c) Berapakah kos penyenggaraan yang ditanggung oleh MPSJ setiap tahun?

JAWAPAN :

- a) Kos pembinaan - RM 32,032,041.04 juta
Nama kontraktor - SPS Corporation Sdn. Bhd.
- b) Mulai dibuka kepada umum Ogos 2006.
Bilangan orang yang menggunakan Kompleks 3C dari Ogos 2006 hingga tahun 2008 ialah 30,000 orang.
- c) Kos penyelenggaraan bagi bangunan ini adalah sebanyak RM 38,953 sebulan termasuk kebersihan, penyelenggaraan civil, struktur dan mekanikal.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : TINGKATKAN PENDAPATAN ISI RUMAH

129. Keadaan ekonomi Negara yang kian meruncing telah menjaskan banyak keluarga dari segi pendapatan isi rumah berbanding tanggungan yang terpaksa dipikul. Harga barang yang mencanak dan pendapatan yang terus statik telah membuatkan ramai yang tidak mampu melunaskan perbelanjaan harian.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam tempoh terdekat ini serta jangka masa panjang dalam menangani situasi ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan program-program pembasmian kemiskinan yang disasarkan kepada golongan miskin dan berpendapatan kurang dari RM1500 seisi rumah untuk meningkatkan pendapatan keluarga. Selain itu, turut diadakan adalah program pemberian beras, gula dan susu kepada semua kawasan dewan undangan negeri dimana di antara tujuan program tersebut diadakan adalah untuk meringankan beban keluarga miskin semasa krisis kenaikan harga barang. Program peningkatan pendapatan dan peningkatan ekonomi turut dilaksanakan untuk membantu meningkatkan taraf ekonomi keluarga. Program ini berbentuk bantuan peralatan dan mesin berdasarkan kemahiran individu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

**TAJUK : TAMAN WARISAN, RANCANGAN BUKU HIJAU DAN TANAH RANCANGAN
RANJAU & DEBOI**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila nyatakan apakah Taman Warisan, di manakah lokasi-lokasinya di negeri Selangor, di bawah agensi manakah pentadbirannya dan apakah nombor-nombor gazet sekiranya lokasi-lokasi tersebut telah digazetkan.
- b) Sila jelaskan status dan kedudukan Rancangan Buku Hijau di mana penduduk-penduduk Kampong Klang Gate Baru telah dibenarkan meneroka tanah kerajaan satu ekar seorang sejak tahun 1976.
- c) Sila nyatakan status pertanian secara berkelompok di kawasan Ranjau dalam mukim Setapak dan Deboi dalam mukim Hulu Kelang dalam konteks pemberian geran kepada sebahagian peneroka dan juga dalam konteks penafian geran kepada sebahagian peneroka yang lain di atas alasan telah digazetkan sebagai Taman Warisan.

JAWAPAN :

- a) Jawapan daripada Jabatan Perhutanan.

Pelancaran Taman Warisan Selangor telah disempurnakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri sempena pengisytiharan Negeri Selangor Maju pada 27 Ogos 2005. Taman Warisan Selangor berkeluasan 107,000 ha merangkumi tiga (3) daerah pentadbiran iaitu Hulu Selangor, Gombak dan Hulu Langat. Kawasan ini terletak di sepanjang Banjaran Titiwangsa.

Pihak Berkuasa Negeri telah mengarahkan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mentadbir urus Taman Warisan / Taman Negeri Selangor mulai 11 Oktober, 2006. Lanjutan daripada keputusan ini, Jabatan Perhutanan Negeri telah mengambil tindakan mewartakan kawasan-kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) terlibat sebagai Hutan Taman Negeri di bawah seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984. Sehingga kini seluas 91,144.519 ha kawasan HSK telah diwartakan melalui Warta No. 182 bertarikh 25.1.2007. Seluas 15,505.29 ha HSK dan 121 ha Tanah Kerajaan kawasan Permatang Kuartza Hulu Klang sedang dalam tindakan Jabatan Perhutanan untuk diwartakan sebagai Taman Negeri Selangor.

- b&c) Jawapan daripada Pejabat Daerah dan Tanah Gombak

Kawasan Deboi sebahagiannya telah diluluskan oleh MMKN yang bersidang pada 21 Julai 1993, kecuali permohonan bertindih atau tidak dapat dikesan siapa peneroka. Sekiranya ada pemohon yang belum dipertimbangkan permohonannya dan pemohon adalah peneroka. Pentadbir Tanah mengesyorkan supaya pemohon datang ke Pejabat Tanah dengan membawa dokumen yang boleh menyokong kepada permohonannya untuk diambil tindakan.

Kawasan Bumi Hijau, Pentadbir Tanah telah mengangkat permohonan peserta-peserta berjumlah lebih kurang 211 orang untuk pertimbangan MMKN. Walaubagaimanapun MMKN ke 12/2003 yang bersidang pada 7 Mei 2003 telah menangguhkan permohonan tersebut.

Pentadbir Tanah Gombak semasa mengemukakan Kertas Ringkasan tersebut telah mengesyorkan sekiranya permohonan dipertimbangkan Pentadbir Tanah akan mendapatkan kerjasama JKKK untuk menyiasat dan menapis semula nama-nama kemungkinan terdapat masalah pertindihan, nama-nama tercicir, bertukar usaha, kematian dan sebagainya. Tindakan ini tidak dapat diteruskan kerana MMKN telah menangguhkan permohonan ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PENAJA PASAR MALAM

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan dasar "Penaja Pasar Malam" yang dilaporkan menindas peniaga-peniaga pasar malam menerusi caj penyewaan tapak dan beberapa kos lain yang membebankan?

JAWAPAN :

- a) Kebanyakan PBT di Negeri Selangor menguruskan sendiri tapak-tapak pasar malam sebagai contoh di MPSJ kadar lesen yang dikenakan adalah sebanyak RM 30.00 setahun manakala kadar sewa petak dan kos pembersihan adalah sebanyak RM 110.00 setahun bagi setiap petak atau RM 2.10 satu malam. Bagi peniaga-peniaga pasar malam yang dikenakan caj berlebihan adalah dinasihatkan untuk melaporkan kepada PBT masing-masing. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sedang mengkaji perkara tersebut bagi memastikan peniaga-peniaga pasar malam tidak dibebankan dengan kos penyewaan yang terlalu tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KERETA RASMI EXCO

132. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar
- Sila senaraikan keseluruhan usia kereta rasmi Exco Negeri Selangor mutakhir ini mengikut susunan portfolio.
 - Sila huraikan butiran terperinci jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan kereta rasmi Exco mengikut susunan portfolio sejak tahun 2004 hingga 2008.
 - Adakah pihak Kerajaan Negeri berpuas hati dengan prestasi kereta rasmi Perdana V6 Executive dari aspek keselamatan, ekonomik dan menepati dasar perbelanjaan berhemah ?

JAWAPAN :

- a) Senarai keseluruhan usia kereta rasmi EXCO Negeri Selangor mutakhir adalah seperti berikut :-

Bil.	Jawatan	Jenama	Tarikh Pembelian
1.	Y.A.B. MENTERI BESAR	PROTON PERDANA 2.0 (BHQ 737)	27/07/2005 Lebih kurang 3 tahun
2.	Y.B. SUK	PROTON PERDANA 2.0 (BHN 77)	14/05/2005 Lebih kurang 3 tahun
3.	Y.B. PUU	PROTON PERDANA 2.0 (BJE 1118)	30/10/2006 Lebih kurang 2 tahun
4..	Y.B. PWN	PROTON PERDANA 2.0 (BHQ 90)	4/08/2005 Lebih kurang 3 tahun

- b) Jumlah keseluruhan kos penyelenggaraan kereta rasmi EXCO mengikut susunan portfolio sejak tahun 2005 (pembelian pada tahun 2005) hingga 2008.

Bil.	Jawatan	Senarai Perbelanjaan			
		2005	2006	2007	2008
1.	Y.A.B. MENTERI BESAR	18,159.00	15,178.00	12,570.00	8,600.00
2.	Y.B. SUK	1,411.00	2,296.00	6,596.30	4,183.45
3.	Y.B. PUU	0	2,110.00	6,241.19	6,628.25
4.	Y.B. PWN	680.00	9,351.85	10,129.85	15,810.40
Jumlah Keseluruhan:		20,250.00	28,935.85	35,537.34	35,222.10

Perincian jenis penyelenggaraan dan kerosakan yang dihadapi adalah seperti berikut :

- i) Kerosakan Gear Box
- ii) Kerosakan Absorber
- iii) Kerosakan Spring Absorber
- iv) Kerosakan Aircond

Selain daripada itu adalah penyelenggaraan berkala, penggantian tayar kereta, penggantian bateri dan penggantian alat ganti lain mengikut keperluan semasa.

- c) Kerajaan Negeri tidak berpuas hati kerana kenderaan sering menghadapi kerosakan-kerosakan Gear box, Absorber dan Spring Absorber .

JAWAPAN DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

a)

Bil.	Nama	No. Pendaftaran	Tahun Pembelian
1.	Y.B. Tuan Teng Chang Khim	BGD 33	2006
2.	Y.B. Puan Haniza bt Talha	BHY 29	2006
3.	Y.B. Tuan Yaakob Shaari	BHD 1221	2004
4.	Y.B. Puan Teresa Kok	BGH 33	2006
5.	Y.B. Dato' Dr. Hassan b. Mohamed Ali	BJN 217	2007
6.	Y.B. Puan Rodziah bt Ismail	BHF 33	2004
7.	Y.B. Dr. Xavier Jayakumar	BGA 66	2006
8.	Y.B. Liu Tian Khiew	BHL 100	2004
9.	Y.B. Dr. Halimah bt Ali	BFU 55	2004
10.	Y.B. Puan Elizabeth Wong	BFU 22	2004
11.	Y.B. Tuan Iskandar b. A.Samad	BHE 37	2004
12.	Y.B. Ean Yong Hian Wah	BHG 318	2004

- a) Jumlah kos penyelenggaraan kereta rasmi EXCO mengikut susunan portfolio sejak tahun 2005 hingga Mac 2008 seperti jadual di bawah. Manakala Lampiran A merujuk kepada kos penyelenggaraan kereta rasmi EXCO terkini.

Bil.	Nama Exco Tahun 2004 Sehingga Tahun 2008	No. Pendaftaran	Jumlah Tahun 2005 (RM)	Jumlah Tahun 2006 (RM)	Jumlah Tahun 2007 (RM)	Jumlah Sehingga Mac Tahun 2008 (RM)
1.	Y.B. Dato' Tang See Hang	BGH 33	-	8,089.18	* 52,664.08	4,469.25
2.	Y.B. Puan Kamalam A/L Annasamy	BJN 217	-	-	1,351.85	662.09
3.	Y.B. Dato' Abd Rahman b. Palil	BHD 1221	6,251.10	* 40,746.47	21,203.96	2,792.66
4.	Y.B. Dato' Abdul Fatah b. Iskandar	BHF 33	17,812.71	* 46,561.06	13,386.67	875.30
5.	Y.B. Dato' Ch'ng Toh Eng	BGA 66	-	9,973.48	* 51,161.80	258.72
6.	Y.B. Dato' Mokhtar b. Dahlan	BFU 22	4,811.59	11,319.00	11,899.43	1,440.70
7.	Y.B. Dato' Lim Thuang Seng	BHL 100	5,093.83	10,624.89	21,195.52	3,633.59
8.	Y.B. Dato' Raja Ideris b. Raja Ahmad	BFU 55	-	5,628.64	1,956.84	6,405.29
9.	Y.B. Dato' Ahmad Nawawi b. Dato' M. Zin	BHE 37	15,904.97	* 27,886.42	28,203.63	4,212.82
10.	Y.B. Datin Paduka Seripah Noli b. Syed Hussin	BHG 318	5,639.37	23,936.14	* 44,166.13	4,660.52
11.	Y.B. Tan Sri Dato' Seri Onn b. Ismail	BGD 33	-	7,318.35	18,695.97	9,570.54
12.	Y.B. Dato' Mohamad Satim b. Diman	BHY 29	-	1,303.51	3,370.04	6,684.60
	Jumlah Keseluruhan	55,513.57	193,387.14	269,255.92	45,666.08	

* Tukar Kotak Gear

Lampiran A

Bil .	Nama Exco	No. Pendaftaran	Jumlah April Sehingga September tahun 2008 (RM)	Jumlah Kos Penyelenggaraan Keseluruhan Bagi Setiap Kenderaan (RM)
1.	YB. Pn. Teresa Kok Suh Sim	BGH 33	2,759.81	67,982.32
2.	YB. Dato' Dr. Hassan b. Mohamed Ali	BJN 217	4,341.00	6,354.94
3.	YB. Tn. Yaakob b. Sapari	BHD 1221	* 39,930.76	110,924.95
4.	YB. Pn. Rodziah bt Ismail	BHF 33	1,543.36	80,179.10
5.	YB. Dr. Xavier Jayakumar	BGA 66	8,417.31	69,811.31
6.	YB. Pn. Elizabeth Wong Keat Ping	BFU 22	* 36,529.81	66,000.53
7.	YB. Tn. Liu Tian Khiew	BHL 100	* 27,774.53	79,545.18
8.	YB. Dr. Halimah bt Ali	BFU 55	5,011.01	19,002.14
9.	YB. Tn. Iskandar b. A.Samad	BHE 37	11,974.25	88,182.09
10.	YB. Tn. Ean Yong Hian Wah	BHG 318	6,699.18	85,101.34
11.	YB. Tn. Teng Chang Khim	BGD 33	6,879.19	42,464.05
12.	YB. Pn. Haniza bt Mohamed Talha	BHY 29	6,750.83	18,108.98
	Jumlah Keseluruhan		158,611.04	733,656.57

* Tukar Kotak Gear

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : BANCIAN ATAU AUDIT SEMULA TERHADAP PENGHUNI-PENGHUNI RUMAH KOS RENDAH

133. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang menjalankan bancian atau audit semula terhadap penghuni-penghuni rumah kos rendah untuk memastikan rumah-rumah ini didiami mereka yang berkelayakan?
- b) Adakah kerajaan bercadang membina lebih banyak lagi rumah kos rendah dan rumah mampu milik di Petaling Jaya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak perlu menjalankan bancian atau audit semula terhadap penghuni-penghuni rumah kos rendah untuk memastikan rumah-rumah ini didiami mereka yang berkelayakan memandangkan sejumlah 46,359 permohonan daripada keseluruhan 79,675 pemohon yang berjaya memiliki rumah kos rendah telah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan negeri seperti berikut : -
 - i) warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dan bermastautin di negeri Selangor;
 - ii) pemohon atau suami/isteri belum memiliki rumah; dan
 - iii) pendapatan seisi rumah tidak melebihi RM2,500.00.

Nama-nama pemohon perlu melalui tapisan Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah (SPPR) rumah kos rendah yang kemudiannya, nama-nama tersebut disenarai pendek untuk dibentang dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Senarai Nama Pemohon Rumah Kos Rendah yang mana ahlinya terdiri daripada pegawai dari Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS), wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan wakil Pejabat Tanah dan Daerah. Senarai nama tersebut kemudiannya akan dikemukakan kepada Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri untuk kelulusan.

Walaubagaimanapun, dari jumlah di atas seramai 5,221 permohonan **DITOLAK** kerana tidak memenuhi kriteria ditetapkan seperti di atas. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah 46,291 merupakan bekas setinggan yang ditawarkan untuk membeli rumah kos rendah pada harga RM35,000.00 tanpa perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan asalkan mereka dikategorikan sebagai setinggan melalui bancian yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Pentadbir Tanah daerah masing-masing. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa mereka yang dikelaskan sebagai setinggan layak membeli rumah kos rendah tanpa tapisan oleh LPHS dan memenuhi kriteria dan dasar pemilikan rumah kos rendah oleh kerajaan negeri seperti yang dinyatakan di atas.

Di samping itu, terdapat juga golongan yang membeli rumah kos rendah daripada pembeli pertama setelah tamat tempoh 5 tahun dari tarikh Perjanjian Jual dan Beli sebagai syarat untuk menjual semula rumah mereka. Mereka yang membeli melalui kaedah "sub-sale" juga terkecuali daripada syarat-syarat asal yang dikenakan memandangkan rumah yang dijual

adalah pada harga melebihi RM42,000.00 seunit, iaitu harga kawalan yang ditetapkan bagi rumah kos rendah. Selain dari itu, pendapatan pemilik rumah kos rendah (pembeli pertama) secara majoritinya telah meningkat dari tahun ke tahun. Oleh yang demikian, memang wujud pandangan yang mengatakan bahawa mereka yang tidak berkelayakan memiliki rumah kos rendah.

Dua situasi di atas iaitu pembelian rumah kos rendah oleh setinggan dan penjualan rumah kos rendah kepada pembeli kedua, yang kedua-duanya tidak perlu memenuhi syarat pemilikan rumah kos rendah serta peningkatan pendapatan tahunan pemilik asal rumah kos rendah adalah menyumbang kepada timbulnya pandangan tersebut.

Selanjutnya, sekiranya bincian atau pengauditan semula dilaksanakan dan didapati rumah-rumah tersebut didiami oleh mereka yang tidak berkelayakan, Kerajaan Negeri tidak mempunyai hak atau kuasa di sisi undang-undang untuk mengeluarkan, mengusir atau menghalau penghuninya memandangkan penjualan rumah tersebut adalah dibuat secara sah melalui Perjanjian Jual dan Beli di antara pemohon dan pemaju perumahan melainkan terdapat unsur-unsur penipuan dalam transaksi penjualannya atau hakmilik rumah tersebut. Namun, hanya pemaju yang berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemohon atas kapasiti sebagai pemilik asal tanah dan bukan Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia menyiasat sebarang aduan yang disokong oleh bukti-bukti yang kukuh.

- b) Setakat ini belum menerima jawapan bagi soalan (b).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

134. Bertanya kepada Y.A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Terdapat penduduk kampung yang kehilangan tanah kerana tidak mampu untuk membayar premium tanah. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi mengatasi kes seperti ini?
- b) Senaraikan maklumat terperinci tunggakan cukai tanah mengikut pecahan daerah (jumlah, kategori tanah) dan apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi mengatasi fenomena ini?

JAWAPAN :

- a) Premium tanah dikenakan sebagai balasan kepada Kerajaan Negeri bagi pelupusan tanah Kerajaan kepada pemohon. Pemohon yang berjaya perlu menjelaskan bayaran premium tanah dan lain-lain bayaran yang telah ditetapkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh Notis 5A. Sekiranya tidak dapat menjelaskan premium dalam tempoh tersebut, pemohon boleh membuat rayuan bagi melanjutkan tempoh pembayaran premium mahupun permohonan lanjutan tempoh pembayaran premium. Tempoh maksimum ialah 18 bulan mengikut kuasa melulus seperti berikut:-
 - i) 6 bulan pertama di bawah kuasa Pentadbir Tanah;
 - ii) 6 bulan seterusnya di bawah kuasa Pengarah Tanah dan Galian Selangor; dan
 - iii) 6 bulan terakhir di bawah kuasa Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor.

Bagi pemohon-pemohon yang masih gagal menjelaskan premium tanah setelah tempoh lanjutan luput, maka tanah tersebut akan kekal statusnya sebagai tanah Kerajaan. Sekiranya pemohon masih berminat terhadap tanah tersebut, pemohon boleh mengemukakan semula permohonan pemberimilikan tanah.

Merujuk kepada soalan Y.B., tidak wujud isu penduduk kampung yang kehilangan tanah kerana tidak mampu menjelaskan bayaran premium tanah kerana tanah yang belum dijelaskan premium tanah dalam tempoh yang telah ditetapkan dan masih belum dikeluarkan suratan hakmilik masih berstatus tanah Kerajaan.

- b) Maklumat terperinci tunggakan cukai tanah mengikut pecahan daerah sehingga 31 Ogos 2008 adalah seperti berikut:-

Bil.	Daerah	Tunggakan Cukai Tanah (RM)
1.	Petaling	30,624,484.07
2.	Klang	55,513,145.46
3.	Gombak	69,616,634.29
4.	Hulu Langat	16,542,329.32
5.	Kuala Selangor	2,460,240.59
6.	Kuala Langat	3,707,183.57
7.	Sepang	4,249,255.31
8.	Sabak Bernam	919,581.92
9.	Hulu Selangor	17,629,507.05
Jumlah		201,262,361.58

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini adalah dengan memberikan kemudahan pembayaran secara ansuran dan kaedah kontra dalam bentuk penyerahan balik tanah atau pelaksanaan projek-projek tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SG. SEDU, KUALA LANGAT

135. Tapak pelupusan sisa pepejal Sungai Sedu, Kuala Langat hanya dapat menampung sampah sehingga akhir tahun ini sahaja. Sebelum ini, Hutan Simpanan Kuala Langat Selatan yang telah dicadangkan untuk dijadikan tapak pelupusan sisa pepejal telah pun menerima bantahan daripada pihak tertentu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Jika kerajaan negeri masih gagal mendapatkan tempat yang sesuai untuk menggantikan tapak tersebut, bagaimakah kerajaan akan menguruskan hal ini?
- b) Selain daripada menimbus sampah dengan tanah, adakah cara-cara lain yang moden untuk menguruskan sampah-sarap dengan berkesan tanpa pencemaran?

JAWAPAN :

- a) Projek Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sanitari di Tanjung Dua Belas akan diteruskan dan Laporan terperinci EIA telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS). Tapak pelupusan ini dijangkakan akan dapat menggantikan tapak Sungai Sedu yang membangkitkan pelbagai aduan daripada penduduk sekitar. Projek ini merupakan satu projek penswastaan yang akan dilaksanakan oleh Worldwide Holdings Berhad. Projek ini dijangka boleh memulakan operasi dalam tempoh 6 bulan lagi. Sejurus itu baru Kerajaan Negeri akan menutup tapak Sungai Sedu. Di samping itu juga Kerajaan Negeri dalam proses mengenal pasti teknologi-teknologi terkini yang boleh diaplikasikan di Negeri Selangor untuk memastikan satu sistem pengurusan sisa pepejal boleh diadakan.
- b) Kaedah timbusan tanah kini merupakan kaedah yang paling ekonomik dan sering digunakan serta sesuai untuk mengurangkan bau busuk dari sampah yang dilonggokkan di tapak pelupusan. Selain daripada itu antara kaedah-kaedah lain yang boleh digunakan ialah semburan enzim yang lebih efektif untuk mengurangkan bau dan juga kaedah lapisan-lapisan plastik bagi membungkus sampah-sampah tersebut. Walau bagaimanapun kedua-dua kaedah ini memerlukan belanja yang besar di mana kos itu akan dipindahkan kepada rakyat kelak melalui peningkatan 'tipping fee'. Adalah dikhawatiri peningkatan kos ini akan menyebabkan tanggungan hutang Pihak Berkuasa Tempatan bertambah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK : PENGGUNAAN DAN PERKEMBANGAN BAHASA TAMIL DAN CINA (MANDARIN)
KE ATAS SEMUA PAPAN TANDA DI TEMPAT-TEMPAT AWAM**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Mengapakah semua papan tanda di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) yang terletak di atas tanah Negeri Selangor tidak mempunyai dan menggunakan Bahasa Tamil?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memaksa Kerajaan Persekutuan untuk mengaplikasikan pemakaian Bahasa Tamil dalam papan tanda di KLIA tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor mengesan di mana tempat-tempat awam yang sepatutnya menggunakan papan tanda dalam Bahasa Tamil seperti di Hospital dan Pejabat-Pejabat Kerajaan di mana Kerajaan terdahulu di bawah pimpinan Barisan Nasional tidak peka dan seolah-olah meminggirkan penggunaan Bahasa Tamil seperti yang terjadi di KLIA?

JAWAPAN :

a) & b) :

**Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 25 September 2008
telah menolak soalan ini.**

- c) Setakat ini Kerajaan Negeri belum mengesan perkara tersebut. Sekiranya ada, Kerajaan Negeri akan mengkaji bidang kuasa dan tindakan sesuai yang boleh diambil sesuai dengan dasar Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : DASAR KEBAJIKAN KERAJAAN

137. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- a) Jumlah sumbangan yang diberi kepada persatuan kebajikan seperti rumah anak yatim atau rumah orang cacat. Nyatakan secara terperinci jenis sumbangan yang dihulurkan kepada setiap badan kebajikan.
 - b) Sama ada kerajaan menyemak semula akaun dan aktiviti-aktiviti persatuan kebajikan setiap tahun.
 - c) Adakah kempen menyumbangkan beras kepada masyarakat pada bulan Jun dan Julai 2008 ini dapat membasmikan kemiskinan? Sila nyatakan kebaikan dan kelemahan kempen ini.

JAWAPAN :

- a) Seperti dilampiran.

Bil	Nama Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO)	Jumlah (RM)	Jenis Geran	Perkhidmatan	Kumpulan Sasar
1	Persatuan Pemulihan Orang Cacat Selangor (Rumah Insaniah), Tmn. Kanayapuram, Jalan 18/22, 46000 Petaling Jaya, Selangor.	30,660	Pentadbiran	Rumah perlindungan untuk semua umur bagi golongan OKU akal	OKU
2	Persatuan Kanak Kanak Spastik Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 14, Lorong Utara A, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	229,950	Pentadbiran	Memberi pendidikan, latihan dan terapi kepada kanak-kanak Celebra Palsy	Kanak-kanak OKU
3	Persatuan Pemulihan Orang Cacat Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Rumah Insaniah) PJ	30,660	Pentadbiran	Memberi latihan kepada OKU yang mampu menguruskan diri sendiri agar boleh berdikari menguruskan diri sendiri.	OKU
4	Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (Cawangan BDK), No.4, Jalan Chan Chin Mooi, Off Jalan Pahang, 53200 Kuala Lumpur	122,640	Pentadbiran	Pusat Jagaan dan kemudahan pendidikan terhadap remaja dan kanak-kanak yang menghidap autisme.	OKU
5	Persatuan Mobiliti Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Letter Box #21, Bangunan Sultan Salahuddin Aziz Shah, (Bilik 9. Tingkat 4), Lorong Utara "A", 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	10,000	Pentadbiran	Memberi perkhidmatan pengangkutan di Pusat Jagaan untuk golongan OKU dan Warga Tua	OKU dan Warga Tua
6	Badan Latihan & Hidup Berdikari Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 76, Taman Garing 4, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.	24,528	Pentadbiran	Memberi latihan kepada golongan OKU yang memerlukan kerusi roda dan kehilangan kaki.	OKU
7	Pertubuhan Perlindungan & Penyelamat Kanak Kanak Selangor & Wilayah Persekutuan	6,000	Pentadbiran	Menjalankan program untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang penderaan kanak-kanak	Kanak-kanak
8	Shelter Christian Fellowship For Aid Welfare Selangor, P.O.Box 23, Jalan Sultan, 46700 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.	77,672	Pentadbiran	Memberi perlindungan kepada kanak-kanak bawah 12 tahun	Kanak-kanak

9	Pertubuhan Rumah Anak Yatim/Miskin Kuala Langat, Kampung Sungai Buaya, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan	128,772	Pentadbiran	Menyediakan asrama dan kemudahan akademik untuk anak-anak yatim	Anak Yatim
10	Pertubuhan Rumah Amal Cahaya Tg. Ampuan Rahimah (RACTAR)	67,452	Pentadbiran	Memberi perlindungan dan pendidikan untuk anak-anak yatim.	Anak Yatim
11	Monfort Boys Town	208,488	Pentadbiran	Memberi pendidikan, kemahiran kepada golongan kanak-kanak yang yatim, keluarga bermasalah.	Kanak-kanak yatim
12	Persatuan Rumah Kanak Kanak Ini Di Sayangi (KIDS), 7, Jalan Durian, Off Jalan Dato Dollah, 41100 Klang, Selangor Darul Ehsan.	116,508	Pentadbiran	Penjagaan dan perlindungan bagi kanak-kanak yatim piatu, terabai dan kes penderaan.	
13	Rumah Hope, 45, Jalan 20/2, Paramount Garden, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	112,420	Pentadbiran	Menjalankan aktiviti untuk kanak-kanak terbiasa, miskin, teraniaya dan juga perlindungan.	Kanak-kanak
14	Pusat Kebajikan Good Shepherd, KM 8.8 Jalan Hulu Kelang, 68000 Ampang Selangor	42,924	Pentadbiran	Memberi perkhidmatan perlindungan, pemulihian dan kaunseling kepada gadis remaja dalam krisis.	
15	Persatuan Rumah Kanak Kanak Trinity	40,880	Pentadbiran	Membantu anak-anak yatim yang memerlukan perlindungan dan memberi khidmat kaunseling kepada keluarga khususnya ibu bapa kanak-kanak jika ada	
16	Positif Kids, 10, Jalan 20/2, Paramount Garden, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	33,330	Pentadbiran	Menyediakan pusat aktiviti untuk wargatusa setempat.	Warga tua
17	Sedia Bersahabat (The Befrienders)	8,000	Pentadbiran	Memberi khidmat kaunseling secara percuma melalui telefon, temuduga, surau menurat dan e-mail pada sesiapa sahaja yang menghadapi masalah hidup dan dalam kecemasan mental. Membantu meringankan tekanan.	

18	Rumah Perlindungan Sosial NCWO-YWCA Klang, No.12, Jalan Tamarind, Taman Selatan, 41200 Klang, Selangor	20,000	Pentadbiran	Untuk golongan wanita dan kanak-kanak perempuan yang perlukan perlindungan, kurang mampu, terabai.	Wanita dan kanak-kanak
19	Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal Selangor & W.P.K.Lumpur, Wisma Harapan 522, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur	602,980	Pentadbiran	Memberi perlindungan dan jagaan kepada kanak-kanak cacat	OKU
20	Persatuan Orang Yang Amat Cacat Akal Selangor & Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, No. 16 Jalan 21/11, Sea Park, 46300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan	27,594	Pentadbiran		OKU
JUMLAH		1,812,686			

- b) Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa memantau aktiviti-aktiviti dan menyemak semula akaun bagi semua Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari Jabatan ini melalui :-
1. Wakil Jabatan ini menghadiri mesyuarat Exco/Tahunan sebagai pegawai Ex-Officio.
 2. Lawatan pemeriksaan berjadual ke pusat-pusat berkenaan.
 3. Pemantauan belanjawan pusat-pusat tersebut melalui laporan audit tahunan.
 4. Pemantauan melalui laporan-laporan aktiviti/kemajuan tahunan yang dihantar ke Jabatan ini.
- c) Di luar bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : KILANG HARAM DI KAWASAN DUN SUBANG JAYA

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Sila senaraikan kilang-kilang haram yang terletak di dalam kawasan dun Subang Jaya dan berikan butir-butir seperti lokasi, keluasan dan tarikh pembinaan.
- Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini?

JAWAPAN :

- Jawapan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya
- Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah kilang-kilang haram di DUN Subang Jaya berkait secara langsung dengan Dasar Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor.

Di bawah dasar tersebut Kerajaan Negeri memberi kemudahan kepada kumpulan sasaran yang terlibat untuk memutihkan (*legalize*) operasi mereka dengan cara memohon pertukaran kategori dan syarat nyata tanah daripada pertanian kepada industri serta mendapatkan juga kelulusan bagi bangunan-bangunan / premis yang digunakan oleh pengusaha daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Tempoh yang diberikan kepada pengusaha dan pemilik tanah untuk kawasan berkaitan ialah empat (4) tahun sehingga tahun 2010.

Dalam konteks ini, Pihak Berkuasa Negeri telah membuat keputusan berikut:-

- Penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah bagi permohonan tukar syarat oleh kumpulan sasaran; dan
- Mengarahkan *one-stop center* (OSC) ditubuhkan di peringkat Pejabat Tanah Daerah bagi tujuan yang tersebut di para (i).

Sementara tuan-tuan tanah mendapatkan kelulusan tukar syarat / memindah premis ke kawasan yang dibenarkan, mereka akan dipertimbangkan permit khas sementara dengan bayaran RM1,000 setahun. Manakala, dari segi aspek tanah dan keperluan perundangan Pihak Berkuasa Tempatan, mereka akan diluluskan lesen sementara.

Kerajaan Negeri telah meluluskan insentif-insentif di bawah Dasar Pemutihan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran melibatkan perkara-perkara berikut:-

(i) Pengurangan Premium Tambahan

Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh tiga (3) bulan atau 30% bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh enam (6) bulan atau 10%

bagi bayaran yang dibuat dalam tempoh sembilan (9) bulan kepada pemilik tanah yang menjelas premium secara sekaligus atau ansuran dalam tempoh tersebut.

(ii) **Bayaran premium secara ansuran**

Pemilik tanah dibenarkan membayar premium secara ansuran sebanyak dua belas (12) kali dalam tempoh lapan belas (18) bulan atau dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam Borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.

(iii) **Pengecualian premium khas**

Pemilik tanah dikecualikan daripada dikenakan premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah Kaedah 11(6), Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003 kepada pemilik tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah.

(iv) **Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang lima belas (15) tahun**

Permohonan perlanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian yang mempunyai baki tempoh pajakan kurang 15 tahun diluluskan atas kegunaan industri dan permium dikenakan berdasarkan nilai tanah semasa serta diberi pengurangan premium sebanyak 50 peratus. Pengurangan ini dikecualikan bagi mereka yang telah mendapat insentif pengurangan premium tambahan.

(v) **Insentif Dari PBT**

Resolusi berkenaan Insentif untuk kilang-kilang tanpa kebenaran bagi memastikan kilang-kilang ini dapat beroperasi secara sah hendaklah digunakan.

- a) Sediakan pelan induk infra.
- b) Premium dibayar ansuran dalam tempoh ditetapkan.
- c) Kebenaran merancang (KM) dan pelan bangunan diproses serentak.
- d) Denda KM digugurkan.
- e) Denda Pelan Bangunan dikurangkan 5 kali jika pelan bangunan dikemukakan sebelum 31 Disember 2005.
- f) Bayaran denda boleh dibuat beransur-ansur mengikut jumlah seperti di bawah:-
 - Kurang RM10 ribu dibayar beransur-ansur sebelum CF dikeluarkan;
 - RM10 – RM50 ribu mempunyai bank guaranty dan dijelaskan dalam masa 6 bulan; dan
 - Lebih RM50 ribu mempunyai bank guaranty dan dijelaskan dalam masa setahun.
- g) Denda pelan kejuruteraan dikecualikan jika dikemukakan sebelum 31 Disember 2005.
- h) Pelan Taman dikecualikan.
- i) Sekiranya pelan induk telah disediakan ulasan jabatan JKR dan JPS dikecualikan.
- j) Sekiranya tiada pelan induk ulasan dari TNB, Syabas dan Telekom dikecualikan jika mengikut use class order.
- k) Sumbangan infra akan dikecualikan apabila:-
 - Pemaju menyediakan sendiri infra berkaitan mengikut spesifikasi yang ditetapkan; dan
 - Infra berkaitan sedia ada telah mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

- (vi) **Penurunan Kuasa**
Bagi mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan tukar syarat, kuasa melulus permohonan tukar syarat di bawah seksyen 124(1)(a) dan (c), 124A dan 204A, Kanun Tanah Negara bagi kilang-kilang tanpa kebenaran diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah tertakluk kepada kilang-kilang yang berada di dalam zon yang ditetapkan.
- (vii) **Pengenaan Syarat Teknikal Minima**
Garis panduan Syarat Teknikal Minima digunakan oleh semua PBT di Selangor sebagai rujukan bagi meluluskan permohonan tukar syarat tanah untuk kilang-kilang tanpa kebenaran. Syarat Teknikal Minima ini akan digunakan sebagai rujukan sepanjang program pemutihan ini dijalankan.
- (viii) **Program ‘Outreach’**
Program ini dijalankan bagi memberi penerangan tentang program pemutihan serta mendekatkan pihak berkuasa berkaitan dengan pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran. Di antara program ‘outreach’ ialah pengedaran brosur-brosur kepada pemilik-pemilik tanah dan pengusaha-pengusaha kilang tanpa kebenaran, program turun padang oleh pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat secara langsung di dalam program pemutihan dan memberi khidmat nasihat dan bantuan di dalam melengkapkan borang-borang permohonan tukar syarat.
- (ix) **Pengecualian Caruman Infrastruktur Sosial**
Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi pengecualian daripada dikenakan caruman infrastruktur sosial sebanyak RM50,000.00 seekar bagi kawasan Lembah Klang dan RM35,000.00 seekar bagi kawasan di luar Lembah Klang.
- (x) **Pengeluaran Permit Khas Sementara**
Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mengeluarkan suatu permit khas bagi penggunaan sementara tanah-tanah pertanian yang didirikan kilang-kilang tanpa kebenaran. Kuasa bagi meluluskan permit ini telah diturunkan kepada PTD dan permit-permit akan dikeluarkan oleh Pejabat Tanah yang berkenaan untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun. Permit tersebut juga hanya boleh diperbaharui sebanyak tiga (3) kali sahaja. Dalam masa tersebut tuan tanah hendaklah membuat permohonan secara teratur di bawah seksyen 124 KTN atau 124A KTN atau tindakan perampasan tanah boleh dibuat.
- (xi) **Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara**
Pihak Berkuasa Tempatan juga akan mengeluarkan lesen perniagaan sementara (*trade license*) kepada pengusaha / pemilik kilang yang telah dikenalpasti.
- (xii) **Pelarasan Cukai Tanah**
Kerajaan Negeri juga bersetuju meluluskan pelarasan cukai tanah bagi memberikan kesahan undang-undang atau pemutihan kepada aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada pelanggaran syarat tanah di atas tanah hakmilik yang kategori bangunan kediaman tetapi telah dibenarkan beroperasi melalui lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT.

(xiii) Pelanjutan Tempoh Pemutihan

Pelaksanaan program pemutihan ini dijangka berakhir pada akhir tahun 2007. Namun begitu, MMK Ke 3/2008 pada 30 Januari 2008 telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pemutihan sehingga akhir tahun 2010 untuk memberi peluang kepada pengusaha kilang / tuan tanah terus beroperasi secara sah dan mampu menyumbang ke arah pembangunan ekonomi masyarakat setempat khususnya dan Negeri Selangor amnya. Selain itu, program ini juga dapat mewujudkan keadaan atau suasana kilang yang lebih teratur, selamat dan terancang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : INDUSTRI SURIA

139. Dengan peningkatan kos tenaga di seluruh dunia, alternatif lain perlu difikirkan bagi mengatasi masalah tersebut. Tenaga suria yang banyak patut dieksplotasi bagi pembekalan tenaga dan penggunaannya secara meluas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam hal penggunaan tenaga suria bagi mengatasi kos tinggi bekalan tenaga sedia ada?
- b) Berapakah peruntukan dalam belanjawan 2009 dicadang akan diberikan kepada industri suria daripada peringkat kajian sehingga mampu menjadi salah satu unsur bekalan tenaga?

JAWAPAN :

- a) Tenaga suria/solar diperoleh daripada pancaran matahari dan sinarannya merupakan tenaga radiasi yang sampai ke bumi. Tenaga ini kemudian dieksplotasi menjadi tenaga alternatif seperti haba dan elektrik. Penggunaan tenaga solar sebagai tenaga alternatif di Malaysia adalah amat terhad dan ini mendorong pihak Kerajaan mengambil inisiatif di dalam melaksanakan kajian dan pembangunan industri tersebut.

Kajian penggunaan dan aplikasi teknologi solar ‘photovoltaic’(PV) yang disambung ke grid (grid-connected PV system) telah dimulakan sejak tahun 1998. Usaha tersebut dilaksanakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui TNB Research Sdn.Bhd. Kajian lanjutan berhubung potensi aplikasi ‘grid-connected solar PV’ yang dipasang pada bangunan telah dilaksanakan pada tahun 2003 secara usaha sama oleh pihak Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan United Nations Development Programme (UNDP) mengesahkan potensi tenaga solar di Malaysia melalui sistem ‘building integrated photovoltaic’ (BIPV) adalah sekurangnya 6,500MW.

Buat masa ini Kerajaan Negeri Selangor akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan memandangkan masih di peringkat kajian bagi menentukan kesesuaian, kos dalam menentukan perancangan dan pelaksanaan penggunaan tenaga suria di Malaysia. Dalam membantu peningkatan penggunaan solar di Negeri Selangor, pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaburan pihak Q-Cells daripada negara Jerman sebanyak RM 2.6 billion bagi menghasilkan produk berkaitan sistem solar di Sepang, Selangor. Oleh itu, kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak MIDA dan Khidmat Nasihat daripada pihak Pusat Tenaga Malaysia (PTM) adalah penting bagi mewujudkan koordinasi pelaburan mantap serta menyediakan insentif-insentif lain seperti tanah, air, infrastruktur dan terutamanya tenaga mahir bagi menarik minat pelabur dalam industri solar di Negeri Selangor.

- b) Kerajaan Negeri belum menetapkan sebarang bajet dalam 2009. Oleh itu, kajian khusus perlu dilakukan sebelum pelaksanaan tenaga suria ini dijalankan. Pembangunan teknologi solar melalui Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK) dan kerjasama pihak United Nations Developement Programme (UNDP) telah juga melancarkan projek "Malaysia Integrated Photovoltaic" (MBIPV) pada 25 Julai 2006 yang akan dilaksanakan bagi tempoh lima (5) tahun dengan kos berjumlah RM 88 juta. Objektif utama projek MBIPV adalah untuk mengurangkan kos jangka panjang teknologi solar BIPV melalui pembangunan pasaran tempatan secara mapan.

MAKLUMAT TAMBAHAN

JADUAL – 1 :
LOKASI PEMASANGAN SISTEM SOLAR BIPV DI NEGERI SELANGOR

Bil	Lokasi	Kapasiti	Tahun dipasang
1.	Kediaman persendirian di Semenyih	5.3kW	2005
2.	Pejabat SETM, Sungai Buloh	7.9kW	2005
3.	Rumah kedai, Damansara Utama	10kW	2007
4.	Kediaman persendirian, Damansara	4kW	2007
5.	Monash University, Sunway	7.8Kw	2007
6.	PTM-ZEO, Bangi	92Kw	2007
7.	SMK(P)Sri Aman, Petaling Jaya	4.4kW	2008
8.	6 buah banglo, Setia Eco-Park, Shah Alam	4.2Kw – 5.8kW	2008

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B TUAN HJ SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SELANGOR LULUS MANSUH ISA

140. Selangor merupakan kerajaan negeri pertama di Malaysia yang membawa, membahas dan seterusnya meluluskan usul agar akta zalim ISA dimansuhkan. Langkah ini sekali gus meningkatkan usaha menentang akta zalim ISA daripada hanya dilakukan oleh NGO seperti Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) kepada satu usaha yang dimainkan oleh sebuah kerajaan negeri. Ekoran daripada pencapaian ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah program-program khas yang diluluskan sehingga kini oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Selangor dalam meningkatkan lagi kempen menentang akta zalim ISA terutama program-program penerangan serta pendidikan kepada rakyat khususnya yang melibatkan pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di bawah akta zalim ISA?
- b) Adakah peruntukan-peruntukan kewangan khas yang dikeluarkan bagi merancakkan lagi kempen-kempen menentang akta zalim ISA di peringkat DUN dan Parlimen dalam negeri Selangor?
- c) Adakah kerajaan negeri Selangor boleh memberi peruntukan kewangan bagi menjayakan kempen menentang akta zalim ISA kepada NGO seperti Gerakan Mansuhkan ISA (GMI).

JAWAPAN :

- a) Setakat ini perlaksanaan program-program menentang ISA secara khusus oleh Kerajaan Negeri masih lagi diperingkat perancangan. Kerajaan Negeri akan terus berbincang dengan "Coalltion Of Good Governance" (CGG) memandangkan Gerakan Mansuh ISA (GMI) adalah salah satu anggota CGG.

Tetapi Kerajaan Negeri sudah pun menaja perjalanan keluarga tahanan ISA ke Kamunting sekali sebulan di samping membantu persekolahan anak-anak tahanan ISA.

- b&c) Peruntukan-peruntukan ini akan dikeluarkan berdasarkan kesesuaian program dan juga boleh dipohon dari setiap wakil rakyat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PELUPUSAN SISA PEPEJAL

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pendekatan baru yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyelaraskan dasar pelupusan sisa pepejal yang dipertanggungjawabkan kepada Worldwide Holdings Berhad memandangkan tiada sebarang aktiviti kitar semula dijalankan di tapak-tapak pelupusan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri bertanggungjawab sepenuhnya untuk melihat polisi atau dasar berkaitan pelupusan sisa pepejal di Negeri Selangor dan Worldwide Holdings Berhad hanya membantu dalam melaksanakan dasar-dasar tersebut. Melalui hubungan kerja yang erat ini, Kerajaan Negeri kini sedang mengkaji kemungkinan untuk membangunkan loji-loji yang menawarkan teknologi-teknologi baru untuk melupuskan sampah di Negeri Selangor. Antara yang sedang diteliti ialah '*Refuse Derived Fuel*' (RDF) dan '*Material Recovery Facilities*' (MRF) dimana satu loji '*Refuse Derived Fuel*' (RDF) telah beroperasi di Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan setakat ini beroperasi dengan baik dan berkesan. Kerajaan Negeri juga sedang melihat kesesuaian untuk menggunakan *incinerator* bersaiz mini di Pihak Berkuasa Tempatan yang besar yang mana akan mengurangkan penggantungan kepada tapak pelupusan yang sedia ada di Negeri Selangor. Diharapkan langkah-langkah ini akan memantapkan lagi dasar yang sedia ada di Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : MASALAH PENGGANGGURAN SISWAZAH

142. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- Sila senaraikan butiran terperinci jumlah siswazah IPTA/IPTS yang menganggur selepas tamat pengajian dari tahun 2006 hingga bulan Jun 2008 mengikut pecahan kaum.
 - Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan keadaan sedemikian berlaku?
 - Sila nyatakan apakah bentuk insentif dan bantuan serta latihan yang disediakan oleh pihak Kerajaan kepada para siswazah yang menganggur agar mereka dapat memperoleh pekerjaan dengan secepat mungkin?

JAWAPAN :

- a) **JAWAPAN DARIPADA JABATAN TENAGA KERJA**

Jabatan tidak mempunyai data bilangan siswazah IPTA/IPTS yang menganggur selepas tamat pengajian.

Walaubagaimanpun jabatan mempunyai data pencari kerja di Negeri Selangor yang berdaftar untuk mendapatkan pekerjaan mengikut kaum sehingga Ogos 2008 seperti berikut :

Melayu	:	15,598
Cina	:	355
India	:	954
Kadazan/Dusun	:	111
Bajau	:	104
Melayu Brunei	:	68
Iban	:	60
Bidayuh	:	37
Malanau	:	55
Lain-lain	:	121

- b) Tidak berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor.

- c) Tidak berkaitan dengan Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PENGURANGAN CUKAI PINTU UNTUK PREMIS BADAN KEBAJIKAN

143. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan cukai pintu untuk premis badan kebajikan memandangkan rumah-rumah kebajikan ini bergantung kepada sumbangan derma daripada masyarakat?
- b) Apakah syarat-syarat yang mesti dipatuhi oleh rumah-rumah kebajikan ini agar mereka dapat menikmati pengurangan cukai pintu ini.

JAWAPAN :

- a) Buat masa ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengkaji dan menetapkan satu dasar yang menyeluruh untuk mengurangkan cukai-cukai taksiran terhadap Premis Badan Kebajikan. Kerajaan Negeri bersedia untuk menimbangkan pengurangan cukai berdasarkan kes-kes permohonan atas kewajaran yang dikemukakan oleh pemohon.
- b) Tiada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Kerajaan Negeri dan ianya hanya boleh dilakukan dengan merujuk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang menggariskan untuk mengecualikan atau mengurangkan cukai taksiran sesuatu pegangan yang digunakan semata-mata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan boleh memohon untuk pengurangan atau pengecualian cukai taksiran melalui PBT berkenaan untuk di bawa kepada Pihak Berkuasa Negeri. Peruntukan ini termaktub di dalam Akta kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) seperti berikut:

Seksyen 135 - Apabila sesuatu pegangan atau sesuatu bahagian daripadanya digunakan semata-semata bagi maksud rekreasi, sosial atau kebajikan, dan bukan untuk mendapat keuntungan wang Pihak Berkuasa Negeri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan pegangan atau bahagian pegangan itu daripada pembayaran semua atau mana-mana kadar atau boleh mengurangkan apa-apa kadar yang dikenakan ke atas pegangan atau bahagian pegangan itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KEDUDUKAN KEWANGAN NEGERI

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berikan maklumat yang terperinci tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri sehingga bulan September. Ulaskan prestasi kewangan negeri.
- b) Sejak program MES dilancarkan, sejauh manakah program ini mempengaruhi kedudukan kewangan negeri dan apakah langkah yang telah diambil untuk meminimumkan implikasinya ?
- c) Senaraikan maklumat terperinci tentang peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dalam tahun 2009. (jumlah, jabatan yang terima, perbandingan dengan tahun sebelum ini).

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Perbandingan Lembaran Imbangan Duga sehingga 30 September 2008 berbanding 31 Disember 2007 didapati bahawa kedudukan kewangan kerajaan Negeri telah meningkat sebanyak 7.24%. Maklumat yang berkaitan adalah seperti di Jadual 1 di bawah:-

JADUAL 1 : LEMBARAN IMBANGAN DUGA PADA 30 SEPTEMBER 2008

	30 SEPTEMBER 2008 (RM JUTA)	31 DISEMBER 2008 (RM JUTA)	% PERBEZAAN Meningkat/Menurun +/-(-)
WANG AWAM			
Wang Awam	831.48	776.44	+7.09%
Pelaburan	655.69	610.30	+7.44%
	1,487.17	1,386.74	+7.24%
DIPEGANG BAGI:- KUMPULANWANG DISATUKAN			
Akaun Hasil Disatukan	445.30	624.86	-28.74%
Akaun Pinjaman Disatukan	44.52	0.00	
Akaun Amanah Disatukan	997.35	761.88	+30.91
	1,487.17	1,386.74	+7.24%

Penilaian prestasi Kewangan Kerajaan Negeri adalah dibuat berdasarkan kepada 3 akaun utama iaitu :-

a. **Akaun Hasil Disatukan**

i. **Hasil**

Prestasi Kutipan Hasil sehingga 30 September 2008 berbanding Bajet 2008 adalah seperti di Jadual 2. Secara keseluruhan prestasi pencapaian kutipan Hasil Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2008 telah mencapai 74.73%.

JADUAL 2 :Prestasi Kutipan Hasil berbanding Bajet 2008

JENIS	ANGGARAN BAJET 2008 (RM JUTA)	KUTIPAN SEHINGGA SEPTEMBER 2008 (RM JUTA)	PRESTASI PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	545.52	446.77	81.90%
Hasil Bukan Cukai	554.10	504.58	91.06%
Terimaan Bukan Hasil	384.25	157.56	41.00%
JUMLAH	1,483.87	1,108.91	74.73%

ii. Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan

Pencapaian perbelanjaan sebenar Mengurus berbanding bajet 2008 tanpa mengambil kira tanggungan yang telah dibuat sehingga 30 September 2008 adalah sebanyak 64.56%. Manakala perbelanjaan Pembangunan pula telah mencapai 59.91%. Secara keseluruhan, pencapaian perbelanjaan Kerajaan Negeri sehingga 30 September 2008 telah mencapai 62.02%. Adalah dijangkakan sehingga 31 Disember 2008 perbelanjaan ini akan mencapai 95% daripada bajet 2008, sila rujuk Jadual 3 di bawah.

JADUAL 3 : PRESTASI PERBELANJAAN BERBANDING BAJET 2008

JENIS	ANGGARAN BAJET DISEMAK 2008 (RM JUTA)	PERBELANJAAN SEHINGGA SEPTEMBER 2008 (RM JUTA)	PRESTASI PENCAPAIAN (%)
Bekalan	648.50	430.73	66.42%
Tanggungan	41.49	14.70	35.43%
Jumlah Mengurus	689.99	445.43	64.56%
Pembangunan	828.27	496.20	59.91%
Jumlah Besar	1,518.24	941.63	62.02%

b. Akaun Pinjaman Disatukan

Sehingga 30 September 2008, Akaun Pinjaman Disatukan mempunyai baki berjumlah RM44.52 juta. Pinjaman ini adalah pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan tahun 2008 bertujuan untuk Membiayai Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya, Selangor.

c. Akaun Amanah Yang Disatukan

Kumpulan wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Kumpulan wang Pembangunan/Hutan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Sehingga 30 September 2008, baki Akaun Amanah Disatukan adalah meningkat sebanyak 30.91% berbanding tahun 2007.

- b) Sejak program MES dilancarkan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan peruntukan seperti berikut :-

Bil.	Program	Jabatan	Jumlah (RM)
1.	Tabung Warisan Anak Selangor	Unit Perancang Ekonomi Negeri (SUK)	13,700,000.00
2.	Hadiah anak masuk IPT	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (SUK)	5,000,000.00
3.	Mesra Usia Emas	Unit Perancang Ekonomi Negeri (SUK)	20,700,000.00
4.	Pusat Khidmat Sehenti	Unit Perancang Ekonomi Negeri (SUK)	600,000.00
JUMLAH			40,000,000.00

- c) Peruntukan pemberian yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 akan diterima pada tahun hadapan. Walaubagaimanapun, jumlah yang dianggarkan bagi tahun 2009 adalah sebanyak **RM 416,764,638.00**. Perincian anggaran bagi tahun 2009 adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Anggaran Pemberian Persekutuan Tahun 2009

BIL.	PERKARA	ANGGARAN 2009 (RM)
1.	Pemberian Jalanraya (MARRIS)	250,000,000.00
*2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	15,959,000.00
3.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 5% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-projek Persekutuan	5,000,000.00
4.	Pemberian Perbelanjaan Mengurus Jabatan Persekutuan (50%)	33,000,000.00
5.	Pemberian Tahunan Selangor	25,805,638.00
6.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	72,000,000.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	15,000,000.00
Jumlah		416,764,638.00

* Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup tidak diakaunkan ke dalam Akaun Hasil.

Bersama-sama ini, di sertakan Terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2 : Terimaan Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri sehingga 20 November 2008

BIL	JENIS PEMBERIAN	TERIMAAN SEHINGGA NOV. 2008 (RM)	
		Anggaran	Diterima
1.	Pemberian Jalanraya (MARRIS)	210,000,000.00	273,127,360.00
2.	Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	15,959,000.00	15,959,000.00
3.	Pemberian Bayaran Perkhidmatan 5% Kerana Penglibatan Kakitangan Kerajaan Negeri Dalam Melaksanakan Projek-projek Persekutuan	10,000,000.00	15,487,433.00
4.	Pemberian Perbelanjaan Mengurus Jabatan Persekutuan (50%)	30,000,000.00	32,741,010.00
5.	Pemberian Tahunan Selangor	25,805,638.00	25,805,640.00
6.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	70,000,000.00	70,162,066.00
7.	Pemberian Pertambahan Hasil	30,000,000.00	0.00
	JUMLAH TERIMAAN	391,764,638.00	433,282,509.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK : PENYALAHGUNAAN SIBER KAFE

145. Penyalahgunaan siber kafe adalah semakin berleluasa. Ini telah menimbulkan masalah sosial yang semakin serius. Siber kafe tidak mengikut peraturan yang ditetapkan dan membiarkan remaja-remaja bawah 18 tahun masuk ke siber kafe. Ini telah menyebabkan remaja-remaja ini menyalahgunakan siber.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan menimbang semula permit atau lesen yang telah diluluskan?
- b) Setakat ini, berapakah permit atau lesen yang telah diluluskan oleh PBT? Sila senaraikan.
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas pemilik siber kafe dan remaja-remaja bawah umur yang melanggar peraturan?

JAWAPAN :

- a) Lesen yang telah dikeluarkan oleh kerajaan negeri boleh ditangguhkan atau dibatalkan sekiranya terdapat pelanggaran syarat-syarat PBT oleh pemegang lesen. Setiap pembaharuan tahunan lesen siber kafe perlu mendapat sokongan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan tiada unsur perjudian dijalankan.
- b) Setakat ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan 727 lesen kepada pemilik siber kafe yang beroperasi mengikut PBT masing-masing. Jumlah premis siber kafe berlesen adalah seperti berikut :

BIL	NAMA PBT	JUMLAH YANG TELAH BERDAFTAR
1.	MBSA	75
2.	MBPJ	268
3.	MPK	52
4.	MPSJ	55
5.	MPAJ	59
6.	MPKj	91
7.	MPS	46
8.	MPSp	24
9.	MDKS	4
10.	MDKL	18
11.	MDHS	25
12.	MDSB	10
	JUMLAH	727

- c) Pemilik siber kafe yang melanggar syarat lesen akan dikenakan tindakan gantung lesen perniagaan bagi tempoh 2 minggu. Pengusaha juga dikehendaki mengemukakan surat akujanji tidak akan melakukan pelanggaran syarat lesen. Selain itu, kerajaan Negeri melalui PBT boleh mengeluarkan kompaun kepada pemilik siber kafe atau menangguhkan/ membatalkan lesen perniagaan mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : HOSPITAL KLANG / PERUBATAN (HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH – HTAR)

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah hospital-hospital, klinik-klinik dan bidan-bidan yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan di dalam Negeri Selangor ini?
- b) Adakah terdapat mana-mana hospital di dalam Negeri Selangor ini mempunyai kemudahan dan kepakaran seperti yang terdapat di "Institut Jantung Negara" bagi merawat penyakit berkenaan dengan lebih efisien dan cepat tanpa perlu merujuk kepada IJN?
- c) Berikan senarai-senarai hospital-hospital di Negeri Selangor ini yang mempunyai kemudahan, kepakaran serta teknologi terkini bagi membantu menyembuhkan dan memantau penyakit kritikal seperti Sakit Buah Pinggang (dialisis), Kanser dan Hematologi?

JAWAPAN :

- a) Jumlah fasiliti kesihatan yang berdaftar di bawah Kementerian Kesihatan di dalam Negeri Selangor adalah seperti berikut:

Jumlah hospital (kerajaan) : 10 buah hospital dan 1 buah institusi khas bagi bekas pesakit kusta

Jumlah Klinik Kesihatan : 55 buah

Jumlah Klinik Ibu dan Anak : 5 buah

Jumlah Klinik Desa : 131 buah

Bilangan bidan-bidan yang berdaftar pula adalah seramai 45 orang.

Jumlah Hospital Swasta : 80 buah

Jumlah Klinik Swasta : 2,022 buah

- b) Hospital Serdang merupakan hospital di dalam Negeri Selangor yang mempunyai kemudahan dan kepakaran seperti "Institut Jantung Negara" dan merupakan pusat rujukan bagi kes-kes kardiologi dan kardioterasik bagi zon tengah.

- c) Bagi merawat penyakit kritis seperti Sakit Buah Pinggang, kesemua hospital di bawah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menyediakan perkhidmatan tersebut termasuklah hospital-hospital daerah dimana perawatan dijalankan secara lawatan oleh Pakar-pakar Nefrologi secara berjadual. Perkhidmatan hemodialisis juga disediakan disemua hospital kerajaan.

Bagi penyakit barah (kanser), hospital yang mempunyai kemudahan kepakaran serta teknologi terkini adalah 5 buah hospital berpakar iaitu Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Ampang dan Hospital Sungai Buloh. Manakala Hospital Kajang dan Hospital Banting juga ada menyediakan perkhidmatan kepakaran bagi beberapa disiplin utama. Bagi kes-kes berkaitan hematologi pula, Hospital Ampang merupakan pusat rujukan kebangsaan dan menyediakan kemudahan kepakaran dan pelbagai jenis rawatan berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : KEBAJIKAN UNTUK ORANG KURANG UPAYA (OKU)

147. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Apakah langkah-langkah yang pernah diambil mengikut undang-undang terhadap pemaju yang tidak menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebab.
 - Berapakah budget yang disediakan untuk golongan orang kurang upaya pada tahun 2004 hingga 2008.
 - Sila nyatakan perbelanjawan untuk golongan OKU dari tahun 2004 hingga 2008 secara terperinci.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MPAJ

- Tidak pernah mengambil tindakan ke atas pihak pemaju yang tidak menyediakan kemudahan orang kurang upaya kerana :-
 - Jabatan ada meletakkan syarat untuk kelulusan pelan bangunan dan untuk pembangunan yang baru, pihak pemaju patuh syarat yang dikenakan.
- MPAJ tidak menyediakan bajet khusus untuk golongan OKU pada tahun 2004 hingga 2008. Walaubagaimanapun, peruntukan berdasarkan permohonan dan permintaan. Sekiranya ada permohonan untuk menganjur program bagi golongan OKU, Majlis akan memberi pertolongan sewajarnya.
- Secara terperinci Majlis tidak dapat mengemukakan perbelanjaan untuk tujuan tersebut, kerana program-program Majlis terbuka kepada semua golongan. Sebagai contoh Larian MPAJ : adalah untuk semua golongan masyarakat dan MPAJ telah menyediakan kategori untuk golongan OKU. Begitu juga program Sambutan Perayaan-perayaan utama, golongan OKU tidak dilupakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : MENARA TELEKOMUNIKASI

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah menara telekomunikasi yang akan dipasang di Selangor mengikut PBT dan bilakah ini akan dilaksanakan?
- b) Sila nyatakan butir-butir seperti kos seunit menara, kos pemasangan dan kontraktor yang terlibat mengikut PBT.
- c) Sudahkah kajian teliti dibuat mengenai kesan menara telekomunikasi terhadap kesihatan rakyat?

JAWAPAN :

- a) Setakat ini, tiada sebarang perancangan khusus dibuat mengikut PBT namun pemantauan ke atas *blind spot* dibuat dari masa ke semasa. Berdasarkan pemantauan ini barulah menara telekomunikasi akan dipasang.
- b) Tiada sebarang butiran lanjut mengenai kos pemasangan, kos seunit menara dengan Kerajaan Negeri. Hal-hal berkaitan dengan menara telekomunikasi ini akan dibuat dengan kerjasama Konsortium Jaringan Selangor yang bertanggungjawab menyelaras dan membangunkan infrastruktur telekomunikasi.
- c) Kajian teliti di peringkat Negeri masih belum dibuat oleh sebab ia terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun menurut Agensi Nuklear Malaysia, kesan radiasi dari menara telekomunikasi amat minimum berdasarkan ujian-ujian yang telah dilaksanakan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimana Kerajaan Negeri mengatasi pembangunan sukan di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan kekurangan tanah untuk rekreasi dan sukan?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor bagi memajukan sukan kalangan belia?

JAWAPAN :

- a) Majlis telah menjalankan kerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan dalam membangunkan sukan di Negeri Selangor. Antaranya Program-program Latihan Persediaan SUKMA, Latihan-latihan program kendalian Persatuan-Persatuan Sukan Negeri dan Program Pembangunan Sukan di Peringkat Sekolah. Isu kekurangan tanah untuk rekreasi tidak timbul kerana pihak Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai dewan dan kawasan riadah dan kemudahan-kemudahan yang secukupnya untuk tujuan ini. Selain itu Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa menganjurkan program untuk menggalakkan program riadah dan sukan.
- b) Majlis Sukan Negeri Selangor sedang merangka penstrukturran semula yang dijangka dapat dilaksanakan mulai awal tahun 2009. Dalam penstrukturran baru kelak, penglibatan menyeluruh belia akan diwujudkan dengan meluaskan peranan Majlis bukan hanya setakat mengendali sukan prestasi tinggi tetapi juga merangka aktiviti-aktiviti sukan massa. Program yang dijalankan diseimbangkan dengan program pembangunan sukan prestasi tinggi dan program sukan massa dan akan melibatkan secara langsung semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan sukan, rekreasi dan kecergasan, Persatuan Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah, Institusi Pengajian Tinggi, badan-badan sukarela serta orang-orang perseorangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMAD AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : TUNGGAKAN HASIL KERAJAAN NEGERI

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengutip atau mengurangkan tunggakan hasil kerajaan negeri yang dilaporkan melebihi setengah bilion (RM670.57 juta) pada tahun 2007.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mendapatkan semula tunggakan hasil negeri. Usaha-usaha ini sentiasa dipertingkatkan dari tahun ke tahun. Hasilnya, Laporan audit tahun 2008 telah menunjukkan **penurunan tunggakan sebanyak RM125 juta** berbanding tahun sebelumnya. Di antara tindakan yang telah diambil adalah seperti berikut:

1. Tindakan terhadap pemilik-pemilik tanah yang bertungggak:

- i. Menghantar surat peringatan;
- ii. Membenarkan bayaran dibuat secara ansuran;
- iii. Mengadakan siri perbincangan "Penunggak-Penunggak Tegar" bersama Pegawai Daerah secara berkala;
- iv. Membuat siasatan maklumat pemilik dengan Jabatan Pendaftaran Negara/Suruhanjaya Syarikat Malaysia (jika masih tidak tampil);
- v. Membuat siasatan ke atas tanah (jika pemilik tidak dikenalpasti); dan
- vi. Mengeluarkan Notis 6A / 8A (Rampasan Tanah).

2. Usaha tambahan bagi menggalakkan bayaran:

- 2.1 **Menambah saluran/ kaedah pembayaran** untuk kemudahan pihak pembayar cukai.

Pusat pembayaran secara online:

- i. CIMB
- ii. MBF Cards
- iii. RHB Bank
- iv. BIMB
- v. AMBANK
- vi. MAYBANK
- vii. POS ONLINE

Pusat pembayaran di kaunter:

- i. Kaunter semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- ii. Kaunter semua Pejabat Pos di Selangor dan Wilayah Persekutuan

2.2 **Kempen kesedaran** membayar cukai tanah secara menyeluruh melalui beberapa saluran utama:

- i. Akhbar-akhbar utama
- ii. Radio-radio rasmi Kerajaan
- iii. Billboard di jalan-jalan utama

3. Usaha berterusan menangani tunggakan:

- 3.1 Menghantar **anggota ‘taskforce’** yang diterima daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) ke setiap daerah bagi menyelesaikan tunggakan cukai tanah.
- 3.2 Mengenal pasti dan **mengasingkan semua hak milik (bertunggak) yang bermasalah** daripada jumlah tunggakan sedia ada supaya tumpuan dapat diberikan dan tindakan susulan dapat diambil.
- 3.3 **Pembersihan data** Sistem Pungutan Hasil Tanah (SPHT) dilakukan dengan perbandingan data Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPBT) bagi mendapat data yang tepat dan terkini.

4. Lain-lain usaha Pejabat/Tanah Daerah:

- i. Membuka kaunter kutipan di luar pejabat;
- ii. Membuka kaunter pada waktu rehat;
- iii. Hebahan di masjid / tempat Ibadah; dan
- iv. Lawatan ke atas tapak tanah/premis bermasalah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAAN

151. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar ;
- a) Sudahkah pihak Kerajaan Negeri Selangor mengenal pasti lokasi sebenar Pusat Kebudayaan Cina Selangor dan bilakah kerja-kerja pembinaan akan dimulakan serta tarikh dijangka siap?
 - b) Bilakah Pusat Kebudayaan India Selangor akan dibina dan di manakah lokasinya?
 - c) Berapakah jumlah peruntukan bagi pembinaan Pusat Kebudayaan Cina dan India dan dari manakah peruntukan itu diperolehi?

JAWAPAN :

- a) Pihak Kerajaan Negeri masih dalam proses mengenalpasti lokasi yang bersesuaian dan dalam perbincangan terperinci untuk membina Pusat Kebudayaan Cina dan India. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja persetujuan dan penilaian projek diperolehi dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN).
- b) Pihak Kerajaan Negeri masih dalam proses mengenalpasti lokasi yang bersesuaian dan dalam perbincangan terperinci untuk membina Pusat Kebudayaan Cina dan India. Kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja persetujuan dan penilaian projek diperolehi dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN).
- c) Peruntukan bagi pembinaan Pusat Kebudayaan Cina dan India dijangka berjumlah RM 20 juta bagi setiap satu. Peruntukan tersebut adalah peruntukan Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)

TAJUK : KERETA RASMI PEGAWAI-PEGAWAI ATASAN KERAJAAN NEGERI

152. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah jumlah bilangan, jenama, umur dan harga kenderaan yang dimiliki oleh kerajaan negeri untuk kegunaan rasmi pegawai-pegawai atasan kerajaan negeri?
- b) Meminta satu senarai perbelanjaan penyelenggaraan kenderaan ini sejak digunakan dan kerosakan yang sering dihadapi?

JAWAPAN :

- a) Jumlah bilangan, jenama , umur dan harga kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri untuk kegunaan rasmi pegawai-pegawai atasan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :

Bil	Jawatan	Jenama	Tarikh Pembelian	Harga
1.	Y.A.B. MENTERI BESAR	PROTON PERDANA 2.0 (BHQ 737)	27/07/2005 Lebih kurang (3 tahun)	RM141,262.35
2.	Y.B. SUK	PROTON PERDANA 2.0 (BHN 77)	14/05/2005 Lebih kurang (3 tahun)	RM 199,308.80 (Termasuk cukai dan insuran)
3.	Y.B. PUU	PROTON PERDANA 2.0 (BJE 1118)	30/10/2006 Lebih kurang (2 tahun)	RM 124,610.35
4.	Y.B. PWN	PROTON PERDANA 2.0 (BHQ 90)	04/08/2005 Lebih kurang (3 tahun)	RM144,262.35

- b) Senarai perbelanjaan penyelenggaraan kenderaan ini sejak digunakan dan kerosakan yang sering dihadapi :

Bil.	Jawatan	Senarai Perbelanjaan			
		2005	2006	2007	2008
1.	Y.A.B. MENTERI BESAR	18,159.00	15,178.00	12,570.00	8,600.00
1.	Y.B. SUK	1,411.00	2,296.00	6,596.30	4,183.45
2.	Y.B. PUU	0	2,110.00	6,241.19	6,628.25
3.	Y.B. PWN	680.00	9,351.85	10,129.85	15,810.40
Jumlah Keseluruhan:		20,250.00	28,935.85	35,537.34	35,222.10

Perincian jenis penyelenggaraan dan kerosakan yang dihadapi adalah seperti berikut :

- i) Kerosakan Gear Box
- ii) Kerosakan Absorber
- iii) Kerosakan Spring Absorber
- iv) Kerosakan Aircond

Selain daripada itu adalah penyelenggaraan berkala, penggantian tayar kereta, penggantian bateri dan penggantian alat ganti lain mengikut keperluan semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELUK DATUK)**

TAJUK: KOS PENYELENGGARAAN KERETA-KERETA RASMI EXCO

153. Baru-baru ini masalah kos penyelenggaraan kereta-kereta rasmi exco telah dibangkitkan. Kos penyelenggaraan untuk kereta-kereta EXCO adalah terlalu mahal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Sila senaraikan nama syarikat-syarikat bengkel kereta yang berkenaan serta butir-butirnya secara terperinci.
- b) Adakah pihak ketiga terlibat dalam kes ini? Misalnya pemberian komisen kepada pihak ketiga.
- c) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah memilih 10 Syarikat dan kos penyelenggaraan kereta rasmi EXCO (Y.A.B. Dato' Menteri Besar, Y.B. Setiausaha Kerajaan, Y.B. Pegawai Undang-Undang dan Y.B .Pegawai Kewangan Negeri) adalah seperti berikut:

Bil	Nama Syarikat	Jumlah (RM)
1.	Data Mewah Sdn Bhd	7,124.00
2.	Kia Protee Services Sdn. Bhd.	7,841.00
3.	Metro Vellay Autitech Sdn. Bhd	26,796.00
4.	Free Will Auto Sdn. Bhd	2,110.00
5.	Massaga Auto Services Sdn Bhd.	34,818.04
6.	Bengkel Kereta Sahar	25,842.25
7.	Syarikat Perkhidmatan Shah Jaya	1,119.00
8.	Zaan Maju Enterprise	246.00
9.	E D Tayar dan Bateri Sdn Bhd	10,427.00
10.	Syarikat Tayar Soon Leong	3,622.00
Jumlah Keseluruhan :		119,945.29

- b) Pihak ketiga tidak terlibat.

- c) Langkah-langkahnya yang diambil adalah seperti berikut :-
- i) Berurusan terus dengan syarikat pembaikan
 - ii) Meminta sebutharga daripada beberapa syarikat
 - iii) Membuat perbandingan harga antara syarikat
 - iv) Menyemak harga alat ganti mengikut harga pasaran semasa.

JAWAPAN DARI DEWAN UNDANGAN NEGERI SELANGOR

- a) Hanya sebuah syarikat yang menyelenggara kenderaan rasmi AMMKN (EXCO) iaitu Edaran Automobil Nasional Berhad (EON).
- b) Tiada
- c) Tiada

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : DANA DAN PUSAT WARISAN (*HERITAGE CENTRE*)

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Adakah Kerajaan Negeri Selangor mempunyai apa-apa dana untuk rakyat jelata sekiranya berlaku sebarang malapetaka dan jika ada sila jelaskan dengan terperinci bagaimana ianya berfungsi setakat ini dan jika tiada apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mewujudkan dana tersebut?
 - Adakah terdapat apa-apa perancangan atau tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan di kalangan kaum bukan Melayu dan jika sekiranya tiada apakah langkah-langkah seterusnya?
 - Adakah Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu tapak "*Non-Malay Heritage Centre*" di Negeri Selangor ini?

JAWAPAN :

- Kerajaan Negeri ada menyediakan dana dan bantuan untuk malapetaka dan bencana. Dana dan bantuan tersebut akan disalurkan secara terus kepada mangsa bencana samada melalui pembinaan, baik pulih rumah atau bantuan-bantuan lain yang bersesuaian dengan kerosakan yang dialami.
- Program pembasmian kemiskinan Kerajaan Negeri sentiasa mengambil kira pelbagai kaum termasuklah kaum bukan melayu. Sehingga kini, tiada program pembasmian kemiskinan yang hanya berlandaskan satu kaum sahaja dan meminggirkan kepelbagaian kaum di Malaysia.
- Keperluan untuk mewujudkan "*Non-Malay Heritage Centre*" akan bergantung kepada keperluan semasa dan sehingga kini Kerajaan negeri telah pun mewujudkan Pusat Kebudayaan Cina dan pusat tersebut berfungsi sebagai pusat aktiviti dan kebudayaan cina.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PERKHIDMATAN ALAM FLORA

155. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :
- Peratusan belanjawan yang diperuntukan oleh setiap PBT untuk Alam Flora setiap tahun sejak tahun 2004.
 - Bilangan aduan yang diterima oleh setiap PBT berkenaan dengan kualiti perkhidmatan Alam Flora. Nyatakan mengikut kategori.
 - Langkah-langkah yang diambil untuk menenteramkan rasa tidak puas hati di kalangan penduduk berhubung dengan perkhidmatan Alam Flora yang kurang memuaskan.

JAWAPAN :

JAWAPAN DARIPADA MPAJ

- a) Peratusan belanjawan Alam Flora dari tahun 2004-2008 MPAJ

TAHUN	BELANJAWAN (RM)	PEMBERSIHAN (RM)	PERATUS (RM)
2004	109,538,035.00	35,571,480.00	32%
2005	77,739,434.00	33,987,206.00	44%
2006	114,809,698.00	46,700,000.00	41%
2007	93,960,704.00	40,000,000.00	43%
2008	101,322,800.00	41,760,000.00	41%

* Tahun 2004-2007 bulan Jun adalah lantikan kontraktor oleh Majlis.

* Tahun 2007 bulan Julai -2008 Alam Flora Sdn. Bhd.

Rujukan Fail : 1) Buku Belanjawan 2004 hingga 2008.

- Kutipan sisa pepejal - 71
Pembersihan longkang - 19
Pemotongan rumput - 20
Penyapuan - 1
- MPAJ akan mengambil tindakan segera (backup) sekiranya pihak kontraktor / AFSB gagal melaksanakan tugas, selain mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada AFSB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : PERLANTIKAN AHLI MAJLIS PBT (PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN)

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengadakan pilihan raya bagi pelantikan ahli majlis PBT?
- b) Jika ya, nyatakan bila ia akan dilaksanakan dan usaha-usaha yang sedang diambil untuk melaksanakannya.
- c) Jika tidak, nyatakan sebab-sebab mengapa ia tidak boleh dilaksanakan.

JAWAPAN :

a,b&c)

Kerajaan Negeri Selangor sedang berbincang dengan "Coalition For Good Governance" yang dianggotai oleh sekumpulan badan bukan kerajaan atau NGO yang berkaitan. Walau bagaimanapun perkara ini tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan di bawah Kerajaan Persekutuan.

Walaupun Kerajaan Negeri secara dasanya menyokong pilihanraya kerajaan tempatan, usaha ke arah ini tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan. Kerajaan Negeri akan menjalankan kajian menyeluruh dengan semua pihak terlibat dan implikasinya secara total sebelum membuat apa-apa keputusan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : PENCEMARAN LOMBONG

157. Kawasan bekas lombong seluas 114 ekar di Taman Sri Manja, PJS 3 telah diberi milik kepada 5 pemaju. Namun kos pembiayaan rawatan lombong yang tercemar tersebut ditanggung oleh Kerajaan Negeri Selangor; 2004-2006, kos rawatan RM3.4 juta; 2007-kini, kos rawatan 4.8 juta.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Mengapakah Kerajaan Negeri terpaksa menanggung kos rawatan sedangkan tapak adalah milik persendirian sepenuhnya?
- Adakah mana-mana pemaju yang menjadi pemilik tapak lombong tersebut membiayai kos rawatan lombong. Senaraikan nama pemaju, jumlah yang dibiayai dan tarikh pembiayaan diberi.
- Apakah kaedah rawatan yang dibuat atau hanya meneutralkan gas yang keluar (*hydrogen sulfide*). Mengapa tidak dirawat punca sebenar masalah lombong?

JAWAPAN :

Jawapan untuk soalan (a) dan (b)

Sebenarnya pemaju juga ada menyumbang dari segi kos dan rawatan untuk masalah pencemaran gas Hidrogen Sulfida di Tasik Lombong Taman Sri Manja. Pemaju-pemaju tersebut adalah seperti berikut:

- | | | | |
|--|---|--------------|--------------|
| i) Tetuan Susunan Baru Sdn Bhd | - | RM 70,000.00 | 3 Jun 2005 |
| | - | RM 2 juta | 5 April 2007 |
| ii) Tetuan Peter's Brickworks Sdn Bhd | - | RM 50,000.00 | 5 April 2005 |
| iii) Syarikat Lagenda Kencana Sdn Bhd | - | | |
| Mengambil alih melakukan rawatan dengan melantik kontraktor dan juga membiayai kos rawatan bermula pada September 2005 Mei 2006. | | | |

- c) Rawatan dan tindakan yang diambil pada waktu ini adalah syor daripada keputusan Kajian Penilaian Pencemaran Persekuturan dan Geoteknikal di kawasan Tasik Lombong PJS 3 oleh Unit Perundingan Universiti Malaya iaitu:

Cadangan Jangka Masa Pendek.

- 1) Rawatan berterusan kepada permukaan air – iaitu apa yang dilakukan sekarang
- 2) Menutup longkang besar - telah dibuat
- 3) Pemantauan gas dan air bawah tanah.
- 4) Memindahkan murid sekolah Tadika

Cadangan Jangka Masa Panjang.

- 1) Menimbus lombong dengan tanah atau ‘inert material’ sahaja. – sedang berjalan sekarang.
- 2) Pengumpulan dan rawatan kepada ‘leachate’
- 3) Pengumpulan dan rawatan gas
- 4) Mengalihkan semua inlet longkang yang masuk ke dalam lombong - dalam perancangan
- 5) Pemantauan gas dan air bawah tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN M. MANOHARAN
(KOTA ALAM SHAH)**

TAJUK : BAHASA INGGERIS DAN PERKEMBANGANNYA

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menggunakan Bahasa Inggeris sekali dalam seminggu di Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor?
 - b) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menggalakkan lebih ramai kakitangan awam Negeri Selangor untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris memandangkan Bahasa Inggeris adalah bahasa global?
 - c) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan menyediakan dan menggunakan lebih banyak dokumen-dokumen rasmi di dalam Bahasa Inggeris juga selain daripada Bahasa Malaysia?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri mengiktiraf kepentingan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dunia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mendukung peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang mana Bahasa Melayu diiktiraf sebagai Bahasa Kebangsaan yang digunakan untuk sebarang urusan rasmi tetapi hak pengajaran dan pembelajaran bahasa-bahasa lain terpelihara.
- b) Kerajaan Negeri mengalakkan kakitangan awam untuk mempunyai skil pelbagai bahasa terutamanya Bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi dunia. Kerajaan Negeri melihat penguasaan ini sesuatu yang positif.
- c) Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk menyedia semua dokumen dokumen rasmi dalam dwi bahasa – iaitu bahasa melayu dan Inggeris.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK : GELANGGANG BOLA KERANJANG

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- Berapakah jumlah gelanggang bola keranjang di kawasan DUN Subang Jaya?
- Sila nyatakan butir-butir seperti kos pembinaan setiap gelanggang, nama kontraktor yang membinanya dan kos penyelenggaraan setiap tahun.

JAWAPAN :

- Jumlah gelanggang bola keranjang dalam kawasan DUN Subang Jaya ialah sebanyak 20 unit. (Senarai lengkap adalah seperti dilampiran).
- Daripada 20 gelanggang yang ada, 19 lagi gelanggang yang ada telah dilaksanakan dari peruntukan ADUN melalui Pejabat Tanah Daerah Petaling. Walau bagaimanapun, hanya sebuah gelanggang di USJ 3/1A dibina oleh MPSJ pada tahun 2006 yang bernilai RM 60,000.00 (kawasan Laykold berwarna). Ia telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik menerusi sebutharga iaitu Syarikat W.Seven Enterprise.

Senarai Gelanggang Bola Keranjang di DUN Subang Jaya

a) PJS

BIL	LOKASI
1.	PJS 7/9
2.	PJS 9/14

b) SS

BIL	LOKASI
1.	SS 14/6N
2.	SS 15/5B
3.	SS 17/2
4.	SS 18/4
5.	SS 19/1

c) USJ

BIL	LOKASI
1.	USJ 3/1A
2.	USJ 4/1K
3.	USJ 4/7
4.	USJ 5/1C
5.	USJ 6/4B
6.	Good Year Court 8, USJ 14
7.	USJ 9/3E
8.	USJ 11/1
9.	USJ 11/3K
10.	USJ 12/2F
11.	USJ 13/3D
12.	USJ 20/1
13.	USJ 26

Senarai Nama Kontraktor Pembinaan Gelanggang Bola Keranjang

BIL	NAMA KONTRAKTOR	LOKASI	ANGGARAN	TAHUN
1.	Syarikat W. Seven Enterprise	USJ 3/1A (cat berlaykold)	Lebih kurang RM 60,000.00	2006